



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**



## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Dari pada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 22)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2015) 2016 Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016	(Halaman 23) (Halaman 48)



**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Doris Sophia Brodie.
3. “ Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. “ Datuk Abdullah bin Mat Yassim (Dilantik)
5. “ Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
6. “ Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar - (Dilantik)  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
9. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
11. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki - (Dilantik)  
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
12. “ Puan Hajah Azizah binti Haji Harun (Dilantik)
13. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
14. “ Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
15. “ Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
16. “ Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah (Selangor)(LS)
17. “ Datin Paduka Chew Mei Fun - (Dilantik)  
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
18. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
19. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
20. “ Tuan Chong Sin Woon - (Negeri Sembilan)  
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
21. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
22. “ Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
23. “ Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
24. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
25. “ Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
26. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
27. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
28. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)(LS)
29. “ Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
30. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
31. “ Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
32. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)

33. Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
34. " Datuk Koh Chin Han (Melaka)
35. " Dato' Lee Chee Leong - (Perak)  
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
36. " Datuk Lihan Jok (Sarawak)
37. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - (Dilantik)  
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
38. " Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
39. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
40. " Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
41. " Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
42. " Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
43. " Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty (Selangor)
44. " Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
45. " Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak - (Dilantik)  
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
46. " Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
47. " Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
48. " Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
49. " Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
50. " Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
51. " Datuk Paul Low Seng Kuan - (Dilantik)  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
52. " Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
53. " Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
54. " Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
55. " Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
56. " Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
57. " Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
58. " Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
59. " Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
60. " Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
61. " Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
62. " Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
63. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
64. " Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Negara**  
Encik Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)****PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Rosna binti Bujairomi  
Noraidah binti Manaf  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh  
Yoogeswari A/P Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibharim  
Hizamihatim Maggiha bin Juara



**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT PERTAMA**

**Rabu, 27 April 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, statistik pelajar-pelajar yang mengikuti pelajaran tinggi dalam bidang perubatan di IPTA, IPTS atau luar negara. Adakah kementerian bercadang untuk mengkaji balik senarai universiti-universiti yang diiktirafkan dan mengurangkan kemasukan ke universiti-universiti ini untuk memastikan kualiti doktor graduan adalah setaraf universiti IPTA.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh atas soalan yang berkaitan dengan bidang perubatan di IPT.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2014, seramai 8,157 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda sedang mengikuti pengajian dalam bidang perubatan di universiti awam (UA) manakala di institusi pendidikan swasta (IPTS) pada tahun 2014, seramai 11,348 orang pelajar mengikuti pengajian dalam bidang perubatan.

Jumlah yang melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di luar negara pada tahun 2014 seramai 539 orang pelajar. Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa bekerjasama dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) bagi memantau kualiti pendidikan perubatan di universiti awam dan universiti IPTS dengan tujuan lantikan ke dalam perkhidmatan awam. Kajian bagi penilaian semula pengiktirafan, kelayakan yang telah diiktiraf adalah tertakluk kepada keperluan dari semasa ke semasa.

Pada masa ini, kerajaan telah melaksanakan moratorium ke atas penawaran kursus baru bidang perubatan di institusi pendidikan tinggi untuk tempoh lima tahun berkuat kuasa 1 Mei 2011 hingga 30 April 2016. Walau bagaimanapun, tempoh moratorium tersebut akan dilanjutkan selama lima tahun lagi iaitu mulai 1 Mei 2016 hingga 30 April 2021. Ini bagi memastikan keperluan penawaran dan kehendak industri serta kebolehpasaran graduan adalah seimbang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri memberi jawapan. Saya mahu merujuk kepada tiga artikel akhbar baru-baru ini di bulan April dan Mei. Satu daripada *Star* menyatakan bahawa kemungkinan besar graduan-graduan terpaksa tunggu lebih kurang satu tahun untuk membuat *housemanship*. Ini disebabkan kapasiti *housemanship* tiap-tiap tahun yang telah dinyatakan oleh Kementerian Kesihatan 5,000 orang.

Nombor dua, ada satu lagi *statement* daripada Dr. Jayendran menyatakan, pelajar-pelajar cemerlang daripada institusi di Malaysia, Universiti Malaya dan USM, mereka telah pergi ke Singapura untuk bekerja.

Ini kerana, nombor satu, tempoh hendak tunggu di Singapura pendek dan peluang untuk membuat *specialization* boleh mereka memohon dalam Tahun Pertama. Akan tetapi di sini kena tunggu 3 hingga 4 tahun. Satu lagi artikel di *Free Malaysia Today*, menyatakan satu daripada lima yang masuk *housemanship* ini, dia tak *complete, give up*. Jadi soalan saya ialah:

- (i) sama ada kementerian telah membuat satu *roadmap*, apakah *demand* untuk doktor-doktor lima ke 25 tahun akan datang ini dengan berapa banyak yang masuk mengambil kursus perubatan, betul, *can we have a balance?* Nombor satu;
- (ii) adakah kita hendak buat satu kontrol mekanisme, memang saya dengar tadi, ada kontrol mekanisme moratorium di Malaysia, tetapi yang mereka yang pergi di luar itu, di universiti-universiti diiktirafkan, adakah kita kena buat satu kontrol mekanisme dan apakah pendapat Yang Berhormat, kenapa begitu ramai yang *give up housemanship*? Adakah kita hendak mencadangkan satu *common entrance exam* supaya kita dapat tahu mereka yang betul-betul berminat sahaja yang pergi membuat kursus perubatan?

Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal atas soalan yang berkaitan dengan beberapa perkara dan perkara yang pertama adalah berkaitan dengan kewujudan *roadmap*. Memang Kementerian Pendidikan Tinggi mengadakan *roadmap* dan *roadmap* ini juga disediakan berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi yang sudah dilancarkan pada tahun 2015 hingga tahun 2025 dan *roadmap* ini merangkumi dalam pelan tersebut mengikut beberapa lonjakan.

#### ■1010

Lonjakan yang keenam ada yang berkaitan dengan pemantapan tadbir urus. Lonjakan tujuh yang berkaitan dengan ekosistem inovasi dalam bidang perubatan. Yang kelapan adalah berkaitan dengan keunggulan global di mana bukan hanya kita hendak dapat kehebatan dalam peringkat negara tetapi di peringkat antarabangsa juga. Lonjakan sembilan ada berkaitan dengan transformasi penyampaian bidang perubatan.

Bagi tujuan seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, *roadmap* atau hala tuju pendidikan perubatan di Malaysia telah diterangkan secara terperinci dalam laman web Jabatan Pendidikan Tinggi. Boleh dimuat turun setebal 53 muka surat dan ini menerangkan enam perkara iaitu pendidikan perubatan Malaysia, pemilihan pelajar program perubatan di Malaysia, moratorium seperti yang saya sudah sebut tadi dan untuk membina modal insan di Fakulti Perubatan, kerjasama antara Fakulti Perubatan IPTA dan IPTS dan *liberalization* sektor pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Berkaitan dengan pelajar yang tidak dapat menghabiskan pelajaran mereka dan mereka sebenarnya diberi peluang untuk mengambil semula mata pelajaran yang gagal dan mengulang semula semester. Berkaitan dengan *mechanism*, memang Kementerian Pendidikan Tinggi ambil tindakan atau perhatian berat dan seperti yang saya selalu kata bahawa pendidikan adalah satu proses *of transformation* dan memang usaha sudah diambil untuk melihat sejauh mana *mechanism* yang kita boleh gunakan untuk mempertingkatkan standard atau kualiti pelajar.

Selain daripada itu, kelayakan Ijazah Sarjana Muda Perubatan ini ada kawalan juga dan kelayakan perubatan yang telah diiktiraf oleh MMC atau Majlis Perubatan di Malaysia, *Malaysian Medical Council* atau MMC akan turut sama diiktiraf oleh kerajaan bagi tujuan lantikan kepada perkhidmatan awam. Yang Berhormat bolehlah rujuk kepada laman web rasmi *of MMC* di mana semua maklumat yang diperlukan ada dalam laman web rasmi iaitu [www.mmc.gov.my](http://www.mmc.gov.my). Kementerian Pendidikan Tinggi memang bekerjasama secara rapat dengan MMC. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Syed Ibrahim bin Kader.

**Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan subjek ini yang mana Yang Berhormat Menteri tadi menerangkan berkenaan dengan jurusan *doctorate*. Saya ingin hendak tahu sedikit yang mana kita dapat lihat yang keperluan itu kurang daripada *supply* dan ramai graduan *doctorate* yang telah pun *graduate* setiap tahun.

So, apakah langkah yang kementerian akan ambil untuk selesaikan masalah ini? Fasal apa kalau tidak, orang ini kena tunggu lama untuk *housemanship*. So, ini yang saya fikir kementerian harus ambil tindakan yang serius. Fasal apa kita berikan bukaan yang begitu besar yang mana ramai yang graduan yang masuk ke dalam universiti dan keluar sebagai doktor tapi mereka tidak dapat untuk *housemanship*. Dia kena tunggu lama.

Soalan saya yang kedua, saya juga dapat lihat banyak aduan saya telah pun terima berkenaan dengan *housemanship* yang mana ramai yang berhenti daripada *housemanship* kerana tekanan yang kuat di situ. So, saya rasa kementerian harus ambil tindakan ini. Fasal apa, mereka sudah *graduate* sebagai *doctorate* tapi bila *housemanship* mereka ini memang lari dari situ. Ini akan menjejaskan masa depan mereka itu. So, ini soalan-soalan daripada saya. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan dan memang Kementerian Pendidikan Tinggi mengambil berat tentang isu yang sudah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator tadi dan salah satu langkah yang sudah diambil adalah di mana Kementerian Pendidikan Tinggi sudah melanjutkan tempoh moratorium. Seperti yang sudah menjawab tadi bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi memang bekerjasama secara rapat dengan MMC dan memang perbincangan sedang atau selalu dapat dilaksanakan atau dijalankan antara dua pihak.

Berkaitan dengan *housemanship* dan mereka tamat dia punya *housemanship*. Ini adalah satu fenomena yang berkaitan dengan idea *versus* realiti ya, ini kerana apabila mereka belajar di universiti nampaknya berdasarkan konsep atau teori. Akan tetapi apabila mereka masuk hospital untuk melanjutkan atau untuk menjalankan dia punya *housemanship*, barulah dia melihat bahawa, dengan izin, *it is not as glamorous after all being a doctor*.

Cadangan adalah untuk mengadakan satu kajian yang dijalankan, untuk *determine* atau untuk cari dapatan-dapatan atau input kenapakah selain daripada fenomena *of the reality versus ideal* atau *ideal versus* realiti berlaku. Apakah faktor yang lain yang menyebabkan mereka tidak tamatkan dia punya *housemanship*. Jadi, saya tidak akan komen *until* kajian dapat dijalankan supaya kita boleh *pin down the factors* dan selepas itu ambil tindakan susulan untuk melaksanakan pelan tindakan untuk menyelesaikan atau menangani isu yang disebut oleh Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang kita...

**Dr. Mohd Nor bin Haji R.M. Monutty:** Boleh Tuan Yang di-Pertua, boleh saya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Nor bin Haji R.M. Monutty:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang adakah Kementerian Pendidikan Tinggi mengadakan pemantauan untuk memastikan prestasi, kualiti fakulti-fakulti perubatan di IPTS di luar negara seperti di Mesir, India, Rusia, Indonesia dan sebagainya? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan kawalan dan saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Senator bahawa pemantauan atau pengawalan memang dijalankan atas IPTA dan IPTS oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Akan tetapi Kementerian Pendidikan Tinggi tidak mengawal universiti di luar negara dan ini bukan *jurisdiction* Kementerian Pendidikan Tinggi tetapi Majlis Perubatan Malaysia atau *The Malaysian Medical Council*. Sekian, terima kasih.

**2. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta Menteri Pendidikan menyatakan, bilangan pelajar lelaki dan perempuan di peringkat pendidikan rendah, menengah dan pengajian tinggi. Adakah terdapat jurang perbezaan kecemerlangan akademik antara pelajar lelaki dan perempuan serta apakah faktor penyebab jurang perbezaan ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah. Tuan Yang di-Pertua, bilangan murid lelaki di sekolah rendah adalah seramai 1,378,419 orang manakala di sekolah menengah 1,066,821 orang. Bagi murid perempuan pula di sekolah rendah adalah seramai 1,307,258 orang manakala di sekolah menengah 1,075,799 orang. Daripada segi kecemerlangan akademik berdasarkan gred purata pencapaian lelaki dan perempuan dalam keputusan UPSR dan SPM menunjukkan sedikit perbezaan.

■1020

Sehubungan dengan itu melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan pendekatan dan langkah-langkah bersesuaian bagi memastikan modal insan ini terus cemerlang dan mengikut keupayaan mereka sendiri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di peringkat pendidikan tinggi pula termasuk pelajar ke universiti awam, politeknik dan kolej komuniti adalah berdasarkan sistem meritokrasi dengan mengambil kira 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum tanpa mewujudkan elemen diskriminasi. Berdasarkan statistik pendidikan tinggi pada tahun 2015, terdapat seramai 655,244 orang pelajar yang mengikuti pengajian di universiti awam, politeknik dan kolej komuniti. Daripada jumlah tersebut seramai 266,068 orang pelajar lelaki dan 389,176 orang pelajar perempuan.

Secara keseluruhannya pelajar perempuan seramai 235,257 orang adalah melebihi pelajar lelaki seramai 205,389 orang di universiti awam. Walau bagaimanapun trend tersebut berbeza di politeknik dengan 49,885 orang lelaki berbanding 46,184 orang pelajar perempuan. Trend yang sama berlaku di kolej komuniti dengan 10,794 orang pelajar lelaki berbanding 7,735 orang pelajar perempuan. Di institusi pendidikan tinggi swasta pada tahun 2014 terdapat seramai 493,725 orang pelajar di mana bilangan yang hampir seimbang dengan 225,896 orang pelajar lelaki dan 267,829 orang pelajar perempuan. Terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih. Jadi jika kita lihat kepada angka-angka yang telah dibentangkan tadi kelihatan kecemerlangan pelajar-pelajar perempuan adalah lebih berbanding dengan pelajar lelaki sama ada di peringkat menengah ataupun peringkat pengajian tinggi. Saya kira sepatutnya Menteri-Menteri juga ramai di kalangan wanita kalau kita tengok kepada kecemerlangan itu tadi. Sebenarnya kalau kita baca di peringkat fenomena ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malah di peringkat dunia, global pun macam itu juga.

Cuma sebenarnya dalam soalan saya, saya bertanya apa faktor yang membawa kepada perbezaan kecemerlangan antara pelajar lelaki dan perempuan. Adakah sistem pengukuran kecemerlangan akademik yang ada pada hari ini memihak kepada golongan wanita? Lelaki lebih banyak kepada bidang-bidang kemahiran dan tidak kepada wanita. Adakah faktor pengukuran kecemerlangan akademik pada hari ini memihak kepada wanita sebenarnya? Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih atas soalan tambahan. Pertamanya kecemerlangan akademik yang diperoleh di peringkat sekolah sama ada UPSR, PT3 atau SPM, STPM sebenarnya tidak menjanjikan kecemerlangan kerjaya masa kelak. Itu bergantung kepada pencapaian persendirian.\

Kedua, kementerian tidak membuat kajian mengenai jurang perbezaan antara pencapaian gender. Ini adalah selaras dengan prinsip kesaksamaan gender atau *gender equality* dalam pendidikan tinggi seperti mana yang dianjurkan oleh UNESCO.

Jadi, kita tidak ada kajian dan memang bukanlah menjadi objektif kementerian untuk kita membeza-bezakan gender kita sama ada pencapaian lelaki atau perempuan lebih baik daripada lelaki ataupun pencapaian antara kaum ataupun pencapaian antara latar belakang agama, itu bukanlah objektif kita. Ini sebab pendidikan itu tidak kira latar belakangnya.

Maka pentaksiran ataupun peperiksaan yang dianjurkan tidaklah kita mengambil kira sama ada ini memberi kelebihan kepada perempuan berbanding dengan lelaki. Jadi bila kita melihat daripada segi akademiknya, jangan kita melihat dari sudut-sudut seperti itu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana. Soalan saya masih berkisar kepada pendidikan daripada murid yang mana kita tahu bahawa akhir-akhir ini, 3K ini tidak lagi diperkasakan di sekolah iaitu pertamanya keselamatan, kebersihan dan juga kesihatan. Kita tahu bahawa peristiwa yang berlaku baru-baru ini seorang pelajar dipatuk ular, pelajar perempuan rasanya, dipatuk ular di Gua Musang dan juga di Negeri Sembilan. Juga berita semalam menggemparkan juga seorang pelajar meninggal semasa beri ucapan di sekolah, di kelas jatuh pingsan dan meninggal.

Jadi, peristiwa yang berlaku di sekolah ini macam seolah-olah guru ini tidak dilatih, diajar cara kecemasan. Kalau berlaku kecemasan di sekolah murid kena patuk ular, pingsan serangan jantung dan sebagainya, apakah tindakan guru? Adakah pihak PPD sendiri hendak mewujudkan satu jawatan baru iaitu jawatan pegawai perubatan agar pegawai perubatan ini dapat melatih guru-guru yang berada di sekolah kalau berlaku kecemasan bagaimana hendak menyelamatkan pelajar. Ini keresahan, kebimbangan ibu bapa akhir-akhir ini. Apakah komen Menteri? Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan jauh melencong ke isu yang lain. Kalau ikut prosedur saya tidak perlu jawab tetapi ini kawan baik saya, saya bagilah komen sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia minta soalan kerana Timbalan Menteri handal.

**Tuan Chong Sin Woon:** Dia pernah bekerja di Kementerian Pendidikan dia tahu. Sebenarnya kementerian tidak pernah kita mengabaikan konsep 3K. Walaupun beberapa isu ataupun insiden berlaku dipatuk ular dan ada pelajar yang meninggal, ini bukanlah sesuatu yang diingini oleh mana-mana pihak. Ini satu kemalangan yang tidak boleh kita jangkakan. Berkenaan dengan cadangan supaya ada satu jawatan baru untuk rawatan. Saya rasa sudah ada diberi latihan kepada guru-guru kita untuk memberikan bantuan kecemasan sekiranya berlaku apa-apa perkara yang tidak diingini di sekolah. Memang pun kita ada Persatuan Bulan Sabit Merah ataupun kelab-kelab yang berkaitan dan ada guru-guru bimbingan. Cuma sekiranya perkara itu berlaku, setiap guru sepatutnya memberikan bantuan secepat mungkin supaya kita boleh menyelamatkan setiap nyawa bila berlakunya kemalangan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang dibangkitkan oleh Puan Hajah Khairiah sebentar tadi meminta kementerian apakah faktor. Jawapan yang diberi oleh kementerian memang munasabah. Akan tetapi saya sendiri juga ingat soalan yang dibangkitkan mengenai apakah faktor yang mendorong kecenderungan itu kena ambil perhatian oleh kementerian.

**3. Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, bilakah kementerian akan membina pusat perniagaan IT di seluruh negara seperti mana Pusat IT MARA di Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam yang telah mengemukakan soalan nombor 3.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa sekarang ini Pusat IT MARA adalah terletak di Bangunan MARA di Jalan Raja Laut yang dikenali sebagai MARA Digital. Kita pihak kementerian memang bercadang untuk makluman Yang Berhormat untuk menubuhkan MARA Digital ini di seluruh negara.

Buat masa sekarang ini dalam tempoh terdekat ini kita bercadang untuk membuka MARA Digital ini di negeri Terengganu pada hujung Disember ini seawalnya. Juga untuk makluman Yang Berhormat di Melaka pun kita *insya-Allah*, kita akan cuba seawalnya juga pada Disember ini.

■1030

Akan tetapi untuk tempoh terdekat ini untuk makluman Yang Berhormat juga di Glo Mall di Damansara dan juga di Anggerik Mall di Shah Alam kita akan memulakan kerja-kerja awalan ini pada bulan Jun akan datang untuk membolehkan kita memberi ruang dan peluang kepada usahawan-usahawan di bidang IT ini akan memulakan perniagaan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat juga saya hendak sebut juga di sini bahawasanya setakat ini di MARA Digital yang telah sedia ada di bangunan MARA di Jalan Raja Laut, kita telah menyediakan ruangan untuk bumiputera yang berniaga di situ di bidang IT ini sebanyak 114 ruang niaga yang mana setakat ini hasil jualan bermula daripada 8 Disember tahun lalu yang kita buka sudah mencecah RM4.6 juta dan ada peningkatan Yang Berhormat. Lebih kurang 5 peratus setiap bulan dan kita berharap apabila MARA digital ini lebih diketahui umum dan pengunjung-pengunjungnya akan bertambah, maka peningkatan jualan juga akan meningkat lebih daripada 5 peratus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan penjelasan yang lebih menyeluruh berkaitan dengan penerbangan di masa akan datang. Ini satu tindakan yang amat baik kerana kita melihat amat kurang peniaga bumiputera berniaga dalam bidang IT. Ini sudah tentu dapat menggalakkan lagi penyertaan bumiputera dalam bidang ini. Soalan saya hendak tanya apakah yang sudah berniaga ini dapat keuntungan RM4.6 juta, 114 orang adakah semua untung.

Barang-barang IT adakah dari luar negara sahaja, daripada negara China ataupun ada juga dari Jepun, Korea dan juga dalam negara. Adakah banyak lagi syarikat IT yang mengeluarkan barang-barang IT dari dalam negara Malaysia sendiri? Terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat pada permulaan perniagaan ini sudah tentulah kita mesti mengeluarkan modal. Di bidang IT ini juga tidak kurang modalnya agak besar. Kalau dilihat daripada segi jualan pada peringkat awal ini, kita menjangkakan usahawan-usahawan ini akan mendapat keuntungan. Namun, buat masa sekarang ini mereka ada untung bukan tak ada untung tetapi untuk pulangan modal balik dulu. Kita berharap dalam tempoh *within two years*, dalam tempoh dua tahun ini mereka akan dapat modal balik dan selepas ini mereka akan dapat keuntungan.

Juga hendak maklum kepada Yang Berhormat bahawasanya bilangan pengunjung juga bertambah dari bulan ke bulan. Sekarang ini 4,000 hingga 5,000 orang pengunjung ada kadangkala pada hujung minggu mencecah kepada 6,000 orang pengunjung setiap hari. Ini adalah satu perkembangan yang agak menggalakkan dan juga berkaitan dengan soalan Yang Berhormat Senator berkenaan dengan barangan, adakah barangan ini barangan yang kita import sahaja ataupun barangan tempatan. Ia merangkumi keseluruhan. Bukan sahaja daripada China tetapi barangan contohnya telefon bimbit, telefon mudah alih, *hand phone*. Ada daripada Korea, ada daripada US, ada pelbagai negara yang diimport masuk.

Paling membanggakan kita sudah ada usahawan-usahawan tempatan kita yang telah contohnya *power bank*. *Power bank* ini yang mereka buat sendiri. Di Penang ada kilang mereka yang mereka pasarkan. Barangan ini mereka buat sendiri dalam negara dan mereka pasarkan di MARA Digital ini dan kita harapkan dengan adanya pelajar-pelajar kita daripada ITMA, daripada institut pelajaran, institut penyelidikan di bawah MARA ini contohnya di GiatMARA ini, mereka belajar bagaimana hendak menyediakan pelbagai bentuk barangan seperti yang kita tahu di MARA Digital ada *gadget*. *Accessories* untuk telefon ini juga akhirnya dapat berjaya kita buat peringkat tempatan dan kita pasarkan bukan sahaja di MARA Digital tetapi mereka ini telah mengedarkan barang-barang mereka untuk jualan tempatan dalam negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bertanya. Soalan tambahan saya, apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh MARA dalam membantu belia-belia yang ingin menceburi perniagaan bidang IT khususnya belia-belia di luar bandar. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah. Seperti saya maklum sekejap tadi di ITMA institusi pengajian di bawah MARA, kita menyediakan pelbagai kursus. Banyak kursus yang kita latih mereka untuk memberi peluang kepada belia-belia luar bandar ini untuk mempelajari bidang IT. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bolehlah saya sebutkan di sini bahawasanya penubuhan MARA Digital ini memang tepat dan kena pada masanya.

Pada saat kita bercakap tentang dunia tanpa sepadan, kita bercakap soal ledakan teknologi maklumat ini sudah tentulah masyarakat bumiputera di luar bandar ini perlu mengambil bahagian dalam arus pemodenan yang ada pada hari ini. Sudah tentulah maklumat di hujung jari ini sudah menjadi minat, bukan sahaja kepada masyarakat di bandar tetapi rata-rata masyarakat di luar bandar belia terutamanya dan pelajar-pelajar sekolah bermula daripada sekolah rendah sekarang ini kita tengok anak-anak kita sudah boleh menggunakan *hand phone* ini, maklumat melalui *hand phone* ini bukan sahaja di komputer riba ataupun lain-lain seperti iPad dan sebagainya tetapi juga mereka boleh mahir dan begitu cepat lebih daripada kita.

Maka perkara ini pada pandangan saya, tepat apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator tadi untuk memulakan perniagaan, masyarakat luar bandar perlu mendampingi MARA. Perlu berkunjung ke pejabat MARA kerana kita menyediakan pelbagai kemudahan pinjaman untuk mereka memulakan perniagaan sehinggalah kepada syarikat persendirian ataupun syarikat sendirian berhad kita memberikan pinjaman bermula daripada 250,000 bukan sahaja di dalam bidang IT tetapi apa-apa bidang tak berkecuali kalau mereka berminat di bidang IT ini sehinggalah ke 500,000.

Apa yang kita harapkan dengan tertubuhnya MARA Digital ini di setiap negeri dan kita menggalakkan kalau boleh kerajaan-kerajaan negeri menyediakan tempat kepada KKLW untuk kita membuka lebih banyak sebagaimana soalan asal daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri tadi lebih banyak di seluruh negara. Dengan ini juga kita menggalakkan supaya belia-belia luar bandar ini yang berkemahiran, yang mahir ini di dalam bidang-bidang yang kita tawarkan ini yang sudah kita latih di ITMA ini akan memohon untuk menjadi usahawan di sini termasuklah kalau ada belia-belia daripada masyarakat Siam, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som.

Kita iktiraf sebagai Bumiputera dan juga masyarakat Orang Asli Yang Berhormat Senator Tuan Isa boleh memohon di pusat-pusat MARA Digital yang akan kita bina ini agar kita dapat memberi peluang dan ruang kepada mereka ini menceburi bidang IT ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Datuk Yoo Wei How** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, perkembangan terbaru Sijil Kemahiran Malaysia yang mempunyai 8 tahap dan senarai institut yang menawarkan program SKM Tahap 6-8.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yoo. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) ialah kelayakan kemahiran yang dianugerahkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia apabila berjaya melepasi standard yang terkandung dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS).

#### ■1040

NOSS adalah satu dokumen standard yang dibangunkan oleh pakar industri dalam sesuatu bidang pekerjaan dan ia terbahagi kepada lima tahap Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Senator:

- (i) SKM 1 ataupun Tahap 1 - Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja sebahagian besarnya adalah lazim dilakukan dan boleh dijangka. Ini agak rendah;
- (ii) SKM 2 - Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja dalam pelbagai konteks, sebahagiannya adalah tidak lazim dilakukan serta memerlukan tanggungjawab. Ia lebih teknikal lagi Yang Berhormat ya. Ini orang yang pakar dalam NOSS ini menentukan;
- (iii) SKM 3 - Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja dalam pelbagai konteks, kebanyakannya kompleks dan tidak lazim dilakukan;
- (iv) SKM 4 - Diploma Kemahiran Malaysia, terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja teknikal dan profesional yang luas skop dan konteksnya, mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, di samping lazim bertanggungjawab terhadap kerja orang lain dan agihan sumber-sumber; dan
- (v) SKM 5 - Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia, terampil melakukan pelbagai prinsip asas dan teknik yang kompleks di dalam skop yang luas serta selalu tidak dijangka, mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang sangat tinggi, serta bertanggungjawab terhadap kerja orang lain dan agihan sumber-sumber. Bertanggungjawab juga terhadap analisis, diagnosis, reka bentuk, perancangan, pengendalian dan penilaian. Ini tahap yang normal.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran telah mentauliahkan pusat-pusat bertauliah bagi menjalankan program latihan kemahiran Tahap 1 hingga Tahap 5. Belum ada lagi Tahap 6 dan 8. Berdasarkan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia, sehingga Mac 2016, tiada sebarang permohonan pentauliahan yang diterima dan diluluskan daripada penyedia latihan kemahiran bagi melaksanakan program latihan kemahiran tahap 6 hingga tahap 8.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut Kerangka Kelayakan Malaysia yang dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Tahap 6, 7 dan 8 ini ialah tahap (*level*) pada peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda, sijil diploma siswazah, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran. Jadi buat masa ini, kita belum lagi mempunyai institut latihan khas yang melaksanakan program kemahiran Tahap 6 hingga Tahap 8 walaupun telah ada dirangka.

Walau bagaimanapun, JPK dan *Malaysian Technical Universities Network* (MTUN) yang terdiri daripada empat buah universiti teknikal di Malaysia iaitu Universiti Malaysia Perlis, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Teknikal Melaka, Universiti Tun Hussein Onn Batu Pahat, Johor telah membuat artikulasi program kemahiran dengan menawarkan beberapa program yang telah diiktiraf kepada lepasan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Tahap 5 bagi meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Maknanya secara rasmi, secara institut latihan, kita belum ada, 6, 7 dan 8 ini. Ia lebih kepada peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan juga PhD. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yoo Wei How:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih diucapkan kepada Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia yang telah bertungkus-lumus untuk memberi jawapan berkenaan dengan TVET pada saya sejak dua hari yang lalu sampai sekarang. Hari ini baru saya nampak Timbalan Menteri kita ada senyum sedikit hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang kagum sebab kelihatan pembangunan TVET di negara kita telah semakin matang. Dulu, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) itu hanyalah sampai ke Tahap 3. Sekarang sistem kita sudah mampu memperbolehkan pelajaran TVET sudah sampai ke Tahap 5. Kita juga dapati bahawa terdapat empat buah universiti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi yang juga membolehkan pelatih-pelatih TVET supaya melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi.

Namun begitu, saya rasa informasi yang tidak mencukupi telah mengelirukan kebanyakan daripada pelatih-pelatih, di mana pelatih-pelatih juga mungkin tidak tahu bahawa mereka mempunyai peluang untuk melanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi. Ibu bapa pun tidak tahu. Saya rasa bahawa koordinasi antara kementerian-kementerian yang berlainan tetapi sama-sama membangunkan TVET ini perlulah diperkasakan. Saya cadang bahawa penubuhan sebuah Majlis ataupun Suruhanjaya- *high level committee*, dengan izin, supaya koordinasi berkenaan dengan TVET melalui beberapa kementerian dapat diperkasakan. Mintalah pandangan daripada kementerian. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Datuk How. Syabas kerana cukup berminat untuk membantu anak-anak tempatan dalam *skill* ataupun kemahiran ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita telah mempunyai satu Majlis Kemahiran Kebangsaan yang terdiri dari pelbagai kementerian, termasuk Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan mana-mana sahaja kementerian yang mempunyai institut latihan yang ada hari ini, telah termasuk dalam majlis ini. Majlis inilah yang bertanggungjawab untuk meningkatkan tahap kemahiran di negara kita. Ini termasuklah Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita menyertai dalam *ASEAN Skills Competition* atau Pertandingan Kemahiran ASEAN di 10 buah negara Asia. Tahun lepas *alhamdulillah* kita mendapat tempat kedua dengan sembilan Pingat Emas. Tahun ini kita menjadi tuan rumah kepada *ASEAN Skills Competition* ini yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri.

Melalui majlis ini juga, kita menghantar anak-anak kita bersaing di peringkat antarabangsa dalam *World Skills Competition*, pertandingan kemahiran di peringkat dunia yang mana pada tahun lepas di Sao Paulo, kita telah mendapat kedudukan ke-20 berbanding dengan 50 buah negara dunia. Maknanya pencapaian kita cukup baik.

Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Yang Berhormat, di negara kita ini sebenarnya melalui saya sebutkan tadi, Kerangka Kelayakan Malaysia itu, dua-dua kementerian utama yang bertanggungjawab ialah Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Ini agak panjang sedikit Yang Berhormat. Buat masa ini, JPK telah mentauliahkan sebanyak 541 buah pusat bertauliah awam dan pusat bertauliah swasta sebanyak 648...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Tadi Yang Berhormat dia beri cadangan, dia bukan soalan tambahan. Tidak mengapalah, kementerian ambil maklum sahajalah. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Datuk Hajah Noriah binti Mahat** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sejauh manakah undang-undang dan mekanisme penguatkuasaan yang sedia ada dapat mengawal produk kesihatan dan pemakanan di pasaran bagi menjamin keselamatan pengguna; dan
- (b) jumlah pendakwaan dilakukan ke atas pengeluar produk yang diharamkan dan menyalahi undang-undang yang berkuatkuasa di negara ini dan hukuman terhadap mereka.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah. Sebelum saya menjawab, saya juga ingin melafazkan ucapan tahniah kepada rakan saya dahulu ini, pada tahun 2004 kita sama-sama sebagai Setiausaha Parlimen. Hari ini sudah jadi Tuan Yang di-Pertua. Tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Datuk Noriah berkenaan dengan kawalan produk kesihatan dan makanan dan apakah langkah-langkah terhadap mereka yang menyalahi undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, semua produk kesihatan wajib berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah Kementerian Kesihatan sebelum dipasarkan kepada pengguna di Malaysia. Semua produk kesihatan yang telah berdaftar akan diberi nombor pendaftaran MAL dan wajib dilekatkan dengan label keselamatan hologram Meditech.

#### ■1050

Kesalahan menjual produk kesihatan yang tidak berdaftar boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 12, Akta Jualan Dadah 1952 iaitu denda tidak lebih RM25,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Kesalahan melibatkan syarikat pula boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM50,000. Pada tahun 2013 hingga tahun 2015, bahagian perkhidmatan farmasi KKM telah pun mendakwa sebanyak 1,727 kes di mahkamah melibatkan produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernotifikasi dengan kutipan denda sebanyak RM6,061,000.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan produk makanan pula, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan juga menjalankan verifikasi di peringkat kilang makanan untuk memastikan kilang makanan berkaitan melaksanakan satu sistem jaminan keselamatan makanan untuk menghasilkan makanan yang selamat. Di bawah peraturan 9, Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009, semua kilang makanan perlu melaksanakan satu program jaminan keselamatan makanan. Pihak kilang makanan yang gagal mematuhi keperluan ini boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, KKM juga sentiasa memantau makanan di pasaran tempatan yang diimport dengan menjalankan persampelan makanan berdasarkan isu-isu keselamatan makanan dan juga secara rawak ataupun *random* bagi memastikan makanan yang dijual di pasaran adalah selamat serta mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985. Di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985, kesalahan menjual makanan yang tidak mematuhi standard yang ditetapkan boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada RM5,000, ataupun penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun. Manakala, bagi kesalahan menjual makanan yang memudaratkan kesihatan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali di bawah seksyen 13, Akta Makanan 1983. Pada tahun 2013 hingga 2015, sejumlah 391 tindakan dakwaan telah diambil berhubung makanan yang tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan dijatuhi hukuman denda berjumlah RM775,000, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan, Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan sebentar tadi. Tuan yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini kita lihat terlalu banyak produk-produk makanan yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan berdasarkan akta dan peraturan penyediaan makanan yang sedia ada. Soalan saya, adakah kandungan bahan pembuatan ini mengikut standard pelabelan yang sedia ada? Adakah pemantauan bekalan dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak kementerian dalam mengawal pengeluaran produk makanan mengikut standard pelabelan? Adakah akta yang sedia ada dapat mengawal sepenuhnya memandangkan industri pembuatan makan ini terlalu besar.

Adakah kerajaan bercadang meminda Akta Makanan 1983, dan *Food Regulations 1986*? Soalan saya yang kedua, adakah penguatkuasaan membuat lawatan berkala ke kilang-kilang yang membuat produk kesihatan bagi memastikan pengeluar produk berkenaan sentiasa mematuhi undang-undang dan bagi memastikan pengguna tidak tertipu.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dengar Qu Puteh, sudah pakai ramai-ramai, sudah semua orang memakainya, baru kita tahu benda itu beracun dan mempunyai merkuri yang tinggi. Nasib baik saya pakai 'Qu hitam', jadi tidak ada masalah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Datuk Hajah Noriah binti Mahat banyak soalan ni, bukan satu soalan ni.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sebenarnya tiga tapi dia cakap dua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Dalam hal kawalan makanan memang apa yang dilabel di atas kotak ataupun kandungan *container* mestilah sama dengan apa yang terdapat- bila dibuat kajian mesti sama ya. Memang lah ada kes-kes di mana apa yang dilabel di kotak tak sama dengan kandungan dia. Ini salah, ini memang salah. Dalam hal ini kita memang- Bahagian Kawalan Makanan memang buat *sampling secara random, random sampling*, ambil *sample secara random* dan *test*. Akan tetapi kalau ada laporan khusus, kita terus pergi ambil dan kita akan *check* sama ada kandungan itu betul atau tidak.

Dalam hal kosmetik Tuan Yang di-Pertua, ia cuma perlu *notify* dia tak payah- bahan kosmetik dibawa masuk ataupun dibuat di kilang di sini, ia hanya perlu buat notifikasi, ia tidak perlu daftar. Buat notifikasi dan kita tak *check*. Akan tetapi bila sudah dijual, pihak kawalan dadah akan buat *sampling*, dipanggil *post marketing surveillance*. Ambil *sample* dan *check* dan kalau didapati ada bahan terlarang macam yang disebut tadi ada *mercury*, memang kita arahkan untuk tarik balik dan kita akan ambil tindakan ke atas pengeluar tersebut. Proses ini berterusan dan setakat ini Tuan Yang di-Pertua, akta ini memang sudah cukup kuat. Kalau perlu pada masa akan datang kita akan buat perubahan. Pemantauan ini memang cukup kuat, Tuan Yang di-Pertua.

6. **Dato' Hoh Khai Mun** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, laporan statistik mengenai graduan baru yang sedang menganggur dan komposisi jurusan mereka yang terkini serta kajian kualitatif untuk memahami apakah faktor-faktor yang menyebabkan graduan baru sukar untuk mendapatkan pekerjaan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun dari Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kajian pengesanan graduan (SKPG) 2015 yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi semasa konvokesyen, peratusan graduan warganegara yang bekerja 76.1 peratus dan 23.9 peratus belum bekerja. Berdasarkan statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan graduan menganggur bagi setengah pertama tahun 2015 ialah seramai lebih kurang 170,000. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan seseorang siswazah itu sukar atau gagal mendapat pekerjaan yang setara dengan kelulusan yang mereka peroleh. Antara faktor-faktor tersebut ialah:

- (i) kelulusan atau CGPA yang rendah menyebabkan majikan kurang berminat untuk menggaji calon-calon dalam kategori ini.
- (ii) ketidaksepadanan antara bidang pengajian sesetengah graduan dengan keperluan dalam pasaran kerja.
- (iii) kegagalan menguasai bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia dengan baik atau kedua-duanya sekali.
- (iv) kegagalan graduan mendapat maklumat tentang kekosongan jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan kursus yang dimiliki.

- (v) sesetengah graduan memilih untuk memohon kerja berdasarkan lokasi tertentu.
- (vi) sesetengah graduan mempunyai kemahiran insani yang rendah.
- (vii) *mismatch* antara bidang pengajian dengan kekosongan jawatan yang wujud.
- (viii) sesetengah graduan terlalu berharap untuk bekerja dalam sektor awam.
- (ix) ada juga sebahagian daripada mahasiswa kita yang ingin berehat buat sementara sebelum mencari pekerjaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, hasil kajian menunjukkan bahawa graduan yang berstatus pekerja mengikut pecahan bidang majoritinya dalam bidang pendidikan sebanyak 88 peratus, bidang teknikal dan juga bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masing-masing sebanyak 76 peratus, bidang pengajian sastera dan sains sosial sebanyak 73 peratus dan bidang sains sebanyak 72 peratus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hoh Khai Mun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib yang telah memberi penjelasan yang begitu tepat dan menyeluruh.

#### ■1100

Tuan Yang di-Pertua, menurut satu penyelidikan yang telah dibuat, terdapat satu pertiga daripada semua graduan baru dikenal pasti menganggur dan sebanyak 25 peratus orang graduan ini, sekurang-kurangnya menganggur selama enam bulan selepas memperoleh ijazah. Pada masa yang sama, sektor perindustrian, perkilangan dan pembuatan kekurangan pekerja dalam sektor 3D iaitu susah, kotor dan berbahaya. Soalan tambahan saya kepada kementerian ialah adakah kementerian akan rombak semula ke atas skim latihan dan program latihan yang sedia ada agar pendedahan yang lebih positif kepada graduan mengenai sektor 3D agar sektor ini akan dapat menyerap graduan tempatan? Sekian.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Senator. Semalam, saya ada menjawab tentang *3D job* di negara kita. Sebenarnya negara kita menganggap 3D ini, kerja-kerja yang bersifat *dangerous, difficult and dirty*, mungkin pernah saya sebutkan semalam umpamanya bekerja dalam *mining, construction* yang bahaya dan sebagainya. Akan tetapi kalau mengikut ILO, ada 71 jenis pekerjaan yang dikategorikan sebagai *3D job*, dengan izin. Antaranya termasuk penjaga makmal, jurutera petroleum yang kita anggap mungkin kita nampak tidak terlalu bahaya tetapi kategorinya agak berbeza.

Jadi mengenai kemahiran ini- sebab itulah tadi saya sudah sebut kepada Tuan Yang di-Pertua, melalui program kerangka kelayakan Malaysia ini seperti yang saya sebutkan tadi, bagi kementerian kita, kita ada lima tahap skim kemahiran. Tahap 6, Tahap 7 dan Tahap 8 ialah tahap peringkat sarjana muda sehinggalah ke peringkat kedoktoran. Jadi, kita sudah ada lima buah universiti yang telah pun saya sebutkan tadi, yang akan bersama untuk mengusahakan supaya pekerjaan ataupun kemahiran yang diwujudkan lebih menarik minat pekerja ataupun anak-anak tempatan. Itu termasuk siswazah ataupun graduan-graduan ini.

Jadi saya kira, sudah tentulah bagi kerajaan, memang kerajaan akan mencari jalan bagaimana kita boleh meningkatkan tarikan supaya peluang-peluang pekerjaan termasuk yang kita anggap 3D ini boleh menarik pekerja tempatan. Bukan sekadar kita anggap bahawa 3D ini adalah untuk pekerja asing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, pihak kementerian tidak ada pelan untuk membuat rombakan kepada pelan-pelan yang sedia ada?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Majlis Kemahiran Kebangsaan melihat perkara ini. Kolaborasi antara kementerian-kementerian melihat supaya kita boleh meningkatkan kebaikan ataupun pencapaian dalam kemahiran yang perlu kita berikan kepada anak-anak tempatan kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Senator.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya, sudah ada banyak dan berbagai-bagai maklumat tentang kekurangan dalam kalangan graduan kita mengakibatkan mereka gagal dalam mendapat pekerjaan. Perkara kekurangan ini asyik berulang-ulang tanpa kesudahan. Jadi soalan saya ialah adakah kerajaan mengkaji fenomena ini secara holistik dan bersetuju bahawa banyak kelemahan yang dikenal pasti itu sepatutnya perlu dipupuk daripada peringkat sekolah rendah dan menengah lagi dan sudah agak lambat untuk memperbetulkannya di peringkat pengajian tinggi? Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita faham. Bahkan sebelum saya menjadi Timbalan Menteri Sumber Manusia pun, isu yang sama juga berlaku. Sebab itulah kita lihat kerajaan berusaha meningkatkan kemahiran, kebolehan graduan-graduan kita termasuklah mengadakan institut latihan, mengadakan kempen-kempen kesedaran, motivasi dan sebagainya kepada pelajar-pelajar kita.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita melihat juga kadang-kadang kegagalan anak-anak kita di peringkat lepasan sekolah menengah dan sebagainya untuk mendapat pekerjaan kerana mereka tidak faham. Sebenarnya ada peluang di luar. Sebab itulah hari ini, melalui beberapa usaha yang kita buat, integrasi bersama kementerian dengan Kementerian Pendidikan, kita telah melaksanakan beberapa buah kelas integrasi kemahiran antara JPK dengan sekolah-sekolah menengah.

Umpamanya saya ambil contoh. Usaha Kementerian Sumber Manusia menerapkan pelajaran kemahiran kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dalam usaha memberi pendedahan awal kepada pelajar ke arah meningkatkan pekerja mahir negara ke arah negara maju.

Jadi kadang-kadang anak kita bukan semua berjaya dalam akademik. Ada sebahagian mereka dengan izin, *drop out* ataupun cicir. Akan tetapi kita mendedahkan lebih awal kepada mereka di peringkat sekolah menengah lagi supaya mereka tahu di mana mereka boleh pergi, di mana peluang-peluang kemahiran yang boleh mereka mengikuti, di mana institut kemahiran yang boleh mereka pelajari atau masuki untuk akhirnya mereka tahu bahawa walaupun mungkin sudah masuk universiti tetapi dia sudah tahu di mana ruang-ruang yang boleh mereka mengiikuti dalam bidang sama ada teknikal dan sebagainya.

Jadi saya ingat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Usaha bersama harus kita lakukan untuk memberikan kesedaran kepada anak-anak termasuk graduan bagi mereka menjamin masa depan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. **Datuk Seri Boon Som A/L Inong** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) mengapakah PLUS Malaysia Berhad dilihat terlalu kerap melakukan kerja-kerja pembaikan di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan. Adakah kementerian mempunyai sebarang garis panduan mengenai kekerapan kerja-kerja pembaikan perlu dilakukan di lebuhraya; dan
- (b) sejauh mana keberkesanan Kempen Penggunaan Bayaran Tol Secara Elektronik di lebuhraya bagi memastikan perjalanan pengguna lebuhraya menjadi lebih lancar.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mewakili Kementerian Kerja Raya juga mengucapkan tahniah dan syabas atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua ke jawatan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Sesungguhnya sebagai rakan seperjuangan, kami merasa bangga dengan pelantikan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) yang merentasi tujuh buah negeri di Semenanjung Malaysia merupakan aset penting dan kritikal bagi tujuan memangkinkan nadi pembangunan dan ekonomi di negara ini. Pada peringkat awal, lebuhraya yang dibina melebihi usia 20 tahun itu telah dibina dengan reka bentuk kapasiti laluan dua buah lorong dua hala sahaja untuk hampir keseluruhan jajaran sepanjang 848 kilometer.

Hari ini, pertumbuhan ekonomi yang pesat di sepanjang lebuhraya tersebut menyaksikan penambahan laluan ketiga dan keempat di beberapa buah kawasan lebuhraya itu bertujuan untuk menampung peningkatan jumlah pengguna lebuhraya. Hari ini, dianggarkan sebanyak hampir 1.2 juta kenderaan menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) pada hari biasa.

Berikutan peningkatan aliran trafik yang tinggi, pihak PLUS perlu memastikan lebuhraya tersebut sentiasa diselenggarakan dan berada dalam keadaan yang baik untuk keselamatan dan keselesaan pengguna. Kerja-kerja penyelenggaraan lebuhraya itu merangkumi penyelenggaraan rutin, pembaikan (*curative*), dengan izin, dan pencegahan (*preventive*), dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyelenggaraan di Lebuhraya Utara-Selatan dilaksanakan berdasarkan kepada *performance based*, dengan izin, iaitu mengikut pusingan kerja yang termaktub dalam perjanjian konsesi.

Sehubungan itu, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai badan yang bertanggungjawab menyelia operasi dan penyelenggaraan lebuhraya, perlu sentiasa memastikan kerja-kerja penyelenggaraan lebuhraya dilaksanakan mengikut perjanjian konsesi. Bagi memastikan kerja-kerja pembaikan dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan, syarikat konsesi perlu melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sebagaimana ditetapkan dalam garis panduan LLM iaitu *Expressway Maintenance System Civil Works, Guideline & Manual: (Response Time)*, dengan izin.

Untuk menjawab soalan yang kedua, mengenai pelaksanaan sistem kutipan tol secara elektronik (ETC) pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 April 2016, sebanyak 51 bilangan plaza tol daripada jumlah keseluruhan 177 bilangan plaza tol di seluruh negara atau 28 peratus telah melaksanakan sistem kutipan tol secara elektronik (ETC) sepenuhnya. Ini selaras dengan hasrat kerajaan yang menetapkan sistem ETC akan dilaksanakan sepenuhnya di semua plaza tol di negara ini mulai tahun 2018.

#### ■1110

Objektif utama sistem ETC ini adalah untuk mengurangkan masalah kesesakan di plaza-plaza tol sekali gus dapat menjimatkan masa berbanding kutipan tol secara tunai mahupun manual.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mendapati pelaksanaan sistem ETC melalui kempen-kempen yang dijalankan dan pemberian insentif oleh syarikat-syarikat konsesi lebuhraya telah memberikan impak yang besar terhadap pelaksanaan program tersebut. Ini terbukti apabila kadar penggunaan ETC di semua plaza tol lebuhraya telah meningkat daripada 65 peratus sebelum ini kepada 85 peratus. Berbanding kaedah kutipan secara tunai, sistem ETC telah dapat mengurangkan antara 30 hingga 50 peratus masalah kesesakan trafik di laluan plaza tol terlibat dan seterusnya dapat memberikan penjimatan masa kepada pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aliran trafik di plaza-plaza tol juga kini menjadi semakin lancar berikutan tempoh transaksi yang menjadi lebih singkat iaitu kira-kira enam saat bagi *Touch'nGo* serta tiga saat bagi *SmartTAG* berbanding kira-kira 15 saat untuk transaksi secara tunai.

Bagi memastikan kelancaran di lorong pada waktu puncak iaitu 7 pagi hingga 9 pagi dan 5 petang hingga 7 malam, jurutol juga telah ditugaskan untuk berada di setiap lorong ETC bagi membantu pengguna yang menghadapi masalah semasa membuat transaksi.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri kerana menjawab.

Saya setiap hari menggunakan *Highway PLUS* ini. Saya perhatikan *highway* dari Sungai Petani ke Alor Setar setiap bulan ada sahaja kikis turap, kikis turap, tidak pernah habis. Kadang-kadang makan masa seminggu untuk membaikinya dan juga mengganggu dan mengakibatkan kesesakan jalan tersebut. Jadi, apakah kaedah yang digunakan untuk membina lebuhraya agar tidak menjejaskan ketahanan dan kualiti lebuhraya kita? Adakah ia juga memberi pendapatan yang lebih kepada PROPEL dan juga anak syarikat kepada PLUS? Berapakah perbelanjaan penyelenggaraan keseluruhan *Highway PLUS* di Semenanjung ini?

Begitu juga plaza tol, walaupun kempen untuk menggunakan *electronic card* ini iaitu *Touch'nGo* dan *SmartTAG* tetapi ramai juga masih lagi gunakan untuk bayar tunai. Ada yang beratur panjang dan selepas itu sesak di plaza tol tersebut. Adakah kementerian membuat kajian mengapa ramai pengguna lebuhraya lebih suka menggunakan lorong bayaran tunai berbanding dengan lorong bayaran elektronik? Adakah kementerian mencadangkan supaya menggunakan kaedah bayaran tol ini lebih canggih lagi seperti *scan* yang dilakukan di Korea, Australia dan sekarang ini di Bangkok pun menggunakan kaedah yang lebih lancar iaitu secara *scan*? Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan yang dikemukakan. Saya cuba untuk menjawab, Tuan Yang di-Pertua. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya penyelenggaraan dan pengurusan trafik selalunya akan dibuat lebih awal sebelum apa-apa pembaikan lebuhraya dibuat, dan selalunya kos ini, Yang Berhormat, akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat konsesi, bukan oleh kerajaan. Kos-kos pembaikan, kos-kos penyelenggaraan.

Prioriti di dalam isu penyelenggaraan ini Yang Berhormat, adalah sentiasa daripada segi aspek keselamatan dan juga keselesaan pengguna, Yang Berhormat. Dalam isu itu Yang Berhormat, untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat mengenai kos yang ditanggung oleh pihak konsesi, saya ingin menyatakan di sini bahawa majoriti pungutan hasil tol oleh pihak konsesi, dalam soal ini PLUS, sentiasa digunakan untuk penyelenggaraan dan kos operasi di Lebuhraya PLUS. Maklumlah Yang Berhormat, 848 kilometer satu jarak yang cukup panjang. PLUS sebenarnya menggunakan sekurang-kurangnya 56 peratus daripada hasil kutipan tol mereka untuk menangani kos-kos operasi dan penyelenggaraan Lebuhraya PLUS di seluruh negara.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada tahun 2012, penyelenggaraan rutin telah menelan belanja hampir setengah bilion iaitu RM469.4 juta, manakala penyelenggaraan untuk *major upgrading* PLUS sahaja adalah sebanyak RM438.9 juta. Pada tahun 2013, penyelenggaraan rutin adalah sebanyak RM197.8 juta, manakala untuk penyelenggaraan *major upgrading* RM481.9 juta. Manakala pada tahun 2014, penyelenggaraan rutin adalah sebanyak RM201.2 juta dan penyelenggaraan major sebanyak RM936.5 juta, Yang Berhormat ya, hampir RM1 bilion yang telah digunakan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, seperti yang kita ketahui, sebenarnya lebuhraya yang ada di negara kita sering mendapat pujian dari luar dan juga dalam negara kerana kualiti yang terlibat. Untuk menjawab persoalan Yang Berhormat mengenai apakah perancangan kementerian terutama untuk menaiktaraf sistem ETC ini, saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat, sebenarnya kita mempunyai perancangan yang begitu jitu Yang Berhormat.

Saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat, sasaran kerajaan adalah untuk menggunakan- setelah proses untuk kita *convert* ataupun menukar sistem sedia ada daripada tunai kepada *full ETC* pada tahun 2017 di mana sebanyak 126 buah plaza akan melaksanakan 100 peratus ETC. Itu sasaran kita, Yang Berhormat, di mana pembayaran tol secara tunai akan diberhentikan pada tahun 2018. Ini juga bersekalinya dengan hasrat untuk mengenalkan sistem RFID ataupun *sticker*. Pada tahun 2019, kita sasarkan untuk memperkenalkan sistem *Single Lane Free Flow* dan seterusnya pada tahun 2020 sepenuhnya menggunakan *Multi Lane Free Flow* (MLFF).

Saya akan berkongsi dengan Yang Berhormat mengenai hasrat ini terutama *Multi Lane Free Flow* (MLFF) ini yang merupakan satu sistem kutipan tol tanpa palang, Tuan Yang di-Pertua, yang berfungsi secara automatik dan elektronik sepenuhnya di mana kutipan tol boleh dibuat pada kelajuan yang tinggi. Secara umumnya Yang Berhormat, sistem kutipan tol secara MLFF ini berfungsi melalui pengesanan tag yang dipasang pada kenderaan apabila melalui gantri dengan peralatan MLFF yang dipasang pada laluan utama, *main lane*, dengan izin, lebuhraya bagi menggantikan plaza tol.

Setelah proses pengesanan mengenal pasti kenderaan yang melalui gantri ini, bayaran tol akan ditolak daripada akaun pengguna melalui proses pada sistem *back end* penyedia servis pembayaran elektronik ataupun *payment gateway service provider*. Pada masa ini disediakan oleh *Touch'nGo*, Yang Berhormat.

Banyak kebaikan dengan pelaksanaan sistem kutipan tol secara MLFF ini. Saya hanya boleh berkongsi mungkin satu atau dua kebaikan tetapi sudah tentu kebaikannya adalah tiada kesesakan trafik di plaza tol, tempoh masa perjalanan yang lebih pendek, meningkatkan keselamatan lebuhraya, mengurangkan pencemaran udara terutamanya di kawasan plaza tol dan menjadikan persekitaran lebuhraya lebih hijau dan sihat yang sudah tentu akan mengurangkan kos operasi dan penyelenggaraan terutama di plaza tol dan pengurusan diskaun dan rebat sistem kutipan tol yang lebih efisien akan dapat dilaksanakan secara berkesan. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua

#### ■1120

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Jawapan yang begitu terperinci. Terima kasihlah Yang Berhormat

Saya meminta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila minta soalan tambahan, jangan sampai tiga empat soalan tambahan. Ini akan mengambil masa yang panjang. So, kita tidak boleh beri peluang kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kerana kita kesuntukan masa. So, harap semua Ahli Yang Berhormat akan bekerjasama. Silakan Yang Berhormat.

**8. Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, status "moratorium" aktiviti perlombongan bauksit, pengurusan pengangkutan bauksit dan aktiviti eksport di Pelabuhan Kuantan dan Kemaman yang menjejaskan kualiti alam sekeliling dan mengancam keselamatan, kesihatan dan persekitaran penduduk di Daerah Kuantan, Kemaman dan sekitarnya.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit kerana mengemukakan soalan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dilantik sebagai Speaker Dewan Negara. Kita pernah sama-sama dalam Dewan Rakyat satu ketika dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sangat peka ke atas isu atau masalah pencemaran akibat daripada aktiviti perlombongan dan pengeksporan bauksit di negeri Pahang. Justeru kerajaan telah mengenakan moratorium selama tiga bulan bermula pada 15 Januari tahun ini bagi membolehkan tindakan menyemak semula semua peraturan, prosedur garis panduan yang berkaitan dengan aktiviti perlombongan dan pengeksporan bauksit dijalankan bagi tujuan penambahbaikan. Di samping itu, pihak pengusaha perlu menambah baik semua langkah mitigasi pencemaran alam sekitar di dalam kawasan lombong, pengangkutan, *stockpile* dan infrastruktur pelabuhan Kuantan.

Secara asasnya draf prosedur garis panduan syarat baru berkaitan aktiviti perlombongan dan pengeksporan bauksit telah disediakan hasil daripada bengkel dan perbincangan susulan bersama-sama agensi berkaitan. Walau bagaimanapun, beberapa perkara masih memerlukan penyelarasan lanjut terutamanya bersama Kerajaan Negeri Pahang bagi membolehkan semua cadangan tersebut dilaksanakan dengan berkesan.

Oleh sebab masih terdapat beberapa penambahbaikan yang masih belum dilaksanakan, kerajaan memutuskan supaya pengenaan moratorium terhadap perlombongan dan pengeksporan bauksit di negeri Pahang disambung lagi tiga bulan atau sehingga kerajaan telah berpuas hati dengan penambahbaikan yang telah dilaksanakan.

Pelaksanaan prosedur garis panduan syarat yang baru ke atas perlombongan dan pengeksporan bauksit yang akan dikuatkuasakan selepas tempoh moratorium tamat nanti akan menjadikan aktiviti ini lebih teratur, berkesan dan memberikan penekanan terhadap kesejahteraan penduduk serta alam sekitar. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Soalan tambahan saya, terima kasih atas jawapan. Namun saya kira jawapan itu terlalu umum. Saya mohon lagi pencerahan ataupun perincian tentang bentuk dan jenis syarat serta peraturan-peraturan yang baru ini dan bilakah ia akan dikuatkuasakan. Contoh kepada pemegang lesen perlombongan ataupun eksport bauksit seperti:

- (i) tatacara dan kod tata amalan pengendalian, dan kerja mengangkut bauksit dari lombong ke pelabuhan;
- (ii) kaedah penyimpanan sementara di pelabuhan; dan
- (iii) pengenaan liabiliti sivil dan sosial serta jenayah jika berlaku kemalangan dan kecuaiian semasa aktiviti melombong, mengangkut ataupun menyimpan sementara barang-batang itu, terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya jawab secara umum kerana jawapan terlalu panjang. Saya hendak sambung sedikit lagi iaitu status sekarang yang dibenarkan adalah mengekspor *stockpile* sama ada di pelabuhan ataupun di luar kawasan pelabuhan dan semua *stockpile* di lombong yang halal selain daripada di Bukit Goh. Maknanya yang lain boleh diekspor bagi tujuan *clear stockpile* sementara menunggu syarat-syarat baru yang merangkumi pengurusan di tapak perlombongan bauksit, pengangkutan dan penguatkuasaan, pengurusan di tapak *stockpile* dan pelabuhan, prosedur pengeksporan bauksit.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak jawab ini terlalu panjang. Kalau diizinkan saya boleh jawab secara bertulis. Maknanya ada dua muka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ini perkara yang penting. Kalau ada jawapan tolong bacakan.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Okey, di antara syarat-syarat yang dikenakan di tapak;

- (i) permohonan lesen melombong tuan punya bagi tanah-tanah peneroka FELDA adalah tidak dibenarkan melainkan pihak pengurusan FELDA mempunyai plan perancangan menyeluruh terhadap aktiviti perlombongan bauksit;
- (ii) pindaan Enakmen Mineral Negeri (EMN) Pahang meliputi EIA dikenakan untuk semua skala perlombongan, permohonan pajakan lombong, perlulah didahului dengan menjalankan aktiviti penjelajahan dan cari gali terlebih dahulu bagi menentukan rizab biji mineral sebenar. Syarat kelulusan minimum bagi permohonan tersebut ialah iaitu sekurang-kurangnya 50 ekar. Meminda kadar bayaran kumpulan wang pemulihan bersama;
- (iii) pindaan *terms of reference* Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri ini menetapkan anggaran rizab bauksit yang boleh dilombong;
- (iv) pindaan syarat-syarat permohonan MLPML. MLPML adalah pajak melombong dan pajakan tuan punya lombong iaitu mewajibkan aktiviti perlombongan termasuk yang berskala kecil untuk menyediakan plan pemulihan melombong;

- (v) penambahbaikan terhadap syarat-syarat skim pengendalian melombong dengan mengambil kira dan perhatian seperti langkah-langkah perlindungan alam sekitar, penyimpanan hampas tanah atas beban atas bijih mineral dan buangan, spesifikasi lori dalam kawasan lombong. Kemudian penyediaan *washing bay* dan laluan berturap ke jalan besar.

Kedua, pengangkutan dan penguasaan.

- (i) pewartaan laluan khusus bagi lori pengangkut bauksit dari semua tapak perlombongan ke *stockpile* berpusat dan pelabuhan. Maknanya tidak boleh melalui kawasan penempatan penduduk, kawasan tumpuan-tumpuan awam, laluan yang sesak dan mematuhi had beban sesuatu jalan;
- (ii) penetapan spesifikasi dan garis panduan bagi lori pengangkut bauksit dan mineral;
- (iii) penambahbaikan proses pendaftaran lori pengangkut bauksit sebagai elemen pengawalseliaan oleh pihak berkuasa; dan
- (iv) penambahbaikan proses pengeluaran permit pengangkut mineral dan lesen pengangkutan mineral di bawah Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral 2016.

Ketiga, pengurusan di tapak *stockpile* dan pelabuhan, ini penting.

- (i) penetapan lokasi *stockpile* berpusat oleh Kerajaan Negeri Pahang;
- (ii) menambah baik infrastruktur *stockpile* di luar pelabuhan dalam tempoh moratorium. Pertamanya mesti ada *washing bay*, kedua ada *holding* dan *netting*;
- (iii) menambah baik infrastruktur di dalam kawasan Pelabuhan Kuantan dan transit *stockpile*, *washing bay*, *holding* dan *netting*, laluan konkrit, *silt trap* ataupun perangkap lumpur dan juga *detention pond* atau kolam takungan;
- (iv) penyediaan garis panduan bagi penyediaan dan pengurusan *stockpile* bagi berpusat di luar kawasan lombong;
- (v) penyediaan prosedur permohonan dan kelulusan lesen menyimpan mineral di tapak *stockpile*;
- (vi) penyediaan prosedur operasi di tapak *stockpile* bagi memastikan tanggungjawab pengusaha memastikan *stockpile* diterima daripada sumber lombong yang sah melalui penerimaan borang 13D dan juga pelekat kenderaan yang sah, *sticker*;
- (vii) penyediaan prosedur penghantaran pengendalian bijih mineral dari *stockpile* berpusat ke pelabuhan untuk tujuan eksport; dan
- (viii) penambahbaikan prosedur pengeksportan bauksit.

Akhir sekali perkara keempat, iaitu prosedur pengangkutan bauksit, ini juga penting.

- (i) pemohon permit eksport hendaklah terdiri daripada pemegang pajakan melombong (ML) bagi tanah kerajaan, lesen melombong tuan punya (PML) bagi tanah beri milik seorang pengusaha ataupun seorang *trader* atau pengusaha;
- (ii) bayaran permohonan permit eksport sebanyak RM20 secara tunai, bank draf, wang pos dan sebagainya di kaunter Jabatan Mineral dan Geosains negeri berkenaan;
- (iii) bayaran kelulusan permit eksport sebanyak RM100, ini permit eksport untuk nilai eksport RM250,000 ke bawah dan RM250 bagi eksport bernilai RM250,000 ke atas;

## ■1130

Keempat, pengeksporn perlu ini juga penting perlu membayar royalti kepada kerajaan negeri terlebih dahulu, maknanya bayar dahulu royalti sebelum dikeluarkan AP. Tidak ada royalti, tidak ada AP dan akhir sekali pengeluaran AP berdasarkan konsep satu AP satu *consignment*. Tidak boleh satu AP, dua, tiga, empat *consignment*.

Inilah syarat-syarat ketat. Ini pun Tuan Yang di-Pertua, belum lagi *final*. Ada beberapa lagi, banyak, dengan izin, *engagement* yang kita buat dengan pengusaha, dengan pelombong dengan kementerian-kementerian lain berkaitan, dengan Kerajaan Negeri Pahang supaya akhirnya semuanya dapat dijalankan dengan berkesan dan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, tempoh moratorium ini terpaksa disambungkan lagi selama tiga bulan dan akan berakhir pada 14 Julai tahun ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat atas usaha gigih kementerian. Sekarang kita alih kepada soalan nombor 9, Tuan Chia Song Cheng.

**9. Tuan Chia Song Cheng** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, mengapa import duti bagi besi gegelung panas perlu dinaikkan untuk melindungi industri besi tempatan di mana hakikatnya ialah kuantiti dan kualiti industri besi tempatan tidak dapat memenuhi permintaan dan ia juga mengakibatkan peningkatan kos perniagaan seperti perumahan, kenderaan dan pembuatan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bersama pihak industri telah mencapai kesepakatan pada tahun 2009 supaya subsektor besi dan keluli diliberalisasikan dalam usaha untuk merangsang pertumbuhan industri supaya lebih berdaya saing. Antara lain, kadar duti import bagi produk besi gegelung panas, dengan izin, *hot rolled coil* (HRC) di bawah layanan negara paling diutamakan dengan izin, *most favoured nation* (MFN) telah diturunkan kadar duti import pada 10 hari bulan Mac 2015 dari 20 peratus hingga 15 peratus. Kadar duti import sebanyak 15 peratus ini akan dikekalkan sehingga 2019 dan diturunkan kepada 0 peratus hingga 10 peratus pada 2020.

Pengimportan HRC dari negara-negara ASEAN tidak dikenakan sebarang duti import di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA). Pada masa ini industri besi dan keluli tempatan, khususnya industri hulu tanpa tengahan menghadapi pelbagai cabaran dari dalam dan luar negara seperti lambakan produk import khususnya dari Republik Rakyat China yang lebih murah berbanding keluaran tempatan serta peningkatan kos pengeluaran.

Bagi menangani situasi ini, kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan remedi perdagangan ke atas produk-produk import dari negara-negara tertentu bagi memastikan pasaran tempatan tidak dibanjiri produk besi dan keluli import yang bersaing secara tidak adil dengan produk-produk keluaran tempatan. Antara tindakan remedi perdagangan yang telah diambil kerajaan, termasuk mengenakan Duti Anti Lambakan bagi produk HRC dari China dan Indonesia dalam lingkungan duti antara 2.49 peratus kepada 25.4 peratus.

Duti anti lambakan ini adalah terpakai bagi tempoh lima tahun mulai 14 Februari 2015 hingga 13 hari bulan Februari 2020. Namun demikian, kerajaan juga mengambil kira kehendak pasaran tempatan yang memerlukan beberapa gred dan spesifikasi bahan metal bagi tujuan tanpa nilai produk-produk siap yang dieksport semula ke negara lain. Bagi tujuan tersebut pengecualian duti import boleh dipertimbangkan berdasarkan kriteria-kriteria tertentu iaitu:

- (i) spesifikasi dan gred HRC yang tidak dikeluarkan dalam negara;
- (ii) bahan metal atau komponen yang tidak dikeluarkan di Sabah atau Sarawak;

- (iii) bahan metal atau komponen yang digunakan secara langsung dalam proses perkilangan keluaran siap untuk gudang perkilangan berlesen dan zon perindustrian bebas; dan
- (iv) pengeluaran siap menggunakan HRC yang tidak dikenakan duti import.

Kerajaan akan terus bekerjasama dengan pihak industri termasuk industri huluan dan hiliran bagi memastikan industri besi dan keluli tempatan masih boleh bersaing secara menyeluruh. Dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi perdagangan, pihak industri juga perlu peka dengan perkembangan semasa serta merangka strategi perniagaan yang boleh menjamin daya saing dalam jangka masa panjang.

Dalam hal ini *Malaysia Steel Institute* (MSI), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan mengadakan sepanjang tahun ini beberapa siri dialog dan pertemuan antara pengeluar-pengeluar besi dan keluli tempatan dengan pengguna-pengguna akhir dalam pelbagai sektor seperti pembinaan, pembuatan mesin dan jentera, minyak dan gas, elektrik dan elektronik serta automatif. Ini bertujuan menggalakkan dan meningkatkan penggunaan keluaran tempatan serta membina kapasiti pengeluaran dalam negara yang seterusnya dapat menjimatkan kos pengeluaran, pembuatan dan perniagaan bagi semua pihak bagi jangka masa panjang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kita sekarang alih kepada soalan nombor 10.

**Tuan Chia Song Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat tidak bangun, itu fasal.

**Tuan Chia Song Cheng:** Saya tunggu *you* cakap dahulu [*Ketawa*] *You* tidak cakap habis saya tidak boleh bangun, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya minta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap untuk 4 minit lagi mahu minta soalan tambahan.

**Tuan Chia Song Cheng:** Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang atas jawapan yang tepat dan juga saya setuju apa yang telah diberikan atas soalan nombor 9 saya tetapi saya masih ada sedikit soalan tambahan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan penerangan iaitu apa yang kita lihat dan juga kita terima laporan daripada pihak swasta di tempatan ini bahawa harga besi telah naik lebih 50 peratus iaitu dari harga RM1,500 per tan pada bulan Januari pada awal tahun ini tetapi sekarang harga besi sudah naik sampai RM2,450 per tan sekarang.

Ini sebab akibat kita kerajaan mengurangkan import dan juga kurang kesediaan pengeluaran bagi tempatan. Maka, apa tindakan kementerian berkaitan perkembangan ini sebab kenaikan besi ini telah menyebabkan implikasi besar kepada ekonomi terutamanya pembinaan rumah, kenderaan dan juga pembuatan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, secara ringkas, tolong.

#### ■1140

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga produk-produk besi dan keluli adalah kerana kekurangan bekalan produk-produk besi dan keluli di negara China sejak Mac tahun ini. Peningkatan harga besi negara China telah turut menyebabkan harga meningkat di pasaran global. Sejak peningkatan harga di pasaran global, pengeluar-pengeluar besi dan keluli tempatan telah meningkatkan kapasiti pengeluaran masing-masing bagi memenuhi permintaan. Sebelum ini sejak tahun lepas iaitu tahun 2015, kapasiti pengeluaran syarikat-syarikat telah dikurangkan dan berada di paras lebih kurang 40 peratus secara purata akibat lambakan import khususnya dari negara China.

Oleh yang demikian, berikutan peningkatan permintaan tempatan secara mendadak, pengeluar-pengeluar besi dan keluli tempatan sedang berusaha mendapatkan bahan-bahan mentah tempatan yang diperlukan dan meningkatkan semula kapasiti pengeluaran mereka.

Seperti yang telah dimaklumkan tadi, *Malaysia Steel Institute* (MSI) bersama-sama dengan kementerian akan bertemu dengan pengeluar-pengeluar besi dan keluli tempatan dengan pengguna-pengguna akhir untuk menggalakkan dan meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi permintaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan akhir, soalan nombor 10.

**10. Datuk Dr. Lucas bin Umbul** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah jenis geran pendidikan yang ditawarkan oleh kementerian bagi membantu meningkatkan program pendidikan sains khususnya kepada pelajar-pelajar di luar bandar.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sedar tentang kepentingan pendidikan sains dalam kalangan murid. Kementerian telah menyediakan geran per kapita (PCG) mata pelajaran termasuk mata pelajaran Sains kepada semua murid sama ada di bandar ataupun luar bandar seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Kewangan, Bil. 8/2012, Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid. Walaupun tiada geran pendidikan khusus disediakan untuk meningkatkan mata pelajaran Sains, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai program untuk melonjakkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Sains, antaranya:

- (i) Program Pengukuhan STEM iaitu *Science, Technology, Engineering and Mathematics*, sebagai satu daripada 100 inisiatif utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia;
- (ii) menekankan pendekatan berasaskan *inquiry* dan penyelesaian masalah dalam pengajaran dan pembelajaran P&P Sains dan Matematik yang digubal. Melalui pendekatan ini, murid diberi ruang dan peluang menerokai konsep sains dan matematik melalui aktiviti *hands on* dan *minds on*;
- (iii) mempertingkatkan bimbingan kerjaya dalam bidang STEM kepada murid;
- (iv) mengadakan program pusat pembelajaran sains dengan memberikan peluang kepada murid yang mendapat Gred 'C' dalam Sains dan Matematik untuk mengikuti aliran sains;
- (v) menambah baik kemudahan makmal sains melalui pembekalan peralatan STEM;
- (vi) menekankan konsep pengajaran yang berbentuk kreatif, inovatif dan menyeronokkan dalam bilik darjah khususnya dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). KPM juga telah menjenamakan semula mata pelajaran elektif teknikal kepada mata pelajaran elektif ikhtisas dengan memberi tumpuan kepada bidang yang berasaskan teknologi dan kejuruteraan;
- (vii) memulakan inisiatif menjalin kerjasama dengan pihak industri dan badan profesional melalui pemberian pensijilan berganda ataupun dwi pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan yang akhirnya; dan
- (viii) penglibatan Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa, *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIIMSS) dan *Program for International Students Assessment* (PISA), memastikan murid mahir dalam pengetahuan, aplikasi dan penaakulan bagi menguasai konsep sains dan matematik.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu informatif. Kita masih ingat pada satu ketika dahulu dasar pendidikan kita yang mengutamakan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris yang dikenali sebagai PPSMI. Kemudiannya oleh sebab ada isu perdebatan tentang keefisienan ataupun keberkesanan dalam program tersebut, maka pada 2012 dimansuhkan dan ditukar kepada program MBMMBI iaitu memartabatkan bahasa Melayu dan memperkasakan bahasa Inggeris.

Persoalan di sini Yang Berhormat Menteri ialah hal-hal pendidikan di luar bandar yang masih rata-rata kalau mengikut kajian seperti yang saya difahamkan semasa saya dijemput oleh UiTM Shah Alam baru-baru ini pada Mac untuk menubuhkan program baru yang dinamakan *eco product and services*, dengan izin. Dalam perbincangan itu, saya difahamkan oleh beberapa orang profesor yang penglibatan pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak di luar bandar amat kecil.

Jadi, apalah kiranya usaha dan mekanisme Kementerian Pendidikan untuk menguar-uarkan supaya mereka minat kepada STEM, minat kepada pembelajaran sains supaya pelajar-pelajar luar bandar bukan sahaja di Sabah dan Sarawak malah di Semenanjung akan minat mengambil mata pelajaran Sains. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, memang betul Kementerian Pendidikan Malaysia tidak pernah mengabaikan anak-anak kita di luar bandar apabila kita menyediakan guru-guru kita ataupun sebarang kemudahan dan fasiliti kepada sekolah, kita memberikan kepada semua sekolah tak kira dia bandar atau luar bandar. Malahan kita memberikan insentif kepada guru-guru yang pergi dan sudi mengajar di luar bandar ataupun di kawasan-kawasan pedalaman. Ada ganjaran dan ada insentif yang lebih kepada mereka supaya kita mendapat guru-guru yang beropsyen untuk mengajar subjek-subjek yang berkaitan khususnya seperti mana yang diketengahkan iaitu subjek Sains dan Matematik.

Memang menjadi polisi dan dasar kerajaan untuk terus kita menekankan kepada minat murid-murid, anak-anak kita terhadap subjek sains. Cuma kini kita mengembangkan subjek sains itu kepada STEM untuk mereka menceburi bukan sahaja *pure science*, dengan izin, tetapi termasuk *engineering*, termasuk teknologi maklumat. Jadi untuk pemberian bantuan kepada sekolah luar bandar, Perdana Menteri akan melancarkan satu program memberikan alat komputer kepada semua murid yang akan dimulakan di Sarawak dan akan diberikan kepada semua anak-anak kita termasuk sekolah-sekolah di luar bandar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekian sahajalah jawapan kepada soalan-soalan Jawab Lisan. Silakan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]**

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan diputuskan Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (2016), dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 28 April 2016.”

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■1150

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan berbahas dan memutuskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2015) 2016 dan Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 pada hari ini. Oleh yang demikian saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas, sila kemukakan nama kepada saya bagi memastikan urusan Dewan dapat berjalan dengan lancar. Terima kasih.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2015) 2016**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

11.51 pg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengenakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2015 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus pertama tahun 2015 ini dibentangkan menurut Perkara 100, dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperolehi kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2015 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2015 yang dibentangkan adalah berjumlah RM5,601.1 juta iaitu sebanyak RM2,287.5 juta adalah tambahan perbelanjaan tanggungan dan RM3,313.6 juta adalah untuk pembiayaan perbelanjaan bekalan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Tambahan perbelanjaan bekalan. Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM3,313.6 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM132.3 juta adalah tambahan secara langsung untuk menampung lebih perbelanjaan Kementerian Luar Negeri; dan
- (ii) sebanyak RM2,991.2 juta adalah untuk pindahan lebih daripada Akaun Hasil Disatukan 2015 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindaan ini dicaj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 dan bukan satu perbelanjaan baru tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2015 yang berjumlah RM40.76 juta bakinya dibiayai melalui pinjaman.

- (iii) sebanyak RM1,090.1 juta adalah bagi merekrut semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan luar jangka tahun 2015 seperti yang terkandung dalam penyata yang terbentang sebagai Kertas Perintah 4, Tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM575.5 juta, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun sebanyak RM240 juta;
- (ii) Kementerian Luar Negeri sebanyak RM132.3 juta;
- (iii) Kementerian Pendidikan sebanyak RM125 juta;
- (iv) Kementerian Pengangkutan sebanyak RM58.2 juta;
- (v) Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM50.4 juta; dan
- (vi) Parlimen sebanyak RM41 juta.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2015 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2, Tahun 2016 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2015 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Baik, sila Yang Berhormat siapa yang hendak berucap. Ya, sila.

**11.57 pg.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pada kali ini, saya mohon untuk berbincang dengan beberapa isu, pendek sahaja tetapi saya kira sangat penting.

Pertamanya berkait dengan Jabatan Perdana Menteri bagi Maksud B.1 – Parlimen. Saya melihat hari ini beberapa penambahbaikan dan naik taraf bangunan Parlimen sedang dilaksanakan bagi memastikan saya kira untuk penyediaan prasarana yang kondusif Parlimen Malaysia dan untuk memastikan keselesaan semua pihak dengan mengekalkan nilai-nilai estetika dan keaslian bangunan Parlimen Malaysia.

Saya juga lihat penambahbaikan dan naik taraf ini dah lama, daripada dulu semakin lama semakin banyak dan saya kira ini sangat penting kerana mengambil kira ia menjadi tumpuan lawatan rasmi pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah, peringkat pengajian tinggi dan juga semua golongan masyarakat. Boleh kita katakan Parlimen menerima lawatan setiap hari persidangan dan tujuan lawatan adalah sebagai pendedahan yang lebih praktikal, memperkenalkan fungsi Parlimen sebagai badan legislatif negara dan dalam masa yang sama menanam sikap patriotik kepada semua anak Malaysia.

Sehubungan peranannya yang begitu besar, suka saya di sini mencadangkan agar selaras dengan penambahbaikan bangunan Parlimen diwujudkan juga penambahbaikan kemudahan pembelajaran bagi sesi lawatan pelajar dengan mengadakan suatu ruangan khas yang berupa *mock* Parlimen ataupun Parlimen olok-olok.

Dalam *mock* Parlimen ini, pelajar boleh merasakan sendiri berlakon, beraksi sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan, berlakon sebagai Setiausaha Dewan dan juga sebagai Ahli-ahli Parlimen yang akan bersedia untuk berbahas dan mereka dibekalkan dengan teks-teks perbahasan serta teks-teks pengendalian perjalanan persidangan. Saya kira dengan teknik ini ia lebih menarik dan lebih efektif dalam memberi kefahaman yang lebih jelas dan mendalam kepada para pelawat khususnya para pelajar.

Seterusnya bagi Maksud Kementerian Pengangkutan B.28. Saya ingin sebut di sini berkait dengan tawaran tiket-tiket penerbangan tambang murah di mana kadang-kadang tiket-tiket penerbangan tambang murah ini dibatalkan pada saat-saat akhir dan ditawarkan untuk diganti dengan tiket penerbangan yang baru.

#### ■1200

Saya kira syarikat-syarikat penerbangan ini telah mengambil kesempatan di atas tawaran tiket-tiket murah ini dan ia tidak sepatutnya berlaku kerana apabila kita membeli tiket-tiket ini kita sebenarnya membeli masa berkenaan dan sama sekali saya kira penumpang tidak bersetuju jika ditawarkan dengan masa yang baru yang tidak sesuai dengan masa yang kita kehendaki. Kemungkinan syarat-syarat ataupun pengecualian untuk membatalkan tiket-tiket ini telah dimasukkan dalam syarat-syarat pembelian tiket ataupun ada *waver* bagi pembelian tiket-tiket berkenaan yang membolehkan pembatalan ini dibuat tetapi saya kira ia tidak sewajarnya dan tidak seharusnya berlaku di mana syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarikat-syarikat penerbangan ini sewajarnya dipantau oleh pihak kementerian agar tidak dibuat sewenang-wenangnya.

Saya kira, syarat-syarat pembatalan di saat-saat akhir ini tidak sepatutnya dibuat dan sepatutnya pihak syarikat apabila menjangkakan satu jadual penerbangan adalah tidak *cost-effective*, sepatutnya jadual penerbangan tersebut dibatalkan bagi penerbangan berikutnya bukan penerbangan yang telah ditawarkan. Jadi dua isu itu sahaja yang ingin saya sebutkan di sini. Sekali lagi terima kasih. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, sila.

#### 12.02 tgh.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas kebenaran untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Saya hendak sentuh dua kementerian. Pertama, Kementerian Luar Negeri. Saya sokong tambahan peruntukan ini. Saya dalam lawatan ke beberapa buah negara saya lihat peruntukan kepada Kementerian Luar ini sudah dikurangkan hingga duta kita pun menghadapi masalah juga untuk membiayai perbelanjaan yang amat penting. Ada juga rumah-rumah duta yang kita sewa.

Saya juga ingin tahu berapa banyak perumahan duta yang tinggal di luar negara ini kita sewa dan berapa pula kita miliki. Berapa bilangan kakitangan yang terdapat di sana kerana saya lihat amat penting kedutaan kita ini diperkuatkan oleh kerana ramai pelajar Malaysia berada di luar negara dan mereka ini kurang pemantauan dan kerana itu kadang-kadang mereka ini anti pula kepada *establishment* termasuk juga sebahagiannya terdapat pembiayaan kerajaan sendiri.

Saya hendak cadangkan supaya semua agensi kerajaan yang berada di luar negara semua bernaung bawah kedutaan. Jadi kedutaan ini dia menjadi macam bos termasuk bahagian pelajaran, MATRADE, pelancongan dan kerana itu kedutaan ini perlu diperkuatkan dengan peruntukan yang lebih besar termasuk juga untuk promosi, pelaburan dan sebagainya dan memantau rakyat Malaysia yang berada di luar negara supaya mereka selalu bertemu dan boleh memberi pandangan dan nasihat apa yang berlaku dan juga boleh memainkan peranan dalam pembangunan di negara berkenaan.

Masa saya pergi ke Perth, Australia kita ada 20,000 masyarakat bumiputera Melayu. Ini tidak termasuk yang bukan Melayu lagi ramai yang telah pun mendapat PR rakyat Australia. Mereka yang jadi rakyat tetap cuma 500 orang sahaja. Jadi, lagi 19,500 itu rakyat Malaysia dan juga PR rakyat Australia di Australia Barat. Ini tidak termasuk lagi seluruh Australia dan mereka kurang bertemu masing-masing dengan hal masing-masing walau di situ ada empat, lima restoran Melayu tetapi tidak tubuh pun dan berpuluh tahun dewan perniagaan Melayu sedangkan masyarakat Cina daripada luar negara ada tubuh dewan perniagaan Cina bercampur yang asal ada negara China, ada dari Singapura dan juga dari Malaysia.

Jadi, kalau duta kita ini diperkukuhkan dengan peruntukan yang lebih baik, jadi bagi rakyat Malaysia ini tidak kira Melayu, Cina, India, mereka selalunya boleh bertemu dan hal-hal kebajikan ataupun memperkasakan lagi bidang-bidang ekonomi mereka di Australia ini boleh dilakukan. Begitu juga lawatan saya di Eropah. Saya tanya duta, katanya, "*Peruntukan berkuranglah Datuk, ini pun sudah kena potong ini, peruntukan kakitangan.*" Jadi saya harap dengan pemulihan semula ekonomi kerajaan kita patutlah memperkukuhkan kedudukan kedutaan kita di luar negara.

Satu lagi saya tengok ada peruntukan tambahan bagi ASEAN. Kita baru tubuhkan Komuniti ASEAN, jadi peranan Kementerian Luar Negeri saya fikir lebih bertambah kuat dan sekarang ini kita ini pun ada TPPA yang kita sudah tandatangani. Negara-negara Asean pun sudah masuk dalam TPPA ini. Jadi kalau kedutaan kita boleh memainkan peranan yang lebih besar dan jadi koordinator, saya yakin peranan Malaysia ini negara ASEAN juga akan bertambah kukuh di samping isu-isu keganasan ini yang kita bincang semalam isu ekonomi. Saya berpendapat fokus warga kita di luar negara khususnya duta-duta kita ini patutlah diperkuatkan. Ini perlukan peruntukan yang lebih besar sebab itu saya sokong peruntukan ini bahkan jika boleh dikaji lagi dan dalam Dewan akan datang kita perlu tambah lagi peranan Kementerian Luar di luar negara.

Kementerian kedua yang saya hendak sentuh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Banyak PBT Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup duit untuk mentadbir oleh kerana kutipan cukainya rendah. Kita ada kadar bantuan tapi tidak mencukupilah macam di negeri-negeri yang *remote*, yang banyak kawasan luar bandar. Saya ambil contoh kalau negeri Melaka kalau sudah saya sebut Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya. Jadi kita banyak lagi terpaksa minta bantuan Kerajaan Persekutuan tapi Kerajaan Persekutuan bagi peruntukan pun tidak cukup. Kemudian itu kita pula dipanggil ambil kontraktor Southern Waste. Ini sudah ada kadar tertentu. Jadi duit hendak bayar kepada kerajaan negeri ataupun daripada PBT. Kita tidak cukup, Kerajaan Persekutuan bantu pun tidak mencukupi.

Jadi saya lihat kita cukai banyak kita kutip. Macam Melaka dulu kita bayar setahun kepada *Federal Government* daripada semua sumber cukai yang dikutip dari Melaka RM2 bilion lebih. Saya ingat melalui GST ini, lagi banyak tetapi kita tidak dapat rebat katakanlah 10 peratus. Kalau dapat 10 peratus RM2 bilion kita ada RM200 juta, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai ya. Jadi dapat RM200 juta ini kita boleh bagilah majlis perbandaran ini sedikit, sini sedikit. Kalau negeri yang ada minyak tidak ada masalah.

Katakanlah Terengganu, setahun dapat RM2 bilion Tuan Yang di-Pertua. Jadi boleh bagi sana, boleh bagi sini tetapi negeri yang tidak ada minyak tapi kita ada hasil ekonomi yang lain. *Trading* bayar cukai RM2 bilion. Bila saya minta Kerajaan Persekutuan, katanya kita bina sekolah, kita sudah bina tentera, dan polis tetapi kita hendak ambil duit daripada mana, cukai pintu, cukai tanah. Lesen PBT tidak banyak Tuan Yang di-Pertua sebab itu PBT menghadapi masalah.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan kena ada peruntukan yang lebih besar untuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah sikit. Tadi Tuan Yang di-Pertua ada sebut bagi negeri-negeri yang ada minyak tidak ada masalah contohnya Terengganu. Kelantan pula macam mana?

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Kelantan pun tidak ada masalahlah! Dia pun minyak.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Duit tidak cukup juga ini.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Itu pun tidak cukup. Itu yang ada minyak pun tidak cukup, apa pula yang tidak ada minyak. Kita yang ada tongkat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya harap oleh sebab kali ini saya tengok tidak masukkan, tidak tahulah kalau dimasukkan bantuan kepada PBT. Kalau tidak masuk, saya harap Dewan yang akan datang bawa lagi satu cadangan ditambah lagi peruntukan tambahan dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah akan sokong supaya PBT yang kurang duit ini diberikan bantuan sewajarnya.

Ketiga, Kementerian Pengangkutan. Ini yang terakhirlah saya hendak sebut.

#### ■1210

Saya dulu pernah menjadi Timbalan Menteri Pengangkutan ya, isu kemalangan ini Tuan Yang di-Pertua, masih tidak selesai. Hari-hari tengok banyak kematian. Saya pun tidak nampak daripada peruntukan ini kita ada satu sistem yang boleh memantau pemandu-pemandu. Dahulu saya dengan Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato Sri Liow pernah pergi ke *Sweden*, mereka boleh memantau *speed* kereta. Akan tetapi kita dahulu ada *black box*, tetapi ini jam tidak ada *black box*. Jadi kereta lari sahaja ikut suka dia.

Saya kalau pergi ke negara Barat seperti di Australia, kalau 120 dia tidak akan lari lebih daripada 120. Ada *gadget* juga yang dia lebih 120 tidak boleh jalan lagi, dia terhenti di situ. Jadi ini perlukan *gadgets*. Dahulu apabila kita hendak buat *black box* semasa Tun Dr. Ling Liong Sik menjadi Menteri, saya timbalannya, kita caj kepada pengguna, hendak kena bayar RM6,000. Jadi bila dibantah, sudah tidak jadi.

Saya mencadangkan, kita mesti kalau ada *black box* baru yang kita hendak buat, kita beli secara *bulk* dan gunakan teknologi kita, jadi harganya murah. Kita beri secara percuma kepada bas-bas dan lori-lori ini, jadi kita boleh mengawal kelajuan,

**Dato' Sri Khairudin bin ES Samad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Khairudin bin ES Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi kerana saya duduk dalam jawatankuasa Yang Berhormat Tan Sri ketika itu, MKJR. Akan tetapi persoalannya sekarang, apa Yang Berhormat kemukakan sekarang pasal *accident* dalam perbekalan ini, tidak apalah tetapi cuma saya hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat, kemalangan yang berlaku ini mengakibatkan dari zaman Yang Berhormat menjadi Timbalan Menteri dahulu. Saya masih ingat, kita tumpukan kepada motosikal dan sampai hari ini motosikal. Kalau kita ada *black box*kah, ada lampu isyarat yang ini, bolehkah ia membantu? Ini kerana yang menjadi masalah sekarang ini ialah masalah motosikal, 70 peratus setiap tahun ialah kemalangan maut motosikal. Ini saya minta pencerahan sedikit. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jika kereta-kereta besar ini *control* kelajuan dia, kemalangan motosikal juga dapat dikurangkan walaupun motosikal ini penyebab utama kemalangan. Ini kerana di negara seperti Thailand, kalau kita naik lori langgar bas, bas itu kecil daripada kita, lori salah. Lori kalau langgar kereta Yang Berhormat Khairudin, kereta salah. Jadi kalau lori buat langgar motor, kereta salah. Jadi siapa yang kecil dia betul, siapa yang besar bersalah. Jadi kalau begini, orang-orang yang besar bawa kereta laju-laju ini semua akan berhati-hati, dia tidak boleh langgar orang kecil. Akan tetapi kita di sini, undang-undang ini tidak dilaksanakan. Kereta yang besar dia lari laju, jadi motosikal pun lari lebih laju. Ini kerana sistem pengangkutan kita ada masalah sebab kalau tidak ada motor, macam mana kita hendak bergerak.

Saya pergi ke negara China bulan lepas Tuan Yang di-Pertua, *surprising!* Dahulu negara China banyak basikal, berjuta-juta. Ingat bila sudah demokrasi ini negara China pakai motor, rupanya tidak ada pula orang negara China pakai motor. Mengapa dia tidak pakai motosikal, sedangkan rakyat dia 1.2 bilion orang. Dia tidak pakai motosikal, kita pakai motosikal.

Jadi mereka ini hendak menggunakan kereta. Jadi apa sebabnya orang negara China tidak pakai motosikal, sedangkan negara dia besar bukan? Jadi ini juga satu perkara yang perlu kita buat kajian.

Akan tetapi saya hendak sebut daripada segi peruntukan ini Tuan Yang di-Pertua, wajarlah kalau kita hendak menahan kereta-kereta besar ini, kita bagi sahaja *free* tetapi kena dengan bajet. Katakan RM6,000 tadi, jadikan RM1,000. Jadi kerajaan kena sediakan bajet, tetapi sebelum itu kita kena adakan teknologi kita, tukang *repair*, tukang buat. Jangan kita pergi beli dari luar, tukang *repair* pun tidak ada, nanti *maintenance* pula tinggi.

Oleh sebab itu kita kena lakukan sesuatu yang lebih berkesan supaya membantu isu-isu kematian ini. Satu tahun kalau yang mati 6,000 orang lebih, setiap kematian sekarang ini kerugian negara RM1.5 juta. Kalau enam orang mati, satu tahun kita sudah rugi RM9 bilion. Itulah sebabnya dalam peruntukan tambahan ini saya berharap isu-isu yang dibangkitkan oleh orang ramai perlulah diaddress lebih awal, tidak perlu tunggu tahun depan dalam belanjawan tambahan. Itu sebabnya saya hendak menyokong ini.

Katalah isu dadah, bagaimana hendak mengatasi...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat. Bagi saya, saya melihat soal kemalangan ini melibatkan tiga perkara iaitu soal manusia, soal isu kenderaan bermotor dan juga perkara infrastruktur. Jadi saya hendak tanya komen Yang Berhormat, apakah yang menyebabkan sebab ini melibatkan peruntukan. Peruntukan tambahan ini, adakah ia untuk menambahaikkan soal infrastruktur kenderaan bermotor ataupun manusia itu sendiri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, kita kena kedua-dua sekalilah. Manusia punca utama. Jadi kalau itu kita kena tambah lagi peruntukan untuk *education* daripada tadika sampai ke sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah tahfiz Al-Quran, semua itu mesti dididik daripada awal. Saya hendak menyokong apa yang Yang Berhormat Ramli sebut, kita tambah lagi peruntukan ini. Kalau tidak ada tempat kali ini, bulan depan *next sitting*, peruntukan untuk mendidik orang ramai supaya dapat mengikuti peraturan-peraturan jalan raya bermula daripada tadika sendiri termasuk sekolah-sekolah agama, pertubuhan-pertubuhan NGO.

Ini semua Tuan Yang di-Pertua, memerlukan peruntukan. Oleh sebab itu peruntukan-peruntukan tambahan ini amat penting, kita patut menyokong. Saya ingin mencadangkan supaya semua perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini daripada tiga hari dan minggu yang lepas, bolehlah yang mana penting dalam Dewan akan datang, kita masukkan lagi dalam peruntukan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Ada?

12.17 tgh.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberikan peluang kepada saya berbahas rang undang-undang perbekalan tambahan. Saya ada empat *point* yang saya hendak bawa ke Dewan ini. Pertama, rang undang-undang ini adalah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Saya lihat di sini memerlukan perbekalan tambahan sebanyak lebih daripada RM3.3 bilion. Saya hendak minta keterangan sedikit daripada Kementerian Kewangan sebab kita sudah baca banyak di akhbar dan mendengar berita bahawa bajet sedang di *recalibrate*. Kalau kita *recalibrate*, ada tempat yang kita kurangkan bajet dia.

Adakah ini bererti bajet yang kita ada sekarang ini kita memerlukan lebih wang ataupun kita sudah *recalibrate* bajet itu dan sebenarnya bajet yang kita akan pakai tahun ini ada berkurangan daripada bajet yang kita telah buat pada tahun lalu. Itu saya hendak minta keterangan ini, saya pun tidak berapa faham sebab banyak *recalibrate*.

Mungkin bajet itu sudah kurang tetapi sekarang ini perbekalan tambahan, jadi saya hendak minta sedikit keterangan.

Kedua, awal tahun ini selepas keluar keputusan SPM dan STPM, ada banyak isu mengenai biasiswa kepada anak-anak kita yang cemerlang dalam keputusan. Mula-mula macam-macam berita yang keluar tetapi yang saya dapati di Malaysia ini, lebih kurang 10,000 orang anak-anak kita mendapat 9A. Banyak, bagus sekali pencapaian mereka. Lebih kurang 700 lebih mendapat 9A+. Jadi apabila kita membuat bajet *recalibration*, kerajaan telah membuat satu keputusan untuk *review* bagaimana biasiswa ini telah diberikan.

#### ■1220

Saya minta keterangan daripada kementerian, baru-baru ini memang ada satu polisi baru mengenai biasiswa ini dan *recalibration*. Jadi, apakah beza dalam bajet yang telah diperuntukkan dalam *recalibration* ini? Berapa banyakkah kerajaan akan belanja untuk biasiswa mereka yang cemerlang? Satu yang saya tidak begitu setuju atau pun saya rasa kita mesti mahu mencari jalan yang lain adalah untuk mereka yang betul-betul cemerlang dan dapat masuk ke universiti seperti Cambridge, Oxford atau pun Harvard. Dalam *recalibration* ini, hanya 20 orang murid sahaja yang akan diberi peluang pergi ke luar negeri. Walaupun saya setuju dengan konsep bahawa kalau boleh, *you* teruskan pelajaran di Malaysia tetapi pelajaran ini bukan sahaja mengikut satu buah tempat.

Apabila kita pergi ke institut seperti Harvard, Oxford, Cambridge, *it's the meeting of minds*. Kita bukan sahaja belajar *philosophy*, *law* atau pun *science* tetapi kita juga bersama-sama dengan semua minda yang mahir, yang pandai di seluruh dunia dalam satu buah tempat ini, dia punya *experience* lain sedikit. Kita membelanjakan banyak wang sekarang *under talent management* membawa balik mereka yang telah pergi keluar negeri, suruh dia balik ke Malaysia.

Akan tetapi sekarang, yang pandai itu kita tidak bagi *opportunity*, hanya 20 orang juga setiap tahun dapat *opportunity* hendak pergi ke luar negeri, belajar. Saya rasa kerajaan ini, kita mesti hendak cari jalan yang dapat Ivy League ini, sama ada 20 orang atau 100 orang. Kalau kita tidak boleh bagi biasiswa, kita mesti hendak bagi sesuatu yang lain supaya *attachment* dengan Malaysia, dengan negara kita, kasih sayang itu mesti ada.

Saya ada berucap hari itu dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kadang-kadang kita lupakan kasih sayang ini. Saya rasa mereka yang dapat universiti yang bagus ini, *we have to do something*. Kita perlukan buat sesuatu, dengan izin. Jadi, saya minta keterangan daripada kementerian ini, sama ada ini *temporary measure*, polisi ini *is something temporary*, kalau harga minyak naik, ekonomi *recover*, bolehkah kita *review* atau pun ini satu polisi yang baru yang akan dikekalkan?

Nombor dua, ini mengenai Kementerian Kewangan tetapi luar sedikit, tentang pemantauan syarikat-syarikat insurans. Saya ingat kita Ahli-ahli Yang Berhormat dapat SMS lalu, "Wah! Ada polisi baru keluar, beli insurans, lima tahun tidak payah bayar. Selepas lima tahun bayar, 20 tahun boleh dapat interest. Beli polisi, ia datang dengan *medical plan*, boleh pergi *hospital* sampai 85 tahun, 90 tahun, semua ia cover".

Saya dapati, saya pun tidak tahu sama ada sms seperti itu, *promotion* seperti ini dan sama ada apabila kita beli insurans itu atau pun kita masuk pelan ini untuk rakyat, sama ada betul-betul syarikat insurans ini akan menunaikan atau tidak. Saya sendiri ada satu situasi, telah membeli insurans daripada syarikat Prudential. Baru-baru ini, bila saya pergi berjumpa dengan doktor yang saya sudah jumpa 10 tahun hendak membuat satu *treatment* untuk anak saya, dia pernah bagi tahu saya, dia kena dikeluarkan daripada panel insurans Prudential. Oleh sebab sebelum ini ramai *patient* dia datang, mereka masuk hospital dan syarikat itu mendapati kalau kita keluarkan dia, kurang dia punya *claim*.

Jadi bolehkah, adakah kuasa dengan Kementerian Kewangan memantau? Sebab apa gunanya kalau kita beli insurans, dia kata kita boleh pergi Hospital Pantai, kita boleh pergi Hospital Assunta.

Doktor yang kita gunakan sekarang memang kita boleh gunakan dan selepas itu selepas lima, enam tahun, *"Oh! Dia ini sudah famous, ramai orang datang pada dia, banyak sangat dia punya claim, doktor ini disingkir. Bawa dahulu, selepas itu you pergi claim"*. Jadi, siapakah yang memantau ini? Adakah kuasa syarikat insurans begitu besar sekali, dia boleh berbuat apa-apa sahaja dia punya nak atau pun dia mesti meminta kebenaran daripada pihak Kementerian Kewangan?

Ketiga ialah mengenai, saya terdengar tadi, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman bercakap tentang kematian di jalan. Baru-baru ini, saya banyak pergi ke Kedah, di Kuala Selangor dan banyak yang bawa motor ini Tuan Yang di-Pertua, banyak yang bawa motor ini, dia bukan bekerja dengan syarikat besar-besar. Dia jual kuih ke, dia kerja di rumah, bekerja di bendang atau pun di estet, kena langgar. Kena langgar tetapi tidak matilah. Dia kena langgar, masuk hospital. Kaki dia patah, badan teruk.

Apabila dia masuk hospital ini, keluarga dia dah tidak ada *income* dah. Dia mungkin kerja sini sana, dapat RM100 sehari. Isteri, anak semua *income* sudah hilang. Masuk hospital okey, kerajaan pun *free* juga tetapi masuk hospital ini selepas itu kadang-kadang pergi ortopedik hendak *plate* ini, *plate* itu RM3,000, RM4,000, RM5,000 diperlukan. Saya dengar, itu semua kita tidak buat. Orang yang kampung itu dia kena cari RM5,000, RM4,000. Bayangkan hendak *plate* pasang dalam itu semua. Masalah nombor satu.

Nombor dua, dia tidak boleh kerja lima, enam bulan. Selepas itu, memang *lawyer* akan datang berjumpa dengan dia. Peguam dia kata, *"Okey, saya boleh bawa kes ini. Tolong kamu, tolong pak cik ini, kita claim dengan syarikat insurans sebab sebenarnya ini bukan salah, kena langgar dari belakang"*. Jadi, *lawyer* pun mengambil kes itu. Akan tetapi apabila saya tengok ini, semasa lima, enam lapan bulan ini, orang yang kena *accident* itu, yang *innocent*, dia terpaksa pinjam daripada along. Jadi, saya pun tidak tahu. Benda ini bukan benda yang kecil. Ini benda yang begitu besar sekali. Dia meminjam dengan ah long begitu banyak. Apabila mendapat *claim* daripada syarikat insurans itu, tidak cukup untuk bayar ah long. Bukan sahaja dia kehilangan kerja dia, dia punya kecederaan tetapi juga dia lebih rugi.

*This system* yang kita ada ini, kita kena *review* lah. Tidak tahu sama ada hendak bagi peruntukkan ke atau mencari jalan bagaimana kes-kes seperti ini boleh didengarkan dengan cepat. Saya saya tanya *lawyer*, *"Kenapa you ambil masa, enam bulan, lapan bulan?"*. Dia kata, *"Dato', saya hendak minta medical report dari hospital pun ia mengambil masa tiga, empat bulan hendak bagi"*. Prosedur lambat sangat, terutamanya untuk orang kampung kita. Orang bandar tidak mengapalah, dia ada insurans, dia ada macam-macam. Orang kampung tidak ada apa-apa. Jadi, saya hendak minta keterangan, siapakah yang memantau dan bagaimana kita hendak mencari jalan hendak selesaikan masalah-masalah orang-orang yang susah ini? Yang kena langgar dari belakang, tidak tahu apa jadi, masuk hospital, isteri tidak kerja, duduk kampung, tidak boleh bayar bil elektrik semua.

Saya pasti Ahli-ahli Yang Berhormat ini, apabila balik menerima kes seperti ini. Tidak tahu hendak buat apa. Jadi, saya minta keteranganlah tentang benda-benda seperti ini dan dengan itu, itu sahajalah. Saya menyokong rang undang-undang bajet tambahan. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya nampak semakin ramai yang hendak bercakap, bagus. Saya minta tolong, pendek-pendekkanlah sedikit, ringkas. Saya jemput pula sekarang Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Sila.

### 12.39 tgh.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini iaitu anggaran tambahan perbelanjaan perbekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal rang undang-undang yang dibentang adalah sebanyak RM3,313.6 juta.

## ■1230

Tuan Yang di-Pertua, Saya di sini ingin membawa dua isu sahaja iaitu berkaitan dengan Kementerian Pendidikan. Pertama sekali, berkaitan dengan penyelidikan dan universiti. Penyelidikan merupakan teras kepada pembangunan negara dalam melahirkan dasar yang kompetitif dan komprehensif, yang mencakupi pembangunan negara secara fizikal dan juga spiritual.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada 20 buah universiti awam, 20 buah universiti swasta, 23 buah kolej universiti atau lebih kurang 400 buah institusi pengajian tinggi di Malaysia dan lima buah universiti telah dikategorikan sebagai universiti penyelidikan seperti Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Tugas universiti adalah untuk membangunkan ilmu dan menjadikan ilmu sebagai sumber pembangunan negara melalui penyelidikan.

Oleh itu, wajar sekali agensi-agensi kerajaan bekerjasama dengan institusi penyelidikan dan universiti awam supaya dapat fokus kepada pembangunan dan penyelidikan. Dengan itu, banyak dasar yang dilaksanakan akan lebih efektif dan berkesan. Contohnya, penyelidikan tentang makanan negara. Kajian robotik dalam perkhidmatan kesihatan dan juga untuk meningkatkan aktiviti akademi pensyarah untuk meningkatkan kepakaran demi kebaikan negara. Berdasarkan statistik daripada Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC), hanya sembilan peratus daripada peruntukan sebanyak RM131.9 juta untuk R&D oleh syarikat swasta di salurkan kepada universiti tempatan dan selebihnya kepada institusi luar negara.

Saya ingin bertanya, kenapakah berlaku sedemikian? Adakah kerana kurang keyakinan kepada institusi penyelidikan di Malaysia iaitu di negara sendiri? Sejauh manakah tanggapan ini benar ataupun tidak dan berapakah peruntukan untuk penyelidikan di universiti dalam tempoh lima tahun?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan peruntukan untuk Kementerian Pendidikan. Saya ingin menyentuh berkaitan dengan tandas di sekolah-sekolah. Tandas adalah antara tempat yang paling penting dalam sesuatu bangunan. Maklumlah, kita mesti ada masa dan perlu menyampaikan hajat kita dalam sesuatu masa dan dalam untuk menyampaikan hajat di tempat yang saya sebutkan tadi, perlu ada keselesaan dan ke'relaksan' itu bahasa sayalah. Namun malangnya, kalau duduk dalam *toilet* Yang Berhormat Menteri Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, kalau kotor tidak bersih, bolehkah Tuan Yang di-Pertua kita hendak duduk lama? Ini sekolah-sekolah di kampung ini Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi ke sekolah-sekolah. Hendak cakap pun susah, tidak cakap pun susah. Hari ini kita lahirkan.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat Senator, kebersihan itu adalah setengah daripada iman.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Ya tahu. Ini yang saya hendak sebutkan sebentar nanti Tuan Yang di-Pertua. Namun malangnya, kita lihat di sekolah-sekolah, rata-rata dalam bandar mahupun di luar bandar, di bandar pun macam itu, ingatkan di bandar bersih. Rupa-rupanya di bandar pun serupa juga. Kebanyakan tandas ialah tempat yang paling kotor dan berbau serta banyak tandas yang rosak.

Isu tandas ini tidak kita selalu kaitkan dengan sikap masyarakat. Keadaan sekitar mencerminkan sikap sesuatu bangsa itu. Jadi, kita tidak mahu anak-anak kita terbiasa dengan keadaan sebegini Tuan Yang di-Pertua dan tidak langsung boleh membentuk generasi seterusnya. Kebersihan ini tuntutan agama, sebagaimana yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi iaitu, "*Bersih itu sebahagian daripada iman*". Mereka yang menjaga kebersihan ialah mereka yang sangat tertib dan bertanggungjawab. Kalau di Jepun, kita tengok *viral* di media massa, kanak-kanak sekolah membersihkan tandas sebelum mereka mula kelas pada waktu pagi. Akan tetapi, kalau tempat-tempat kita agaknya ibu bapa marah anak dia bersihkan tandas. Sekarang ini sudah ada *cleaner* dan sebagainya.

Tugas ini, membentuk generasi yang bertanggungjawab dan menjaga kebersihan. Kebersihan ini ialah tanggungjawab bersama dan bukan bibik ataupun *cleaners* sebagaimana yang saya sebutkan sebentar tadi. Akan tetapi kebersihan ialah satu tanggungjawab dan sikap tanggungjawab bagi membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab, bersih dan mempunyai jati diri yang tinggi pada masa hadapan. Saya hendak bertanya di sini, adakah kerajaan mempunyai program tertentu berkaitan dengan penjagaan tandas di sekolah-sekolah di peringkat kementerian? Apakah jenis program tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Kalau kita pergi ke tempat Menteri-menteri, tandas memang cantik-cantik belaka. Ia punya lantai, berkilau Yang Berhormat Menteri Datuk Halimah. Apa salahnya dikilaukan tempat anak-anak kita ini. Jadi, itu satu soalan yang paling baik buat saya untuk Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya ingin cadangkan kerajaan mengadakan satu program atau dasar untuk penjagaan tandas sekolah, agar wujudnya komitmen yang berpanjangan daripada semua pihak seperti sekolah dan pelajar-pelajar. Ada sekolah di Sabah yang sangat sistematik menjaga tandas mereka, yang melibatkan kerjasama dan disiplin pelajar dalam menjaga tandas serta sangat inovatif bila mana mereka menggunakan air tadahan hujan untuk kegunaan mereka. Di samping saya sebutkan sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, boleh kita bagi peruntukan yang khas untuk mencantikkan lagi tandas-tandas di sekolah-sekolah supaya mudah untuk dibersihkan.

Seterusnya saya ingin membangkitkan isu sokongan pendidikan yang diperuntukkan lebih RM185 juta ini dan minta Yang Berhormat Menteri jelaskan apa bentuk sokongan pendidikan yang dimasukkan dalam peruntukan ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Hari ini, kita berhadapan dengan perubahan cuaca El Nino yang memberi impak besar kepada manusia dan ekosistem sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kita baca di media massa, banyak empangan di sekitar negara kita kering dan tidak mampu membekalkan air yang mencukupi kepada penduduk. Pembenihan awan giat dijalankan oleh kerajaan dalam memastikan hujan turun. Ada kita buat juga ia tidak turun juga Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, berapa buah empangan yang ada di seluruh negara dan berapa yang kritikal? Apakah tindakan yang dilakukan bagi mengatasi masalah empangan kering dan pembekalan air dalam keadaan kritikal ini?

Akhir sekali, saya ingin menyentuh isu bekalan air bersih di daerah Muar dan Ledang. Daerah Muar dan Ledang kini semakin membangun untuk pengetahuan, Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan saya di dalam Dewan ini dan seiring dengan pembangunan ini, permintaan bekalan air bersihnya juga akan terus meningkat. Sungai Muar merupakan sumber air mentah utama kepada lima loji air SAJ yang membekalkan air bersih kepada sebahagian besar pengguna di Daerah Muar dan juga di Daerah Ledang. Di samping itu, Sungai Muar mula dimanfaatkan oleh Syarikat Air Melaka yang beroperasi mengambil air dari sungai itu untuk dirawat bagi kegunaan penduduk Melaka. Ini Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, orang Muar juga memberi nyawa kepada orang Melaka. Baru-baru ini, pihak JPS telah mengumumkan pelaksanaan projek pintasan Sungai Muar di Kampung Belemang di bawah Rancangan Tebatan Banjir.

Persoalan saya, adakah kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti sama ada projek tebatan banjir ini boleh memberi kesan negatif kepada sumber air terutamanya penyusutan paras air sungai dan risiko kemasukan air masin ke bahagian hulu sungai yang mana kedua-dua faktor tersebut akan menjejaskan operasi loji-loji rawatan air yang berkenaan? Malah memaksa penutupannya? Akibatnya, bekalan air kepada sebahagian besar pengguna-pengguna di Daerah Muar dan Ledang akan terputus.

Seterusnya, adakah kerajaan mempunyai alternatif dan cadangan yang lebih efektif dalam menangani isu air bagi penduduk kawasan berkaitan?

#### ■1240

Demi rakyat kawasan sekitar, kita berharap pihak kerajaan dapat mengkaji perkara ini dan mengambil jalan yang terbaik untuk kebaikan semua pihak.

Saya kira setakat itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Kita beri pula kepada Yang Berhormat Dr. Mohd Nor Monutty.

**12.40 tgh.**

**Dr. Mohd Nor bin Haji R.M. Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan atau belanjawan ini untuk memberikan fokus khusus kepada Kementerian Pendidikan Tinggi. Saya ingin mendapat keterangan daripada Kementerian yang berkenaan, berapakah sebenarnya peratusan yang telah dipotong terhadap bajet ataupun belanjawan Kementerian Pendidikan Tinggi? Walaupun kita akui bahawa negara sedang mengalami kemerosotan ekonomi tetapi saya berharap bahawa pimpinan kerajaan tidak bertolak ansur sama sekali dalam soal memberikan keutamaan kepada pendidikan dan penyelidikan kerana ini merupakan asas yang berterusan untuk kemajuan negara.

Saya difahamkan bahawa, walaupun ada tambahan seperti yang saya lihat tadi dalam konteks Universiti Islam Antarabangsa kerana saya telah berkhidmat di sana dari tahun 1983 hingga tahun 2000, tapi rakan-rakan saya memberitahu bahawa sekarang ini pihak pengurusan universiti sudah pun menamatkan kontrak pertama untuk kali pertama pusingan pertama ke atas pensyarah-pensyarah universiti terutama profesor-profesor yang terkenal. Saya bimbang pusingan kedua akan dibuat dan mereka memberi alasan kerana bajet tidak cukup. Sedangkan, Universiti Islam Antarabangsa begitu penting sekali peranannya dan telah pun membuktikan keantarabangsaannya untuk kepentingan tempatan dan antarabangsa.

Jadi saya pohon penjelasan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi kerana kita tidak mahu bahawa perkara yang sedemikian berlaku. Walaupun kita tidak nafikan bahawa negara sedang mengalami masalah ekonomi tetapi barangkali ada baiknya kementerian-kementerian yang penting tetapi dalam konteks hari ini kurang penting- kalau boleh saya gunakan istilah dalam bahasa Arab, *fiqh awlawiyat* iaitu fikah keutamaan. Saya harap saudara Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sahabat saya, Yang Berhormat Dr. Asyraf Wajdi dapat menyokong ini, kerana saya sudah menerima rungutan-rungutan daripada rakan-rakan ahli-ahli akademik di universiti tersebut.

Juga saya melihat dalam peruntukan Laporan Bajet ini bahawa Kerajaan Malaysia akan memberi sumbangan kepada pembinaan Dewan Besar di Pusat Pengajian Islam Oxford- *Islamic Studies in Oxford University*, di UK. Barangkali boleh ditangguhkan sementara untuk memberikan keutamaan kepada IPTA di dalam negara yang perlu dibekalkan belanjawan yang berterusan supaya tidak mengalami kerencatan prestasi akademik.

Sekian terima kasih. Dan saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Mohd Nor Monutty. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Silakan.

**12.44 tgh.**

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dalam Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan 2015, jumlah perbelanjaan pembangunan dianggarkan sebanyak RM50.49 bilion dengan RM45.614 bilion secara langsung, RM2.88 bilion secara pinjaman dan simpanan luar sebanyak RM2 bilion dan keperluan anggaran tambahan sebanyak RM391 juta bagi mencukupkan perbelanjaan pembangunan.

Persoalan saya kepada JPM, Maksud P.6, dinyatakan dalam Butiran 16300, sebanyak RM452 juta diperuntukkan kepada Projek Sistem Bekalan Air FELDA. Bolehkah dinyatakan secara terperinci kawasan-kawasan FELDA mana yang menerima peruntukan ini? Apakah projek meliputi Projek Binaan Baru Loji Air dan Projek Pemasangan Paip Untuk Bekalan Air Mentah Terawat bagi FELDA sahaja atau faedah projek ini mendapat manfaat penduduk luar bandar yang bukan peserta FELDA?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon penjelasan daripada ICU atau Kementerian Luar Bandar tentang perkara yang bagi saya amat serius iaitu bantuan kerajaan terhadap isu rumah miskin, isu rumah daif untuk baik pulih rumah uzur dan rosak teruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada pengalaman sendirilah. Dua tahun setengah kita panjat KKLW, kita pergi ICU, tidak dapat-dapat sampai kita hendak masuk kampung pun kita takut, kita segan kepada orang-orang yang kita jumpa asyik tanya, "*Puan, sudah setahun sudah kita mohon, tidak dapat*". Namun, *alhamdulillah*, Disember 2015 tahun lepas, kita *submit* lagi dan tiga minggu selepas pegawai-pegawai KKLW sudah turun tengok rumah-rumah daif, dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan sidang Dewan, pegawai-pegawai KKLW ini pun terkejut, betapa daifnya rumah-rumah orang miskin di Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Menteri KKLW agar turun buat *spot check* rumah-rumah KEDA terutamanya di Kedah. Rumah-rumah KEDA ini kadang-kadang sudah 15, 20 tahun, sudah daif teruk dan tidak pernah *repair*.

Jadi kesannya- saya hendak cerita ini kisah betul yang saya baru teringat tadi. Adik saya seorang cikgu, empat tahun lepas dia ada cerita pada saya, dia kata, "*Macam mana tak rosak akhlak-akhlak anak kita*". Dia mengajar Darjah 3. Sedang dia mengajar, seorang anak murid dia kata, "*Cikgu, cikgu tengok ini. Kawan sebelah kata dia kata dia ada CD lucah*." Ini cerita betul Tuan Yang di-Pertua. Jadi adik saya pergi secara kaunseling, secara lemah lembut bagi tahu anak murid ini yang duduk di rumah KEDA. Adik saya pun bertanya kepada murid dia, "*Eh, ada CD lucah kah? Cikgu hendak tengok, bawa mai*." Jadi esoknya bukan dia bawa satu CD, Tuan Yang di-Pertua, dia bawa tujuh CD sebab dia duduk di rumah KEDA. Rumah KEDA sudah buruk, dinding-dinding kayu yang berlubang, ayah dia tengok CD lucah, anak boleh mengendap dekat dinding itu. Inilah kesan kalau kita tidak *repair* rumah-rumah orang miskin, kita tidak bantu mereka. Itu yang pertama.

Kedua, apabila kita pergi ke sekolah jumpa cikgu-cikgu, mereka mengadu dekat kita mengatakan bukan budak miskin ini tidak pandai, tetapi ada satu perasaan, perasaan *demoralized*, dengan izin, perasaan jauh hati yang amat sangat, perasaan sedih yang amat sangat.

Contohnya, bila hujan Tuan Yang di-Pertua, bumbung-bumbung ini bocor, jadi terpaksa tahan dengan periuk dekat lantai-lantai ini air hujan. Jadi apa yang jadi perasaan pada diri dia ini adalah bila dia pergi rumah kawan dia, dia tengok rumah kawan dia sempurna, elok, baca buku elok tetapi rumah dia sendiri ini sangat-sangat daif. Kalaulah hujan lebat, memang tidak boleh buat kerja sekolah langsung. Adakalanya buku-buku pun basah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memang hendak minta sangat-sangat, kita sebagai kerajaan, kita memang kena habis-habisan membantu rakyat kita yang kediaman mereka ini miskin dan daif.

Tuan Yang di-Pertua, saya timbulkan isu baik pulih ini kerana dalam tempoh masa menunggu peruntukan, terdapat banyak peruntukan di bawah KKLW seperti Maksud P.22 di bawah KKLW daripada Butiran 00100 hingga 04000 bantuan pasca banjir Disember tahun 2014 dan awal tahun 2015. Tidak dapat kah kerajaan atau ICU atau KKLW atau agensi lain dapat mempercepatkan agihan bajet baik pulih rumah rosak rakyat miskin?

Di kesempatan ini juga saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri dan pegawai-pegawai sebab pada Disember 2015 saya turun ke Pejabat Menteri, saya bawa 23 *list* rumah orang miskin, dimaklumkan oleh pegawai kata tidak ada peruntukan, sudah habis.

## ■1250

Namun begitu dengan hati yang penuh terima kasih dengan rasa rendah diri apabila dua minggu lepas pegawai-pegawai KKLW turun, saya amat bersyukur sebab 23 buah rumah ini sudah tidak lama lagi *insya-Allah* akan sempurnalah. Cuma sekali lagi permohonan saya kalaulah peruntukan untuk *repair* rumah itu RM10,000, saya minta kalau ada selepas pegawai pergi tengok rumah itu, rumah yang hendak *direpair* itu mungkin RM15,000 buat terus RM15,000. Jangan kita buat sikit, kontraktor pun hendak ambil untung lagi kalau dalam RM10,000 itu. Buat rumah RM6,000, kontraktor hendak ambil untung RM4,000, tidak siap sempurnanya. Jadi tahun depan rosak lagi Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau buat anggaran RM15,000, rupalah RM15,000. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon ditingkatkan prestasi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagi?

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Sikit lagi. Prestasi selenggara data eKasih agar apabila sesuatu cadangan baik pulih dipohon oleh Yang Berhormat atau peruntukan ini diproses dalam tiga minggu sahaja. Sebenarnya apabila lewat peruntukan dikeluarkan, bukan setakat rakyat marah Tuan Yang di-Pertua kita sebagai pemimpin hendak turun masuk kampung pun kita takut, malu, kesian apabila rakyat bertanyakan tentang hal *repair* rumah ini.

Seterusnya bagi Maksud P.63 Kementerian Pelajaran di mana pada butiran 00800 sebanyak RM10,959,766 diperuntukkan bagi pembinaan rumah guru. Soalan saya kepada kementerian, saya dapati terdapat banyak kuarters guru terutamanya di luar bandar tidak dihuni. Bangunan kuarters tidak dihuni sudah menjadi rumah tinggal. Justeru, saya memohon Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan sehingga kini berapakah jumlah perumahan guru di seluruh negara dan berapakah yang masih didiami dan tidak didiami? Seterusnya, apakah perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia agar kuarters ini tidak menjadi rumah tinggal? Saya juga ingin bertanya Kementerian Pendidikan tentang bagaimanakah Kementerian Pendidikan membantu guru dalam isu perumahan di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Penang dan Johor Bahru. Apakah rancangan Kementerian Pendidikan?

Seterusnya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan diperuntukkan sebanyak RM936 juta bagi urus sisa pepejal bagi Bajet 2015. Akan tetapi melalui *bill* ini sebanyak RM575 juta ditambah bagi mengurus sisa pepejal. Soalan saya yang pertama, berapakah agihan bajet bagi urus sisa pepejal mengikut setiap negeri? Kedua, prestasi pengurusan syarikat atau kontraktor pengurusan kutipan sisa pepejal setiap negeri dan kos pelupusan. Ketiga, kejayaan prestasi pengasingan sampah ikut kategori dan jumlah kompaun oleh skop kepada pengguna. *Legal framework* bagi piawaian caj dan FIR pengurusan sisa pepejal bukan domestik iaitu meliputi sisa pepejal industri, sisa pepejal industri binaan dan sisa pepejal *outlet* makanan dan pasar awam.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2015) 2016. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid, sila.

12.53 tgh.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong *bill* tambahan peruntukan ini tetapi dengan beberapa komen.

Pertama saya hendak menyentuh Maksud B.43, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana tambahan sebanyak RM575,473,050 adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di tujuh buah negeri terlibat dalam penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara pada tahun 2015. Saya melihat perkara ini serius.

Saya hendak mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya Malaysia memikirkan satu cara baru dalam soal menguruskan sisa pepejal iaitu jangan lagi kita menswastakan tetapi setiap *household*, dengan izin, mempunyai tanggungjawab sendiri untuk menguruskan sampah sarap pergi ke pusat pembuangan. Banyak negara maju telah melakukan sedemikian. Kalau kita pergi ke Taiwan sebagai contoh Hong Kong, Macau perkara ini telah pun dilakukan. Saya habis makan dalam satu masa dahulu di Taiwan di sebuah restoran.

Selepas makan saya tengok tauke dia kemas semua sekali sisa pepejal masing-masing dan saya tanya, kenapakah dia berbuat demikian? Ini kerana dia kata undang-undang di sini mewajibkan kita sendiri menghantar sisa pepejal itu ke pusat pelupusan. Saya terfikir dalam kepala saya kerajaan banyak menjimatkan wang di samping tahap kesedaran kita akan berada pada satu paras yang tinggi dan kita akan menjadi masyarakat yang pembersih.

Kenapakah Malaysia tidak boleh melakukan langkah sebegini? Kita tengok di negara kita setiap rumah di hadapan rumah ada tong sampah. Kemudian ada lori datang angkut, ada tiga hari sekali, ada sehari sekali, ada misalnya patut tiga hari sekali tetapi seminggu pun dia tidak angkat dan apabila kita tengok di pusat pelupusan itu pula kita nampak berterabur sampah sarap kita. Ini semua sekali kita bayar dan Dewan yang mulia hari ini minta tambahan sebanyak setengah bilion. Ini untuk tambahan pertama tahun 2015. Kalau kita boleh selamatkan perkara ini, wang besar peruntukan ini boleh kita agihkan untuk banyak kegiatan lain kepada masyarakat secara lebih bermanfaat.

Saya hendak mencadangkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil satu jangka masa selama dua tahun untuk merealisasikan cadangan saya ini. Tahun yang pertama kita maklumkan kepada orang ramai hasrat kita hendak melakukan pertukaran ini dan dalam tahun yang kedua kita membuat persediaan misalnya kita punya pusat pelupusan sampah mestilah besar, mestilah diperbaiki, dibuat perkara-perkara mengemas kini dan kemudian pada tahun yang ketiga, kita melaksanakan program kita ini. Saya rasa masyarakat kita akan menjadi lebih bertamadun mempunyai sivik yang tinggi dan kemudian baru kita faham apakah perlunya kita menjaga kebersihan diri kita sendiri, keluarga kita, rumah kita, negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, komen saya yang kedua mengenai tambahan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang. *Insyallah* kita sambung ya. Terima kasih dan ramai hendak bercakap saya seronok tengok. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 tengah hari.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]**

■1430

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat yang berucap tadi, menyambung?

2.32 ptg.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi menyentuh soal peruntukan sejumlah lebih RM500 juta yang dipohon tambah oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya hendak menyambung sikit iaitu perbelanjaan ini tambahan yang pertama pada tahun 2015. Saya difahamkan di bawah tujuh buah negeri ini ada 53 buah PBT yang terlibat dan perbelanjaan tahunannya ialah RM2.1 bilion. Saya hendak mengetahui Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Dari Kementerian Kewangan, tak ada Menteri, Timbalan Menteri, tak ada sesiapa? Pegawai ada tak? Siapakah yang ambil nota?... [Dewan sunyi seketika] Minta maaflah Yang Berhormat, kalau tak ada orang, macam mana Menteri hendak beri jawapan?... [Disampuk] Tak apalah.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, tangguh Dewan 10 minit kah, 20 minit. Tak ada orang, macam mana?

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua semalam tak ada, *towards the end of the session last night*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, saya juga membangkitkan kerana banyak soalan kita yang tak berjawab. Dua, tiga orang bangun, itu yang ada dua, tiga orang. Manakala yang lain waktu itu ada di luar. Saya rasa semasa perbincangan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pun banyak soalan kita tak dijawab. Jadi, saya setuju dengan Datuk Seri Nalla supaya kita tangguh Dewan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi sekarang kita sudah ada kita punya jaguh. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah sampai. So, saya ingat boleh sambung baliklah.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, tak apa Yang Berhormat. Kita bagi Yang Berhormat sambung.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti, saya membuat penilaian. Terima kasih kerana memartabatkan Dewan yang mulia ini dan Dewan Negara bukanlah Dewan *rubber stamp*.

Saya ingin bertanya, daripada 53 PBT yang terlibat ini, berapa banyakkah yang tertunggak bayaran hutangnya kepada Kerajaan Pusat? Kenapakah berlaku demikian dan bagaimana pula cara Kerajaan Pusat untuk mengutip tunggakan ini? Saya juga dimaklumkan sekarang ini bawah perkara 672, Akta Kerajaan Tempatan dalam soal pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini, negeri Kelantan juga hendak turut serta. Maknanya, sekarang kita ada tujuh buah negeri. Esok, lapan buah negeri termasuk Kelantan dan kalau semua negeri menyatakan penyertaan mereka, tentulah peruntukan untuk pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini akan bertambah kosnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membawa satu contoh yang patut Malaysia mempelajari secara teliti dan kemudian boleh dilaksanakan iaitu sistem pengurusan sisa pepejal di Denmark. Ia bukan menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat, tidak juga di pihak wilayah tetapi di pihak PBT, pihak berkuasa tempatan itu sendiri. Sistemnya ialah PBT di Denmark keseluruhannya semua sekali mengarahkan supaya orang awam membuang sampah ke pusat pengumpulan dan tanggungjawabnya dari pusat pengumpulan bawa ke pusat pelupusan.

Jadi seharusnya saya rasa, Kerajaan Malaysia memikirkan semula sistem kita yang ada sekarang ini dengan saya membawa satu iktibar. Kalau kita pergi ke pasar-pasar malam sekarang ini. Selepas habis pasar malam, kita tengok sampah sarap berselerakan.

#### ■1440

Orang ramai tidak bertanggungjawab, pengunjung ke pasar malam itu, peniaga-peniaga tidak bertanggungjawab, kerja itu diserahkan kepada pihak swasta untuk membersihkannya. Tuan Yang di-Pertua, kalau begitulah keadaannya, bila agaknya ada kesedaran sivik dalam soal menjaga kebersihan pada satu tahap yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia. Sampai bila-bila pun tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang pergi kepada Maksud B.63 - Pelajaran, di mana Kementerian Pendidikan meminta tambahan sebanyak RM125 juta bagi menampung kekurangan peruntukan penyelenggaraan sekolah-sekolah bantuan kerajaan. Saya membangkitkan perkara ini dengan fahaman bahawa tidak kah tiap-tiap sekolah sepatutnya mengadakan dulu senarai penyelenggaraan yang diperlukan untuk tahun depan.

Misalnya kita ini sekarang tahun 2016. Kemudian tindakan yang kedua adakah pihak kementerian menghantar pasukan siasatan dan auditan yang mana perlu, yang mana tidak perlu. Yang ketiga tidakkah kita memikirkan pula sekolah, soal satu anggaran luar jangka untuk menghadapi misalnya masalah banjir, kebakaran ataupun ribut dan sebagainya. Daripada itu tentulah kita pula boleh merancang berapa banyak tambahan harus kita luluskan. Saya boleh terima kalau peruntukan itu sedikit. Maknanya kita sudah buat kerja. Akan tetapi kalau peruntukan itu banyak sebegini, maknanya ada kelemahan dalam sistem kita.

Seharusnya kita mengakui. Saya buktikan satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, Maksud P.14 - pencen, elaun bersara dan ganjaran. Berapakah keperluan dia? RM2.28 bilion dikehendaki untuk menampung bayaran faedah persaraan kepada pesara kerajaan bagi tahun 2015. Kalau permintaannya RM200 juta, saya boleh faham, saya boleh terima. Akan tetapi kalau peruntukan sampai RM2.28 bilion, tidak akan kita tidak ada perangkaan berapa ramai pegawai kerajaan yang hendak pencen, berapakah jumlah persaraan dia? Maknanya kita sampai terlepas pandang begitu. Jadi saya minta hal macam ini, saya sudah pernah kemukakan pada masa yang lalu supaya pada tahun-tahun hadapan diperbaiki. Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

**2.44 ptg.**

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2016. Terutamanya saya hendak berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dalam keadaan ekonomi yang dikatakan merosot dan dikatakan kerajaan akan mengurangkan bajet dalam belanjawan dalam pindaan dan pihak pembangkang menunggu-nunggu untuk *spin* jika berlakunya pengurangan dalam peruntukan, *adjustment* peruntukan belanjawan baru-baru ini. Saya hendak sentuh soal MoE, Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pertama baru-baru ini ada disentuh soal bantuan awal persekolahan di mana pendapatan RM3,000 ke bawah adalah layak untuk mendapat bantuan awal persekolahan. Jadi ada banyak bantangan daripada yang makan gaji ya mengatakan kalau dulu tidak ada *limit*, sekarang bagi pendapatan yang RM3,000 ke bawah ini boleh dikategorikan kalau di bandar RM3,000 ini miskin dan saya hendak cadangkan, kita dua tahun lagi hendak pilihan raya ataupun tahun depan, saya hendak cadangkan supaya *limit* had pendapatan itu dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM5,000.

Jadi eloklah jika peruntukan Kementerian Pendidikan itu ditambah sebab kalau RM3,000, di *limit kan*, dihadkan, pendapatan kita dikira selepas RM3,000 itu dikira kaya, kalau dikira di bandar ini RM3,000 itu miskin. Jadi jika peruntukan ini diluluskan, saya yakin pada tahun hadapan pihak kerajaan dan Kementerian Pendidikan akan bersetuju supaya had pendapatan itu daripada RM3,000 kepada RM5,000 sebulan untuk membolehkan anak-anak yang bapanya, ibunya pendapatan lebih daripada itu layak untuk mendapat bantuan awal persekolahan.

Saya juga hendak sentuh fasal saya mari dari kampung, saya tengok di luar-luar bandar yang rata-ratanya di luar bandar ini penyokong tegar Barisan Nasional. Saya hendak cadangkan kepada kementerian supaya mana-mana pelajar yang pandai, miskin, supaya diberi bantuan dalam bentuk biasiswa kepada pelajar-pelajar ini. Sebab ramai yang merungut, kita cuma fokus kepada yang hendak masuk universiti. Kalau kita hendak bina insan, iaitu anak-anak yang terpelajar, kita bagi dorongan, insentif di peringkat sekolah rendah lagi. Mana-mana pelajar yang pandai, dia dikategorikan sebagai miskin, bagi bantuan, bagi biasiswa. Jadi saya sokong jika peruntukan kepada Kementerian Pendidikan ini ditambah.

Saya juga ingin sentuh soal hendak tambah PPD. PPD, Pejabat Pendidikan Daerah sebab saya tengok di jajahan saya, jajahan Pasir Mas sendiri ada dua Parlimen tapi di bawah satu PPD, Pegawai Pendidikan Daerah. Jadi kalau ditambah peruntukan ini, saya juga hendak cadangkan supaya Rantau Panjang juga ada PPD yang berasingan. Tidak terletak di bawah Pasir Mas.

■1450

Jadi saya cadang saya sokonglah bajet untuk Kementerian Pendidikan ini ditambah. Kemudian sejak akhir-akhir ini ada tawaran-tawaran kepada Kementerian Pendidikan supaya kita hendak menjimatkan kos, hendak bantu kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan bajet tetapi boleh menambahkan *service*. Iaitu baru-batu ini kita ada cadangkan kepada Kementerian Pendidikan dalam projek *free filter buy toner*. *Filter* bagi *free*, beli *toner* sahaja. Pihak kementerian kata dia setuju dengan cadangan yang dicadangkan tetapi dia tidak ada peruntukan. Jadi saya setuju jika peruntukan untuk Kementerian Pendidikan ini ditambah. Mudah-mudahan *free printer buy toner* yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan dapat dilaksanakan. *Printer* bagi *free*, *toner* sahaja beli dapat jimatkan berapa juta tetapi tidak ada bajet Kementerian Pendidikan ini. Jadi mudah-mudahan dengan kelulusan ini akan memberi impak yang besarlah kepada Kementerian Pendidikan untuk projek *free printer buy toner*.

Berhubung dengan sekolah juga Kementerian Pendidikan juga saya tengok kita sebagai pemimpin lebih-lebih lagi ketua bahagian. Kita dijemput rasmi PIBG. Kita selalu dijemput untuk rasmi Mesyuarat Agong PIBG. Bila dijemput itu faham-faham sendiri lah minta duit Tuan Yang di-Pertua, minta duit. Jadi saya hendak cadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya menyediakan dana, dana untuk PIBG. *Insyallah* kalau dengan peruntukan yang diluluskan ini, mudah-mudahan dana untuk PIBG ini diluluskan. Tidaklah kita ketua bahagian atau pimpinan parti ini menjadi beban. Bila pergi itu mesti kena bagi duit. Bagi sedikit tidak hendak dia orang ini, ditanya dahulu hendak bagi berapa. Kalau kita bagi RM1,000, Oh! RM1,000 sahaja tidak cukup, bagi RM2,000. Jadi banyak *demand*. Jadi saya mintalah supaya bila lulusnya peruntukan ini kita minta supaya Kementerian Pendidikan memberi kelulusan untuk wujudkan dana kepada tabung-tabung PIBG di sekolah-sekolah yang ada 10,000 lebih di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga rapat dengan guru-guru sekolah ini. Tadi ada mesej daripada cikgu-cikgu Majlis Guru Besar. Dia mengatakan bila bercakap fasal pendidikan itu dia kata tolong masukkan biar ada elaun-elaun tambahan kepada guru-guru yang buat kerja luar dengan izin *field work*, kerja luar. Sekarang ini dia kata buat kerja *free* sahaja. Kalau pergi dari Rantau Panjang pergi Gua Musang pun dia kata tidak ada peruntukan dan sasarannya Ketua Bahagianlah orang politiklah jadi sasaran. Jadi minta kementerian kaji bila adanya peruntukan ini supaya diberi elaun tambahan. Lebih-lebih lagi kita hendak pilihan raya dua tahun lagi dan *insyallah* guru-guru ini akan memberi sokongan padu kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Saya akan sentuh juga soal Kementerian Pengangkutan Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali ada bercakap mengenai kemalangan, *accident* kebanyakannya berlaku kepada penunggang-penunggang motosikal. Saya baru balik dari Vietnam baru-baru ini, saya tengok di Vietnam ini banyak motor daripada kereta. Di Vietnam Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok itu memang dengan motosikal yang banyak itu saya ingat kemalangan bergelimpangan setiap hari. Akan tetapi saya tengok dia ada laluan suku, laluan khas. Motor asing, kereta asing. Jadi kalau kita hendak elak kemalangan yang dikatakan 70 peratus melibatkan penunggang-penunggang motosikal ini saya hendak cadanglah kepada kerajaan, kepada MoT. Di tempat-tempat kritikal yang sibuk kita buat laluan khas, laluan khas motosikal. Kereta asing, motosikal asing. Saya rasa kalau motor dia berlanggar sesama motor hendak mati itu susah sedikitlah. Kalau motor lawan lori, memang hancurlah. Kalau motor lawan kereta, pun hancur.

Jadi kalau ada laluan khas fokus kepada tempat-tempat kritikal buat laluan khas untuk motosikal. Saya rasa boleh kurangkan kemalangan itu tidak tahulah tetapi rasa...

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Boleh Tuan Yang di-Pertua mohon mencelah?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Okey.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat Senator. Sekarang kita tengok kebanyakan penunggang motosikal kemalangan yang terjadi di *highway* apabila banyak lori yang rosak. Banyak kes penunggang-penunggang motosikal melanggar belakang lori dan mati. Jadi, apa pendapat Yang Berhormat, sekarang kita hendak minta syarikat lori ini bayar sedikit pampasan kepada keluarga penunggang motosikal. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Puan Shahanim itu. Memang biasa. Apa yang biasa berlaku lori-lori yang mati yang rosak di *parking* tepi jalan dia punya signal kerosakan ialah ranting kayu sahaja dan biasanya benda ini berlaku waktu malam. Biasanya kalau motosikal langgar belakang lori *so far* memang *kong*, memang matilah.

Jadi saya setuju jika pampasan itu setelah mati. Kita mintalah MoT, JPJ supaya ditambah penguat kuasa. Saman terus, saman mandatori. Ini sebab kalau yang langgar pun mandatori mati, jadi mandatori. Sebelum bagi pampasan mati, itu saya minta penguat kuasa JPJ supaya ambil tindakan terus kepada lori-lori yang mati, yang di *parking* tepi jalan simbol kerosakan itu ialah ranting kayu sahaja. Tidak ada apa-apa simbol, lebih-lebih lagi rosak tempat *corner*, tempat sibuk. Saya setuju dengan Yang Berhormat tadi pampasan itu boleh tetapi setelah meninggal. Sebelum langgar itu kita minta JPJ dengan lulusnya peruntukan ini tambah penguat kuasa dan tempat-tempat yang bahaya itu boleh diletakkan pegawai penguat kuasa ataupun rondaan-rondaan kerap supaya kemalangan maut tidak berlaku.

Penguat kuasa JPJ yang ada sekarang ini saya tengok masih lagi tidak mencukupi. Dia tidak boleh hendak ambil seperti KPDNKK sementara, ini penguat kuasa. Jadi dengan peruntukan yang banyak ini, kita minta Kementerian Pengangkutan, JPJ supaya tambah jumlah pegawai penguat kuasa. Supaya undang-undang boleh dikuatkuasakan dan kemalangan mungkin dapat dikurangkan. Hendak hapuskan tidak bolehlah.

Kalau kita ambil contoh macam Thailand macam saya duduk di sempadan Thailand memang betul macam Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam kata. Dekat Thailand kenderaan kecil langgar kenderaan besar, adalah salah yang besar. Oleh sebab itu kita tengok di Thailand jarang berlaku *accident*. Kalau kita daripada Golok sampai ke Hat Yai pun kita jarang hendak jumpa kemalangan maut. Ini sebab dia beringat, dia beringat sebab kalau yang kecil *accident* dengan yang besar, memang *confirm* kalah yang besar. Memang salah yang besar.

#### ■1500

Jadi kalau hendak dilaksanakan di Malaysia pun saya rasa boleh, tetapi makan masa. Akan tetapi saya minta dengan kelulusan peruntukan ini, ditambah pula kuasa, kemudian kawasan-kawasan kritikal itu boleh buat lorong sendiri, lorong motosikal sendiri, lorong kereta sendiri, baru lebih selamat. Kalau tidak, memang tidak selamat. Daripada segi KPKT, ini bagus. Timbalan Menteri yang bagus, Datuk Halimah. *First class* punya Timbalan Menteri. Dia pakai pun *strike color, take attention*.

KPKT ini, dulu saya pernah kerja Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi kalau kita hendak sokong keputusan bajet ini, kita minta kalau boleh kementerian ini kenal pasti mana-mana tanah kerajaanlah, di bandar ataupun di luar bandar supaya dibina rumah untuk golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Lebih-lebih lagi di Penang, bolehlah hendak tambah pengundi Melayu, di kawasan Melayu buat *high-rise building*, jual untuk orang Melayu sahaja.

Kita juga Tuan Yang di-Pertua, soal tadi Yang Berhormat Puan Shahanim sentuh soal baik rumah itu di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya juga hendak cadangkanlah, kalau KPKT ini kementerian perumahan juga, berkaitan dengan perumahan, jika bolehlah kena peruntukan sikit bajet untuk selain daripada bina rumah, untuk baik rumah. Ini kerana kalau hendak serah kepada KKLW sahaja, saya rasa tidak sempat, tidak mencukupi bajet.

Dengan bajet tambahan ini, kita minta Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) supaya menyediakan juga bajet untuk baiki-baiki rumah. Tidak menyeluruh pun, sebahagian daripadanya sekurang-kurangnya dapat membantu orang-orang miskin di bandar dan di luar bandar.

Tadi saya ada bincang dengan Datuk Abbas soal perumahan dekat KL ini, PPR ini sebab Datuk Abbas kata memang rumah ini, PPR di KL ini milik KPKT tetapi bila sudah itu, diserahkan kepada bandar raya untuk pengurusan. Ini kerana kalau kita tengok kalau ada bajetlah, mungkin KPKT boleh bagi kepada bandar raya sikit, mungkin tak cukup bajet untuk *maintenance* di perumahan PPR ini...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta laluan sikit.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Okey, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Sebab Yang Berhormat Abang Lah dok sebut-sebut nama ambo, ambo kena kecek sikitlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau kita persoalkan ataupun bincang tentang bajet peruntukan daripada KPKT, kita di Kuala Lumpur ini, di bandar raya ini, kita amat malang sikitlah kalau hendak banding di Parlimen di kampung, bahagian-bahagian di kampung. Kalau di kampung, KKLW ada peruntukan dia untuk buat jalan kampung, untuk *repair* rumah dan sebagainya. Akan tetapi apabila ditanya kepada KKLW tentang peruntukan di bandar, dia kata tidak ada di bandar. Di bandar di bawah KPKT.

Jadi saya hendak bertanya kementerian perumahan- KPKT ini, apakah bentuk sumbangan ataupun bantuan yang boleh disalurkan di bandar, khususnya di Kuala Lumpur. Ini kerana di bandar ini bukan semua orang kaya macam Abang Lah kata tadi. Ada juga kampung-kampung yang berada di bandar yang perlu sokongan, yang perlu bantuan, yang perlu peruntukan daripada pihak-pihak yang tertentu macam *repair* rumah, baiki bumbung, kena ribut dan sebagainya. Jadi itulah saya hendak bertanya KPKT, apakah bentuk bantuan ataupun peruntukan yang boleh disumbangkan kepada parlimen-parlimen di dalam kawasan bandar ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Datuk Abbas. Saya memang setuju sangat-sangatlah sebab kalau di luar bandar di bawah bidang kuasa KKLW dan Yang Berhormat Menteri pun telah diberitahu di luar bandar ini di bawah bidang kuasa KKLW, di bandar ini di dalam bidang kuasa KPKT. Itu nanti Timbalan Menteri KPKT nanti jawablah soal, apakah bentuk peruntukan yang diberi kepada bandar-bandar.

Saya hendak teruskan. Saya hendak pergi kepada Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan ini dia *banker* kepada semua kementerian. Jadi dengan peruntukan tambahan ini, saya memang amat bersetujulah sebab kalau kita minta apa-apa peruntukan dengan Kementerian Pendidikan, KPKT atau mana-mana kementerianlah atau agensi kerajaan, dia kata ini tidak ada peruntukan. Pergi jumpa kementerian, kementerian kata dia pun tidak ada peruntukan, kena minta dengan Kementerian Kewangan. Jadi saya Tuan Yang di-Pertua, saya setujulah peruntukan tambahan ini diberi kepada Kementerian Kewangan sebab Kementerian Kewangan ini *bankers* kepada semua kementerian. Jika tidak ada duit, memang kena minta dengan Kementerian Kewangan dan saya setuju. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Itu sahajalah nama-nama Ahli Yang Berhormat yang telah memberi nama untuk berhujah. Sekarang Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

**3.06 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah membahaskan bajet tambahan ini dan saya akan jawab dulu Kementerian Kewangan kerana dalam bajet tambahan ini dia agak berbeza sedikit dengan bajet biasa. Ini kerana bajet tambahan ini, saya kena jawab semua kementerian. Jadi, saya jawab daripada segi bajet. Jadi daripada segi *detail*, kalau ada soalan yang saya jawab ini tidak menepati ini, nanti kemungkinan kita akan beri daripada segi soalan bertulislah, saya akan bagi jawapan bertulis.

Pertama, saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah mengenai Bangunan Parlimen kita ini. Bangunan Parlimen kita ini untuk pengetahuan, semua kerja pengubahsuaian bangunan Parlimen ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian Kerja Raya dalam beberapa fasa. Bajet yang diperuntukkan bagi kerja-kerja pengubahsuaian ini berjumlah RM520 juta keseluruhannya, kita tengah buat ini. Keseluruhan projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2019, makna lambat lagi hendak siap.

Perincian pelaksanaan fasa-fasa projek oleh Kementerian Kerja Raya adalah seperti berikut. Fasa 1, menaik taraf ubah suai Dewan Serbaguna sedia ada kepada Dewan Rakyat sebanyak RM31 juta, baik pulih panel fasad dan bumbung RM17 juta, kerja-kerja menaik taraf dan baik pulih Parlimen Malaysia keseluruhannya blok utama serta kerja-kerja yang berkaitan RM209 juta. Fasa ketiga, kerja-kerja menaik taraf di bangunan Parlimen Malaysia, pembinaan blok sokongan MNE, pejabat landskap dan terowong utiliti RM28.5 juta, pembinaan blok-blok baru Ahli Parlimen dan pentadbiran termasuk tempat letak kereta, dewan serba guna, pagar, padang baru dan sebagainya RM297 juta, kerja-kerja naik taraf dan baik pulih Blok Menara RM32.5 juta.

Kemudian, Yang Berhormat juga ada mencadangkan bahawa kita kena beri peluang kepada pelawat-pelawat kalau dapat mengetahui lebih lanjut lagi mengenai fungsi dan peranan Parlimen dan juga membenarkan universiti ataupun pelajar-pelajar universiti yang datang untuk melihat. Jadi kita memang selalu mengalu-alukan mereka datang supaya mereka faham kita punya sistem Parlimen kita. Dewan ini selepas kalau kita pindah nanti, saya difahamkan Dewan ini juga akan digunakan untuk Parlimen Belia, khas untuk Parlimen Belia bersidang dalam Dewan ini.

#### ■1510

Kemudian, saya juga ingin menyentuh Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Soal Kementerian Luar Negeri, tentang peningkatan bajet sebanyak RM132 juta. Yang Berhormat Tan Sri, untuk pengetahuan Yang Berhormat Tan Sri, RM132 juta ini adalah perbelanjaan tambahan atau *additional budget* yang diminta oleh Kementerian Luar Negeri atas alasan kerana duit, *currency* kita jatuh. Jadi, bila kita mempunyai perwakilan di 84 buah negara. Jadi, bila *currency* kita jatuh 20 peratus, jadi kesan itu ialah kita terpaksa bayar lebih dari segi Ringgit. Jadi, bajet itu *burst* sedikit. Jadi, itu punca utama.

Kedua, juga ada *event-event* yang kita peranan Malaysia dalam mengendalikan sebagai Pengerusi ASEAN. Apabila kita *organize* perjumpaan ataupun mesyuarat-mesyuarat ini, maka kita juga melakukan bajet tambahan daripada itu. Jadi, bajet-bajet ini telah diambil kira dan saya ambil maklum tentang saranan Tan Sri bahawa kita kena lihat semula peranan Wisma Putra ataupun *embassy-embassy* kita di luar negara supaya kita boleh *consolidate* kan peranan daripada segi kementerian-kementerian seperti MITI, kita punya *Ministry of Trade* dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi, kemudian Kementerian Pertanian. Di mana ada pejabat-pejabat mereka kalau kita boleh kongsi pejabat supaya kita boleh kurangkan perbelanjaan tetapi daripada segi servis kita tetap ada. Itu daripada segi Kementerian Luar Negeri.

Yang Berhormat Tan Sri ada juga mengatakan bahawa soal KPKT. Bagaimanakah PBT ini tidak ada duit? Sebenarnya ini perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Adam. Saya cuma hendak bacakan daripada segi apa yang berlaku terhadap KPKT ini. Kalau kita tengok, kita ada lebih kurang dalam 53 PBT di tujuh buah negeri. Kesemua PBT ini ia tidak mampu untuk mengendalikan sistem pepejal mereka. Oleh sebab itu kalau kita tengok, kerajaan terpaksa menanggung hampir RM1.8 bilion (2014) dan RM2.1 bilion (2015). Ini kerana kalau kita bagi kepada PBT ini memang ia tak mampu nak buat. Bila KPKT mengambil alih ini, PBT-PBT yang mana dah *collect* itu pun, ia berhutang lagi dengan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM327 juta, tak bayar. Tak bayar fasal mereka tak dapat kutip ataupun dikutip, dia tak bayar sebab dia gunakan untuk perbelanjaan mengurus yang tempat lain.

Jadi, di sini lah isu dia sekarang ini bahawa— sebab itu tiap-tiap tahun kalau kita tengok, bajet untuk KPKT ini bertambah sebab ia memerlukan peruntukan yang sangat tinggi untuk mengendalikan sistem pepejal kita ini. Mengenai cadangan Yang Berhormat Dato' Ali tadi, bahawa kita akan terus membantu PBT ini untuk memastikan bahawa mereka boleh menjalankan program atau pembersihan dalam PBT itu secara berkesan. Akan tetapi daripada segi peruntukan ini, kerajaan juga tertakluk kepada kebolehan untuk membayar. Bila PBT-PBT hendak meningkatkan caj terlampau tinggi pun ia akan menjadi satu masalah yang berbangkit yang lain iaitu menyebabkan kuasa membeli kurang dan sebagainya. Di sini kerajaan terpaksa *balance* peruntukan ini. Kemudian, saya juga hendak...

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** [*Bangun*] Tuan Yang di-Pertua, boleh tak Datuk kita hapuskan sahaja hutang-hutang yang ada sekarang ini supaya PBT ini semua dapat dalam buku hijau lah. Sekarang ini dalam buku merah. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Kalau tengok kita punya kedudukan kewangan hari ini, kita masih berada dalam keadaan defisit 3.1 peratus. Jadi, kemungkinan besar kita tengok macam mana, bincang. Akan tetapi banyak daripada kerajaan-kerajaan negeri yang mana selalunya bila ia kekurangan duit, ia tidak cukup untuk membiayai belanja mengurus, contoh.

Kementerian Kewangan selalunya akan bagi untuk menampung belanja mengurus itu. Akan tetapi apa yang kita hendak supaya mereka ini kena menjalankan tanggungjawab untuk mengutip bayaran ini dan bayar kepada *Federal*, fasal *Federal* dah *subsidize almost RM1 billion over* tiap-tiap tahun. Ini akan meningkat, ini baru *seven state*. Seterusnya, saya ingin juga- Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah. Penyelidikan teras pembangunan negara, 20 universiti awam dikategori sebagai universiti penyelidikan. Institusi kerajaan bekerjasama dengan universiti penyelidikan UIA, berapakah peruntukan-peruntukan universiti yang telah disediakan?

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh lima tahun, sejumlah RM2.35 bilion peruntukan pembangunan atau *development expenditure*, diperuntukkan untuk menampung program dan projek penyelidikan di universiti-universiti awam. Daripada RM2.35 bilion tersebut, sejumlah RM940 juta telah diluluskan di bawah RP1 RMKe-11 yang meliputi tiga buah komponen utama iaitu pengukuhan dan pemerksaan universiti penyelidikan, dana penyelidikan fundamental dan dana suntikan pemerksaan bidang NIC Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (MyHICoE). Itu peruntukan yang telah diberi. Kemudian seterusnya, untuk makluman— Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Prestasi syarikat konsesi pelupusan sisa pepejal. Secara umumnya, prestasi syarikat konsesi berjaya menunjukkan peningkatan. Ia dibuktikan dengan pengurangan bilangan aduan sehingga 86.9 peratus berbanding dengan bilangan aduan pada awal penswastaan. Daripada purata 2,183 aduan sebulan pada tahun 2011, sekarang telah turun kepada 286 aduan sebulan pada tahun 2015. Ini daripada segi *performance* sistem pepejal.

Kemudian, Senator Datuk Hajah Noriah juga isu keadaan kebersihan tandas di sekolah. Adakah kerajaan mempunyai program tertentu dalam mendidik? Pada tahun 2004, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan program yang dikenali sebagai Inisiatif Meningkatkan Keselamatan, Kesihatan dan Keceriaan sekolah atau Program 3K meliputi Program Sekolah Selamat, Program Kesihatan dan Kebersihan serta Program Keceriaan dan Keindahan Sekolah.

Program 3K dapat menyerlah keceriaan sesebuah sekolah di samping menyediakan suasana yang kondusif yang dalam melahirkan pelajar yang bertanggungjawab, berdisiplin, seterusnya cemerlang dalam bidang akademik. Pada dasarnya, KPM mementingkan kebersihan murid dan pihak sekolah selalu menekankan kebersihan tandas dan tatacara menggunakan tandas dengan betul. Untuk memastikan kebersihan tandas, program penarafan tandas juga telah dilaksanakan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada Bajet 2015 yang lalu, Kementerian Pelajaran ada memperuntukkan RM750 juta untuk penyelenggaraan. Jadi, RM750 juta ini termasuk isu-isu pembaikan tandas.

Jadi, kalau ada *specific case* boleh lah Yang Berhormat kemukakan kepada kementerian dan kita akan lihat kalau mereka tidak ada bajet, Kementerian Kewangan akan melihat.

■1520

Kemudian, untuk soalan yang seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff, berapakah agihan bajet untuk setiap negeri bagi penswastaaan pengurusan sisa pepejal? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pembayaran kepada syarikat konsesi mengikut zon wilayah bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

Zon Wilayah	Jumlah Bayaran (RM juta)
Utara	390.53
Tengah	707.96
Selatan	1,037.62

Untuk makluman, ada tiga buah syarikat konsesi iaitu:

Zon Wilayah	Syarikat Konsesi
Utara	E-Idaman Sdn. Bhd
Tengah	Alam Flora Sdn. Bhd.
Selatan	SWM Environment Sdn. Bhd.

Soalan seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff juga, prestasi kempen pengasingan sisa-sisa di punca dan kadar kompaun mengasingkan sisa di punca. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah kutipan sehingga 13 April 2016 adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Kutipan (Kg)
Wilayah Persekutuan	236,276
Putrajaya	32,474
Pahang	230,580
Perlis	6,307
Kedah	96,000
Negeri Sembilan	89,400
Melaka	118,000
Johor	162,000

Kadar kompaun pula, perumahan bertanah, kesalahan pertama RM50, kesalahan kedua RM100 dan kesalahan ketiga RM500. Perumahan bertingkat pula, kesalahan pertama RM100, kesalahan kedua RM200 dan kesalahan ketiga RM500.

Soalan seterusnya, Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam mencadangkan supaya kerajaan khususnya MoT mewujudkan satu sistem khas bagi memantau pemandu-pemandu untuk mengurangkan bilangan kemalangan. Contoh, mewajibkan *black box* dalam setiap kenderaan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator Tan Sri, dalam usaha untuk memantau pemandu untuk mengurangkan kadar kemalangan, kerajaan akan meneruskan dan memperluaskan pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES) yang sedia ada bagi memastikan penguatkuasaan lalu lintas dapat dijalankan secara berterusan 24 jam sehari dan meningkatkan *Perception of Being Caught* (POBC) ke tahap yang lebih tinggi, sekali gus mengubah tingkah laku pemandu. Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan memastikan pengguna jalan raya tidak mengulangi kesalahan lalu lintas, sistem mata demerit akan dilaksanakan semula dalam masa terdekat setelah aspek perundangan dan pelaksanaan didapati teratur.

Daripada aspek pendidikan pula, program advokasi melibatkan *community based* dan pembelajaran pendidikan keselamatan jalan raya kepada pelajar prasekolah, pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan. Selain itu, kurikulum pendidikan pemandu telah digubal semula berasaskan *learning outcome based* yang mana penekanan akan diberikan terhadap aspek kognitif, kemahiran psikomotor dan sikap *affective* adalah akan ditekankan. Penggunaan *black box* dalam setiap kenderaan pernah dilaksanakan pada tahun 1998 sebelum ini. Walau bagaimanapun, perkara ini telah ditangguhkan disebabkan pelaksanaannya dan penguatkuasaannya adalah tidak berkesan. Kementerian Pengangkutan sedia untuk mengkaji semula perkara ini.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh. Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal menyatakan ingin tahu bajet tambahan dengan *recalibrated budget*. Bajet tambahan yang kita bincangkan pada tengah hari ini ialah bajet yang kita buat semasa tahun 2015. Kemudian dalam Bajet 2015 itu, ia ada *contingency fund* atau bajet kecemasan. Dalam bajet kecemasan atau *contingency fund* ini, ia setiap kali bajet, kerajaan akan memperuntukkan RM1.5 bilion untuk *operating expenditure* dan RM2 bilion untuk *development expenditure*. Jadi, apabila *contingency fund* ini digunakan, maka ia kena bawa balik kepada Parlimen, Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk beritahu apa yang kita pakai. Itu sebab kita ada bajet tambahan. Jadi, salah satu daripada penggunaan bajet ini yang kita *table* kan tadi, ada beberapa Kementerian yang pakai, ia menggunakan *contingency fund* ataupun tabung kecemasan tersebut.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh, kalau kita tengok dalam *recalibrated budget* pula, *recalibrated budget* ialah bajet yang kita bentangkan pada bulan Oktober 2015 untuk tahun 2016. Jadi, waktu kita bentangkan Bajet 2016 itu pada bulan Oktober 2015, bajet ini kita bentang kita buat berdasarkan pendapatan negara berdasarkan harga minyak mentah USD48 setong. Akan tetapi bila sampai bulan Januari, kita tengok harga minyak sudah jatuh USD30. Jadi *government* anggarkan akan kehilangan hampir tujuh, lapan bilion pendapatan hasil daripada penurunan harga minyak ini. Apabila harga minyak turun, pendapatan kerajaan kita jangkakan berkurangan hampir lapan bilion, maka kerajaan buat *recalibrated budget* untuk *adjust* kita punya perbelanjaan ini supaya defisit kita kekal 3.1 peratus.

Jadi, ada orang tanya, "*Kenapa perlu kekalkan 3.1 peratus? Kalau revenue sudah jatuh, kita belanja macam biasalah supaya defisit kita nanti akan besar*". Bila defisit besar, *problem* kita ialah penarafan negara kita akan terjejas. Jadi bila terjejas, kos untuk mendapat pinjaman akan bertambah dan ia akan melibatkan semua rakyat Malaysia, akan merasa kesan daripada penurunan penarafan tersebut. Jadi...

**Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Ya silakan.

**Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada dalam *recalibration* itu, selain daripada mengambil kira harga minyak dan juga membuat *adjustment*, adakah juga diambil kira kutipan daripada GST yang telah dibuat sehingga bulan Oktober tahun lepas dalam *recalibration* itu? Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat, ada. Kalau kutipan GST tidak diambil kira ataupun contohnya kita tidak membuat sistem pencukaian yang baru daripada SST kepada GST, maka penurunan itu akan bertambah 18 bilion. Maknanya, minyak jatuh, kita *short* 8 bilion. Kalau tidak ada GST, 18 bilion. Maknanya, 18 campur 8, 26 bilion. Jadi defisit kita akan bertambah besar. Itu sudah masuk sekali. Jadi *nett* nya 8.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh juga mengatakan biasiswa 744 orang pelajar yang dapat SPM, selepas itu *towards last minute*, tidak dapat pergi.

Sebenarnya, kerajaan memikirkan bahawa kita mempunyai komitmen kepada pelajar-pelajar yang sedia ada di luar negara sebab masa kita hantar dia dulu, kita tidak jangkakan kita punya *currency* sampai RM4.40 *against* USD. Jadi, kita tidak hendak kalau kita hantar sekarang yang 744 *additional* sedangkan yang sudah ada di luar sana juga terpaksa kerajaan menambah peruntukan kerana kejatuhan nilai ringgit yang begitu mendadak, maka pada ketika itu kerajaan terpaksa membuat keputusan bahawa kita kena selamatkan pelajar-pelajar yang sudah ada di luar negara terutamanya yang sudah masuk tahun kedua atau tahun ketiga atau tahun keempat, yang buat PhD sampai tahun keenam. Jadi kalau mereka ini tidak dibiayai sepenuhnya oleh sebab kita bagi alasan *currency* jatuh dan kita terpaksa *reduce*kan dia punya *allowance*, mereka akan terjejas.

#### ■1530

Jadi yang belum pergi ini, maka kerajaan mengatakan bahawa *why not* kita hantar mereka ini di *local university* ataupun di *private university local*. Kalau dulu tidak boleh tetapi sekarang *private university* pun boleh. Katakan masuk Sunway kah, Taylor kah, KDU kah atau mana-mana *private university* pun juga boleh, bukan sahaja kepada universiti-universiti awam. Jadi itu sebenarnya tujuan kerajaan menukar- tidak menghantar pelajar-pelajar tersebut. Bukan sebab tidak mahu hantar tetapi sebab memikirkan kesan kejatuhan nilai ringgit yang begitu mendadak pada ketika itu.

Jadi bagi mereka pula, kalaulah 744 ini kita hantar, kita tidak boleh fikir hantar untuk setahun. Kalau mereka kena pergi sana buat *Foundation*, *A-Level* dan juga sampai *degree* dan *master*, jadi kita kena fikir semua itu. Jadi kalau kita tengok 744 itu, kalau hendak *complete* dia punya *degree* sahaja, kerajaan akan *incurred about one over billion*. *This is on top* yang sudah ada di luar sana. Sebab itu kita hendak kena *balance* supaya kita tidak mahu bila pelajar dah hantar Harvard itu, kita panggil dia balik untuk buat di sini kerana kerajaan tidak mampu hendak bayar. Jadi lebih baik kita fikir selamatkan pelajar yang sudah ada di luar negara, yang mana belum pergi ini kita bagi dia peluang belajar dekat dalam negara. Kalau mereka ini *excel*, esok kalau kerajaan sudah pulih balik daripada segi kekuatan ekonomi, harga minyak pun naik balik, kemungkinan besar apabila mereka hendak pergi *Master* atau PhD, kita boleh hantar ke luar negara. Itu sebab kerajaan mengubah sedikit polisi itu.

Saya faham daripada segi pelajar-pelajar juga agak terkilan kerana mereka *look forward* hendak pergi *overseas* tetapi kita takut juga kalau kerajaan hantar, nanti yang sudah ada tidak dapat habis dan kita terpaksa bayar lagi banyak dan yang belum pergi pun kita hantar, jadi kesannya akan jadi lebih teruk kepada kerajaan.

Kemudian mengenai insurans. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Jaspal, semua *insurance company* ini *governed by* Bank Negara. Kalau ada isu-isu penipuan di mana insurans kami tidak mahu bayar *claim*, dia boleh buat laporan ke Bank Negara. Bank Negara akan panggil *insurance company* ini untuk menyelesaikan kes-kes yang terlibat kerana mana-mana institusi kewangan baik bank ataupun *insurance company*, mereka bertanggungjawab kepada *public*. Kalau ada kes-kes yang Yang Berhormat berdepan yang *insurance company* jual polisi tetapi tipu polisi, boleh *report* kepada Bank Negara kerana mereka boleh buat penyiasatan dan kesemua *insurance company* ini boleh *defined* kalau katakan dia menipu. Akan tetapi kita kena tengok dia punya kes, *on case-by-case basis*.

Akan tetapi apa yang berlaku, kebanyakan daripada *complaint* yang diterima ialah mereka tidak baca polisi ini. Dia dengar cakap ejen. Jadi ejen cakap semua *cover*, semua *cover*, semua *cover*, dia pun bayar premium. Bayar dua tahun premium, masuk tiga tahun hendak buat *claim*, dia cakap yang ini tidak masuk, yang ini tidak masuk, yang ini tidak masuk. Jadi bila pergi buat *complain* dengan Bank Negara, Bank Negara tengok polisi, dalam polisi *clearly stated* yang ini memang tidak masuk. Yang itu kita memang ada masalahlah. Jadi isunya sekarang ini, kalau kita hendak beli insurans-insurans ini, kena pastikan kita beli melalui ejen-ejen yang berdaftar ataupun kita *refer* balik kepada *insurance company* untuk dipastikan bahawa tidak ada mana-mana *policy order* ditipu oleh mana-mana ejen.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah. Bantuan awal persekolahan RM100, kelayakan RM3,000 ke bawah sahaja. Mencadangkan supaya had pendapatan ibu bapa bagi bantuan persekolahan dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM5,000. Mencadangkan supaya pelajar yang cemerlang dan miskin diberikan bantuan biasiswa.

KPM mengambil maklum cadangan tersebut, namun bergantung kepada kemampuan kewangan semasa negara. KPM telah menyediakan berbagai-bagai bantuan pendidikan kepada murid termasuklah kepada murid miskin yang cemerlang. Contohnya ialah Biasiswa Kecil Persekutuan dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti. Memang dia ada bagi tetapi kemungkinan besar, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk, bahawa peruntukan itu tidaklah besar seperti mana yang kita hajati sebab kita kena buat *balancing act* untuk pastikan bahawa semua kementerian akan dapat dijaga untuk melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat.

Saya rasa saya sudah habis jawapan ini yang *related* dengan Bajet Tambahan ini...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yassim:** Boleh minta sedikit?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Boleh, boleh.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ada bangkitkan soal dana PIBG, sebab setiap kali Mesyuarat Agung PIBG, kita dijemput dan PIBG minta sumbangan daripada pemimpin tempatan. Jika boleh ya, Kementerian Pendidikan ini diperuntukkan dana tabung untuk PIBG. Taklah diminta banyak sangat dengan pemimpin tempatan. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin nanti kita tengoklah apa dia punya jumlah peruntukan. Kalau PIBG ini saya ingat kalau sekolah ada 10,000, 10,000 sekolah kalau satu sekolah minta- berapa? RM10,000?... *[Disampuk]* Tak apa, nanti kita bincang tengok nanti. Kita tengok kalau kerajaan mempunyai kebolehan untuk mempertimbangkan setiap peruntukan kepada PIBG sebanyak RM2,000, mungkin kita tengoklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]*

### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan untuk tahun 2015 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu disetujui tanpa pindaan.

Saya juga mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

■1540

**RANG UNDANG-UNDANG INSITUT PENYELIDIKAN  
PERHUTANAN MALAYSIA 2016**

**Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

3.40 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 telah diwartakan pada 30 Mei 1985 dan mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1985 sehingga hari ini. Akta tersebut adalah bertujuan untuk menubuhkan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia yang antara lainnya mempunyai fungsi untuk menjalan dan menganjurkan penyelidikan berhubung pembangunan perhutanan menerusi penubuhan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia atau *Forest Research Institute Malaysia* (FRIM).

Semenjak penubuhannya pada tahun 1985 FRIM telah membangun dan berkembang dengan pesat sebagai sebuah entiti penyelidikan yang terulung dalam perhutanan tropika di rantau ini dan dunia.

Dengan memiliki kepakaran dan teknologi yang telah dibangunkan semenjak wujud Institut Penyelidikan Perhutanan atau *Forest Research Institute* (FRI) pada tahun 1927, FRIM telah berjaya meneruskan usaha dalam menghasilkan pelbagai penemuan penyelidikan di semua rantaian hulu dan hiliran sektor perhutanan dalam bidang keluaran hasil hutan, kayu dan bukan kayu, bioteknologi, biodiversiti serta tumbuhan herba dan ubatan. Walau bagaimanapun, perkembangan isu dan pembangunan pesat yang dialami dalam bidang perhutanan di peringkat domestik dan antarabangsa menyebabkan FRIM menghadapi beberapa kekangan fungsi di bawah Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 seperti berikut:

- (i) Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 tidak memperuntukkan pelaksanaan aktiviti dan tanggungjawab untuk pengembangan skop bagi aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang-bidang baru sektor perhutanan seperti perubahan iklim, ekopelancongan, penghijauan kawasan, bioteknologi, konservasi biodiversiti, kesan bahan pencemar dan teknologi terkini selaras dengan perkembangan semasa;
- (ii) Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 tidak memperuntukkan kuasa bagi FRIM untuk menjalankan aktiviti-aktiviti komersialisasi dan aplikasi hasil penyelidikan; dan
- (iii) Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 yang sedia ada tidak memperuntukkan FRIM untuk melaksanakan pelbagai fungsi dan tanggungjawab yang dilaksanakan ketika ini seperti bertindak sebagai bahan persijilan, verifikasi hasil hutan dan badan pengujian bagi hasil berasaskan kayu.

Oleh yang demikian, satu undang-undang baru diperlukan memandangkan perundangan sedia ada dalam Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 tidak dapat dipinda kerana:

- (i) banyak peruntukan baru perlu diwujudkan;
- (ii) melibatkan penyusunan semula peruntukan Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985;
- (iii) melibatkan pindaan hampir keseluruhan Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985; dan

- (iv) mengelakkan kekeliruan sekiranya pindaan dibuat kepada Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 merupakan suatu undang-undang yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kewujudan berterusan, *continued existence* FRIM yang telah ditubuhkan oleh Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia di bawah Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985. Ia akan menjadikan FRIM sebuah pertubuhan perbadanan dan membubarkan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia melalui satu perundangan yang lebih komprehensif.

Objektif utama rang undang-undang ini adalah untuk memacukan bidang penyelidikan, pembangunan, komersialisasi hasil penyelidikan dalam sektor perhutanan hulu dan hiliran di Malaysia supaya dapat dibangunkan secara lebih meluas dan seterusnya menyumbang kepada pengurusan sumber asli secara mampan serta menjana pertumbuhan ekonomi negara. Rang Undang-undang FRIM 2016 ini akan memberi manfaat seperti berikut:

- (i) seiring dengan dasar kerajaan di bawah, dengan izin, *National Transformation Program*, dengan izin, *National Key Economic Areas* (NKEAs) yang telah mengenal pasti inovasi dan komersialisasi daripada hasil penyelidikan di bawah bidang biodiversiti sebagai pemacu ekonomi negara. Ia juga akan menjadikan institut penyelidikan kerajaan tidak bergantung sepenuhnya kepada kerajaan;
- (ii) memperkasakan usaha-usaha penyelidikan, pembangunan, inovasi dan teknologi serta mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan berkaitan dengan sektor perhutanan. Buat masa ini komersialisasi produk penyelidikan FRIM dilaksanakan oleh syarikat lain dan FRIM hanya menerima tiga peratus hingga lima peratus royalti daripada hasil jualan mereka;
- (iii) FRIM sebagai sebuah pertubuhan perbadanan, *body corporate* yang memegang entiti perundangan, *legal entity* bagi membolehkan FRIM melabur, meminjam wang, mengenakan bayaran kepada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan teknikal dan apa juga perkhidmatan yang ditawarkan oleh FRIM kelak;
- (iv) membolehkan FRIM berunding dan mengadakan perjanjian bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Ia juga turut memperuntukkan FRIM untuk menjalankan kursus atau latihan teknikal dan bukan teknikal dalam bidang perhutanan atau bidang lain serta memberi perakuan kehadiran bagi peserta yang mengikuti kursus dan latihan tersebut;
- (v) membolehkan FRIM menyediakan aktiviti pengajian dan program latihan yang dilaksanakan secara usaha sama atau melalui gabungan bersama dengan mana-mana institusi pendidikan tinggi awam dan swasta dari dalam dan luar negara;
- (vi) FRIM akan dibenarkan menubuhkan atau memajukan syarikat untuk memperkukuhkan FRIM sebagai satu badan yang mempunyai *authority* bagi memasarkan, mengkomersialkan dan menguruskan program atau projek yang berkaitan dengan bidang penyelidikannya.

Segala komponen dan elemen-elemen baru yang telah dikenal pasti ini akan memberi ruang kepada FRIM untuk menambah pendapatan di samping terus memantapkan pengurusan dan pengawalan projek penyelidikan dan kerja-kerja operasi;

- (vii) FRIM akan berupaya untuk menjana pendapatan melalui aktiviti-aktiviti komersialisasi hasil penyelidikan dan perkhidmatan-perkhidmatan teknikal dan bukan teknikal yang ditawarkan; dan
- (viii) beberapa fungsi kuasa dan aktiviti kritikal lain yang diselaraskan akan dimasukkan ke dalam undang-undang baru seperti berikut:
  - (a) perluasan skop bagi bidang-bidang baru penyelidikan dan pembangunan;
  - (b) memperuntukkan kuasa sebagai badan pengujian dan badan pensijilan hasil hutan;
  - (c) penubuhan cawangan dan pusat penyelidikan; dan
  - (d) segala aspek tadbir urus dan kewangan FRIM juga akan lebih terurus dan menyeluruh.

Peruntukan melibatkan hal-ehwal kewangan akan membolehkan FRIM untuk menerima, memperoleh dan meminjam wang daripada pelbagai sumber seperti Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, sumbangan, hasil jualan, caj perkhidmatan, pelaburan, hak harta intelek dan dividen dari mana-mana syarikat yang bakal ditubuhkannya.

#### ■1550

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menerangkan Rang Undang-undang FRIM 2016 ini secara terperinci. Rang Undang-undang FRIM 2016 terbahagi kepada tujuh bahagian yang mengandungi 56 peruntukan yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- (i) Bahagian I, permulaan;
- (ii) Bahagian II, Institut dan fungsinya, kuasa dan sebagainya;
- (iii) Bahagian III, ketua pengarah, pegawai dan pekhidmat institut;
- (iv) Bahagian IV, kewangan;
- (v) Bahagian V, kuasa lain institut;
- (vi) Bahagian VI, pelbagai; dan
- (vii) Bahagian VII, peruntukan pemansuhan, pembubaran, pengecualian, peralihan dan sebagainya serta jadual.

Di Bahagian I dijelaskan bahawa akta ini boleh dinamakan Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016. Selain itu, tafsiran terminologi-terminologi yang terpakai turut diuraikan di bahagian ini. Sungguhpun Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 akan dimansuhkan dan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia akan dibubarkan melalui penggubalan Rang Undang-undang FRIM 2016 ini.

Bahagian II memperuntukkan tentang kewujudan berterusan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 11, Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985. Selanjutnya ahli lembaga yang dilantik di bawah Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 dibubarkan dan digantikan dengan anggota Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang dilantik oleh Menteri seramai 16 orang. Anggota Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang dilantik adalah seperti berikut:

- (i) pengerusi;
- (ii) wakil kementerian yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal perhutanan;
- (iii) wakil Perbendaharaan;
- (iv) wakil Unit Perancang Ekonomi;
- (v) wakil kementerian yang bertanggungjawab bagi industri perladangan dan komoditi;
- (vi) wakil Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia;
- (vii) wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak;
- (viii) wakil Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia;
- (ix) dua orang wakil industri berasaskan hutan;
- (x) tidak lebih daripada empat orang lain yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam hal kewangan, perniagaan atau pelaburan yang pada pendapat Menteri boleh menyumbang kepada penyelidikan dan pembangunan yang berhubungan dengan perhutanan dan pengkomersilan hasil hutan; dan juga
- (xi) Ketua Pengarah FRIM.

Walaupun berlaku pertukaran nama institut dalam bahasa Inggeris kepada *Forest Research Institute Malaysia*, dengan izin, dan juga pertukaran ahli lembaga kepada anggota institut. Pertukaran nama tersebut dan penukaran ahli lembaga tidak akan menjejaskan segala hak atau obligasi institut atau mencatatkan apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap institut yang diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap institut. Bahagian ini juga menyatakan tentang fungsi baru FRIM dan penambahan kuasanya yang membolehkan ia memenuhi segala aspek yang berkaitan penyelidikan, perhutanan yang boleh memajukan sektor perhutanan dan industri kayu-kayuan negara.

Bahagian III memperuntukkan tentang pelantikan ketua pengarah yang dilantik Menteri dan lebih daripada seorang timbalan ketua pengarah serta lain-lain pegawai dan pekhidmat FRIM dan kakitangan yang dilantik oleh FRIM. Bahagian ini juga menyatakan tentang faedah-faedah yang boleh ditawarkan kepada pekhidmat FRIM seperti pinjaman, biasiswa, faedah persaraan, ganjaran dan sebagainya serta pemakaian mana-mana peraturan, kaedah, dasar, pekeliling dan arahan yang dibuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Bahagian IV menyediakan peruntukan berhubung hal ehwal kewangan FRIM termasuk penubuhan kumpulan wang di bawah fasal 23, sumber-sumber kewangan baginya serta perbelanjaan-perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan kepada kumpulan wang tersebut.

Fasal 27 memperuntukkan supaya FRIM menubuhkan satu wang rizab di dalam kumpulan wang FRIM. Manakala fasal 28 memperuntukkan pemakaian akta badan-badan berkanun yakni akaun dan laporan tahunan 1980 bagi FRIM.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V memperuntukkan kuasa lain FRIM termasuk peruntukan kuasa kepada Menteri di bawah fasal 29 untuk membuat perintah untuk mengenakan, mengubah atau membatalkan SES penyelidikan ke atas pengeksportan semua atau mana-mana hasil hutan dengan persetujuan Menteri Kewangan. FRIM juga dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan diberi kuasa untuk menubuhkan dan memajukan syarikat bagi melaksanakan mana-mana fungsi FRIM atau menjalankan dan mengelolakan apa-apa program, skim, projek atau aktiviti yang telah dirancang oleh FRIM dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya.

Fasal 31 dan fasal 32 masing-masing memberikan kuasa kepada FRIM untuk mengkomersialkan dapatan penyelidikannya sendiri serta mengenakan fi dan caj bagi apa jua perkhidmatan teknikal, nasihat, pakar runding dan apa-apa perkhidmatan lain yang disediakan oleh FRIM bagi memberikan kemudahan kepada penggunaanya.

Fasal 33 dan fasal 34 pula masing-masing memberikan mandat kepada FRIM untuk meminjam dan melabur wang yang tertakluk kepada kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan. FRIM juga diberikan kuasa untuk membuat apa-apa peraturan bagi melaksanakan peruntukan dalam akta ini.

Bahagian VI merupakan peruntukan pelbagai termasuk berhubung pengurusan harta dalam dapatan penyelidikan melalui aktiviti yang dijalankan oleh FRIM dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan atau mana-mana kerajaan negeri, orang perseorangan, syarikat atau mana-mana organisasi. Dalam bahagian ini juga ada dinyatakan dalam fasal 39 tentang sekatan terhadap penerbitan semula dapatan penyelidikan atau sebahagian daripada dapatan penyelidikan kecuali dengan persetujuan bertulis bersyarat daripada ketua pengarah. Kegagalan mematuhi fasal ini jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

Fasal 40 pula memperuntukkan kewajipan bagi pegawai dan pekhidmat FRIM untuk menyimpan rahsia milik FRIM dan tidak boleh menzahirkannya kepada mana-mana pihak. Pelanggaran fasal ini jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih dari dua tahun atau kedua-duanya.

Terdapat juga sekatan terhadap penggunaan perkataan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia atau *Forest Research Institute Malaysia* atau abjad "FRIM" di bawah fasal 41 dan mana-mana orang yang melakukan pelanggaran terhadap fasal ini. Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM200,000 bagi menjamin perlindungan terhadap apa-apa tindakan guaman terhadap FRIM. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 adalah terpakai kepada FRIM.

Bagi menjamin pertukaran taraf tidak mengganggu aktiviti penyelidikan yang dilakukan oleh Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, peruntukan dalam Bahagian VII diadakan supaya semua hak keistimewaan, liabiliti, obligasi, kewajipan, pemilikan harta, kontrak, surat ikatan bon, perjanjian prosiding mahkamah yang dimiliki atau dimasuki atau melibatkan lembaga yang sebelum tarikh permulaan kuat kuasa dipindahkan kepada FRIM daripada tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang FRIM 2016.

Fasal 52 pula memberi jaminan kepada pegawai dan pekhidmat yang dilantik di bawah Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 akan terus memegang jawatan dan disifatkan dilantik di bawah rang undang-undang ini.

Selain itu, fasal 55 pula bertujuan bagi mengesahkan segala pemungutan fi kemasukan mulai 1 November 1996 serta fi dan caj penggunaan kemudahan mulai 1 Januari 1989 oleh Lembaga di bawah Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 hingga hari sebelum permulaan kuat kuasa akta ini. Bagi maksud rang undang-undang ini, satu jadual yang merujuk kepada subseksyen 3(4) memperuntukkan tentang hal ehwal berkaitan anggota institut yang dilantik di bawah fasal 7 rang undang-undang. Antara peruntukan jadual menyatakan tentang prosedur pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan anggota institut, sebab yang membolehkan jawatan seseorang anggota institut dilucutkan, prosedur berkaitan mesyuarat, pembayaran elaun, minit mesyuarat dan lain-lain perkara yang berkaitan hal ehwal anggota institut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya, usaha untuk memperkasakan Institut Penyelidikan Perhutanan adalah kritikal dalam melaksanakan serta menggalakkan penyelidikan dan pembangunan sektor perhutanan di peringkat hulu untuk menyokong sistem pengurusan hutan secara berkekalan ataupun *sustainable forest management* (SFM) dan di peringkat hiliran bagi pembangunan produk-produk bernilai tambah selain untuk memaju serta mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan. Oleh itu, penggubalan rang undang-undang FRIM 2016 adalah amat penting bagi memastikan FRIM terus relevan sebagai sebuah institut penyelidikan terulung dalam bidang perhutanan dan alam sekitar hutan tropika sejajar dengan perkembangan pesat sektor perhutanan semasa dan akan datang.

**■1600**

Selain itu pengukuhan aspek tadbir urus, fungsi dan kuasa akan memastikan FRIM lebih dinamik di dalam meletakkan sasaran untuk mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan di samping menyokong hasrat negara dalam mengurus dan membangunkan sumber asli secara mampan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Menyokong balik.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kewujudan berterusan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang ditubuhkan oleh Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia yang hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan di bawah akta ini dan pembubaran Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia untuk menyatakan pentadbiran fungsi dan kuasa Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Hoh Khai Mun. Silakan.

**4.01 ptg.**

**Dato' Hoh Khai Mun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 yang akan digubah oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar adalah hasil respons dan kepekaan kementerian terhadap keperluan bagi mencapai keberkesanan fungsi-fungsi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia atau juga dikenali sebagai FRIM agar dapat melibatkan secara langsung dalam aktiviti pengkomersilan selain bidang penyelidikan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Dengan membandingkan akta yang sedia ada iaitu Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985, rang undang-undang FRIM ini akan memperuntukkan kuasa kepada FRIM supaya lebih bebas terutamanya pengurusan institusi secara efektif dan menjamin pihak berkepentingan dari semasa ke semasa serta berdikari dalam aspek kewangan atau menjana pendapatan.

Hal ini sangat ketara dalam Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985, FRIM hanya berfungsi sebagai penyelidikan sepenuhnya. Ia kini berfungsi sebagai badan berkanun persekutuan atau badan korporat yang berupaya menjana pendapatan melalui pengkorporatan dan pengkomersilan produk FRIM. Selain itu FRIM dapat bekerjasama (yang berkepentingan) agar usaha pemindahan teknologi dan perkongsian pengetahuan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya rang undang-undang ini memberikan peruntukan yang luas kepada FRIM di mana pengurusan institut ini akan menjadi lebih bebas daripada pemantauan kerajaan termasuk urusan kewangan institut. Dalam menangani perkembangan isu-isu baru dalam bidang perhutanan di mana Rang Undang-undang FRIM dapat memajukan dan meningkatkan tahap *research and development*, dengan izin, serta mengkomersialisasikan hasil penyelidikan dalam sektor perhutanan dan keluaran hutan sama ada bersifat kayu atau bukan kayu.

Namun begitu, rang undang-undang ini masih memerlukan penjelasan lanjut daripada Kementerian dan pandangan bernas bagi menambahbaikkan rang undang-undang tersebut. Pertama Rang Undang-undang FRIM mengubah FRIM daripada sebuah institut penyelidikan kepada badan korporat. Dengan itu soalan saya kepada Kementerian ialah apakah langkah proaktif yang dilaksanakan untuk mencapai keberkesanan fungsi-fungsi FRIM dalam aktiviti pengkomersilan bersama bidang penyelidikan yang mampu memberi sumbangan kepada negara terutamanya sektor farmaseutikal dan penjagaan kesihatan berasaskan penyelidikan organik.

Kedua, menurut satu laporan tahunan FRIM 2013, jumlah sumber manusia yang terdapat di FRIM adalah seramai 922 orang yang merupakan jawatan tetap. Manakala perjawatan berdasarkan kontrak adalah seramai 446 orang. Akan tetapi sesetengah pandangan menyatakan jumlah sumber manusia FRIM telah melebihi keperluan FRIM sebanyak dua kali ganda sejak bermula penubuhan FRIM. Akan tetapi jumlah ahli penyelidik yang profesional hanya sebahagian kecil sahaja iaitu seramai 182 orang yang merupakan penyelidik tetap dan 99 orang penyelidik kontrak.

Oleh itu, pertanyaan saya kepada Kementerian ialah bagaimanakah Kementerian akan mengimbangi keperluan ahli penyelidik dengan kepakaran profesional dalam membantu FRIM untuk aktiviti pengkomersilan. Apakah perancangan Kementerian kepada FRIM untuk ahli penyelidik profesional dan pakar profesional yang sedia ada di FRIM seluruh negara setelah FRIM menjadi sebuah badan korporat yang berasaskan organik atau biodiversiti.

Ketiga, FRIM dibenarkan menjalankan projek-projek pendekatan bekerjasama dengan pihak berkepentingan sama ada dalam sektor perhutanan biodiversiti bioteknologi atau institut pengajian tinggi awam dan swasta bagi mencapai kemajuannya, melalui pemindahan teknologi pengetahuan terutamanya latihan teknikal serta bukan teknikal untuk memanfaatkan semua pihak yang terlibat terutamanya kepada mahasiswa mahasiswi. Maka saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak Kementerian apakah latihan teknikal dan bukan teknikal yang ditawarkan kepada mahasiswa mahasiswi setelah FRIM menjadi badan korporat berbanding sebelumnya.

Keempat, FRIM boleh menjadikan badan persijilan dan pengujian hasil hutan di bawah Akta Standard Malaysia yang bertujuan menilai dan mengawal kualiti produk berkenaan untuk meningkatkan persaingan dalam pasaran antarabangsa. Di sini soalan saya ialah apakah bantuan atau tatacara piawaian operasi atau SOP dalam penilaian dan penawaran kualiti produk berkenaan terutamanya kesan kepada TPPA terutamanya isu *ruled of origin*, dengan izin. Bagaimanakah FRIM yang akan menjadi badan korporat bersaing dengan syarikat swasta organik yang berpengalaman dalam pasaran kini?

Kelima, skop penyelidikan telah diperluaskan dengan dibahagikan kepada lima bahagian seperti ekopelancongan, hutan baru dan penghijauan kawasan, perubahan iklim, kepelbagaian biologi, serta kepelbagaian fungsi hutan. Saya di sini mencadangkan skop-skop ini diperincikan dan memperkembangkan kelima-lima skop tersebut harus diterbitkan dalam bentuk laporan bagi memberi ruang untuk memahami dan memantau prestasi itu.

Keenam, pelantikan anggota-anggota institut tersebut sudah ditentukan bagi penggantian anggota-anggota Lembaga.

#### ■1610

Menurut Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, pengerusi yang dilantik perlu mempunyai pengalaman dan latar belakang pendidikan dalam bidang kewangan atau pengurusan korporat untuk memastikan pengurusan institusi yang berdikari menjadi lebih efisien dan efektif untuk menjamin keperluan pihak berkepentingan.

Di sini perlu difahami oleh Kementerian, pengerusi yang dilantik seharusnya mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai bidang perhutanan dan biodiversiti agar keputusan yang akan diputuskan tersebut seimbang. Keseimbangan tersebut adakah untuk menjamin keperluan pihak berkepentingan serta faedah yang dibawa kepada institut dalam bentuk saintifik. Kemudian keanggotaan dalam rang undang-undang tersebut, ada perwakilan daripada pihak yang bukan kerajaan atau NGO. Saya di sini mencadangkan agar perwakilan pihak bukan kerajaan telah lama berpengalaman sama ada isu penyelidikan dan pengkomersialan diberikan satu perwakilan anggota.

Ketujuh, rang undang-undang ini membenarkan FRIM menggunakan pendapatan yang dijana untuk membangunkan infrastruktur ekopelancongan supaya boleh menumpang kepada ekonomi negara secara tidak langsung. Ekopelancongan merupakan satu konsep dan perancangan yang telah lama diperkatakan. Dengan mengubah FRIM kepada badan korporat, FRIM perlu mengambil peluang ini untuk mengembangkan program sistem ekopelancongan yang bertemakan *interface* secara menyeluruh dan komprehensif.

Kelapan, berikutnya apakah teras atau pelan pembangunan awal yang telah dikenal pasti oleh FRIM setelah rang undang-undang ini diluluskan dan mengubah FRIM kepada badan korporat. Begitu juga apakah pelan pelaburan yang akan disertai oleh FRIM sekiranya FRIM perlu membuat pinjaman dari bank atau institut perbankan atau melakukan *joint venture*, dengan izin, dengan syarikat korporat yang lain dalam pasaran organik. Sebagai contohnya menurut laporan tahunan FRIM 2013, aliran tunai dan pelaburan FRIM sedang dimiliki amat kukuh. Satu lagi persoalan yang amat penting, apakah kuasa FRIM yang di bawah rang undang-undang ini ke atas aset tetap yang sedang dimiliki kini oleh FRIM.

Kesembilan, FRIM juga diperuntukkan untuk menyentuh bidang biodiversiti, bioteknologi dan sebagainya. Hal ini sedemikian, FRIM boleh mendokumentasikan spesies flora dan fauna termasuk spesies yang hampir pupus untuk menimbulkan kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan kepada biologi. Pada pendapat saya, pendokumentasian yang dibuat oleh FRIM masih tidak dapat diketahui oleh golongan muda Malaysia. Maka pihak kementerian memerlukan tindakan proaktif untuk mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi seperti memilih saluran atau penyampaian maklumat secara berkesan kepada golongan muda agar golongan muda Malaysia yang berkemahiran dan profesional dalam bidang FRIM dapat membantu FRIM berkembang menjadi badan korporat.

Kesepuluh, dari segi perkongsian faedah Orang Asli, yang turut dapat faedah dalam pendokumentasian pengetahuan tradisi Orang Asli dalam penggunaan tumbuhan perubatan dan beraroma di Malaysia. Tambahan pula Orang Asli juga dilatih dalam pembangunan modal insan seperti latihan penyediaan spesies herba secara saintifik untuk meneroka spesies ubatan atau tumbuhan yang belum diketahui. Produk yang bakal dijual akan turut dikongsi faedahnya dengan Orang Asli dan kerajaan negeri selain daripada FRIM ini. Maka saya di sini menyarankan agar kementerian perlu memberikan penjelasan yang terperinci dan lanjut mengenai program latihan kepada Orang Asli serta nisbah perkongsian faedahnya yang akan dinikmati oleh Orang Asli, kerajaan negeri dan FRIM setelah produk yang dijual kepada pasaran berkenan.

Kesebelas, rang undang-undang ini juga membenarkan FRIM mendirikan anak syarikat atau cawangan syarikat FRIM untuk mengkomersialkan hasil penyelidikannya. Walau bagaimanapun, kementerian belum menggariskan satu kriteria atau bantuan yang khususnya untuk membenarkan FRIM menubuhkan anak syarikat atau cawangan syarikat FRIM. Ini adalah untuk mengurangkan kekeliruan syarikat korporat swasta terhadap penubuhan anak syarikat FRIM berkenaan sama ada bersifat syarikat persendirian atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016. Diharapkan juga agar semua persoalan yang saya kemukakan mendapat pencerahan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun. Terima kasih. Saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Silakan.

4.17 ptg.

**Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang bagi membahaskan Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016. Negara kita kaya dengan hutan tropika dan aktiviti utama di negeri-negeri adalah modalkan hasil kayu hutan untuk kegunaan sektor pembinaan dan perabot. Justeru itu, dengan adanya kerangka kerja perundangan statutori ini, perjalanan operasi dan pembangunan komersial hasil hutan yang berteraskan teknologi hibrid campuran bahan teknologi termaju akan membantu negara mengekalkan konservatif hutan negara dan menyejahterakan persekitaran hijau Malaysia.

Objektif utama rang undang-undang ini ialah untuk memacu bidang pendidikan, pembangunan, komersialisasi hasil penyelidikan dalam sektor perhutanan huluan ataupun hiliran di Malaysia supaya dapat dibangunkan secara lebih meluas dan seterusnya menyumbang kepada pengurusan sumber asli secara mampan. Selain itu, FRIM akan berupaya untuk menjana pendapatan melalui aktiviti komersialisasi hasil persidangan dan perkhidmatan teknikal dan bukan teknikal yang ditawarkan.

Namun begitu, ada beberapa perkara yang saya ingin kongsi bersama supaya ia dapat sedikit petunjuk dan perkara yang patut difikirkan yang boleh dimasukkan dalam rang undang-undang ini. Pertama, adalah isu komersialisasi *versus* penyelidikan. Antara kebimbangan mengenai kesan yang mungkin terhasil di bawah rang undang-undang ini adalah mengenai aspek komersialisasi yang mungkin akan diutamakan jika dibandingkan dengan aspek penyelidikan yang sekian lama menjadi fokus FRIM.

Ada tiga soalan di sini. Apakah jaminan bawah aspek penyelidikan untuk pengurusan hutan yang cekap dan berterusan, tidak diketepikan demi menjana pendapatan yang tinggi di bawah aspek komersialisasi? Kedua, apa mekanisme yang akan digunakan oleh FRIM untuk menggalakkan komersialisasi dan juga untuk meningkatkan keupayaan penyelidikan supaya ia *self-sustaining* dengan izin, dan tidak bergantung kepada dana daripada kerajaan?

#### ■1620

Ketiga, bagaimanakah rang undang-undang yang dibentangkan boleh meningkatkan pemuliharaan hutan negara dan selari dengan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan dan *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC)?

Isu kedua yang saya ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua ialah sumber kewangan yang terhad. Kewangan merupakan faktor yang penting dalam apa juga jenis penyelidikan. Dana dalam penyelidikan dan pembangunan memainkan peranan utama dalam memastikan kualiti penyelidikan yang tinggi dan lestari dan memberi manfaat yang berterusan kepada negara. Malaysia adalah antara negara yang diiktiraf mempunyai hutan hujan tertua di dunia iaitu dalam 130 juta tahun dan kos untuk mengkaji khazanah negara ini mempunyai biodiversiti yang luas dan pelbagai emang kita faham adalah tinggi dan berterusan. Soalan saya, adakah kementerian atau FRIM telah mengenal pasti rakan kongsi global yang strategik supaya kita tidak mensia-siakan khazanah negara yang bernilai ini? Apakah kriteria-kriteria yang perlu dimiliki oleh rakan kongsi *global frame* supaya tahap penyelidikan kita dipertingkatkan dan aspek komersialisasi dapat dioptimumkan secara berkesan?

Perkara ketiga ialah isu hubungan antara Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan kerajaan-kerajaan negeri. Kepakaran penyelidikan perhutanan adalah di pihak Kerajaan Persekutuan melalui FRIM. Manakala hutan fizikal itu sendiri dan Jabatan Perhutanan Negeri adalah berada di bawah kuasa kerajaan negeri. Statistik 2014 menunjukkan terdapat 5.8 juta hektar di Semenanjung Malaysia kawasan hutan iaitu kira-kira 44 peratus dari kawasan keseluruhan Semenanjung yang terbahagi kepada hutan pengeluaran 3.01 juta hektar dan hutan perlindungan 1.92 juta hektar.

Soalan saya, bagaimanakah kementerian melihat tentang hubungan ini yang boleh menimbulkan masalah sekiranya terdapat konflik di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri lebih-lebih lagi sekiranya ia melibatkan komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa seperti UNFCCC? Apa mekanisme yang diguna pakai oleh kementerian untuk memastikan kerajaan-kerajaan negeri tidak sewenang-wenangnya menebang pokok-pokok untuk kayu balak, semata-mata untuk mendapatkan pendapatan untuk jangka masa pendek tetapi mempunyai kesan alam sekitar untuk jangka masa panjang dan kos sosial yang lebih tinggi?

Keempat, iaitu isu paten penyelidikan. Sekiranya FRIM berhasrat untuk membuat kerjasama dengan rakan kongsi strategik di peringkat antarabangsa, kekhawatiran timbul mengenai hak milik paten-paten penyelidikan. Kita mungkin memiliki hutan hujan yang mempunyai biodiversiti yang luas dan pelbagai tetapi sekiranya kita tidak sama-sama mempunyai hak dalam penyelidikan-penyelidikan yang dipatenkan, ia tidak akan dapat meningkatkan tahap dan kualiti penyelidikan negara secara jangka panjang. Adalah penting bahawa harta intelek hutan kita dipelihara sebaik mungkin kerana menjadi pengetahuan umum bahawa hutan hujan tropika kita yang tua ini adalah sesuatu khazanah yang amat bernilai. Sepanjang kewujudan FRIM di bawah Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, berapakah bilangan penyelidikan yang telah dipatenkan dan bagaimanakah penyelidikan-penyelidikan ini telah membantu dalam memelihara biodiversiti hutan kita?

Kelima, isu pengurusan hutan yang cekap dan berkesan. Hutan dan tumbuhan juga memainkan peranan penting dalam penyerapan karbon dioksida bagi mengatasi pelepasan gas rumah hijau. Dimaklumkan bahawa komitmen kerajaan adalah untuk memastikan pengurangan pelepasan *green house gasses* kepada 45 peratus pada tahun 2030. Akan tetapi kalau berlaku aktiviti penebangan yang berleluasa, maka mungkin ia akan memberi kesan kepada penyerapan karbon dioksida itu. Oleh yang demikian, pengurusan hutan yang cekap dan berkesan adalah perlu kerana penebangan pokok-pokok hutan yang tidak terkawal akan menyukarkan pemuliharaan hutan dan pemuliharaan alam sekitar dalam jangka panjang. Apakah komitmen negara dalam aspek pemuliharaan hutan dan alam sekitar di peringkat antarabangsa dan jangka waktu pematuhan ini? Bagaimanakah Kementerian memantau pematuhan ini dan peranan yang dimainkan oleh FRIM dalam memastikan komitmen negara di peringkat antarabangsa tercapai?

Tuan Yang di-Pertua, keenam, Pusat Biodiversiti Kebangsaan. Antara tugas hakiki FRIM adalah melaksanakan pendokumentasian kepelbagaian biologi negara. FRIM juga telah diiktiraf sebagai *clearing house* kepada pelbagai flora negara. FRIM juga telah menghasilkan *Malaysia Plant Red List* yang berupaya untuk membantu negara mengurus dan menyelamatkan spesies-spesies yang terancam. Institut Biodiversiti (IBD) pula telah ditubuhkan untuk memainkan peranan yang penting dalam memberi latihan kepada pegawai dan kakitangan PERHILITAN untuk meningkatkan penyelidikan asas terhadap sumber-sumber biodiversiti negara. Penubuhan IBD merupakan satu tindakan jangka masa panjang oleh kerajaan bagi memenuhi beberapa strategi yang disyorkan di bawah Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan.

Pada 2012, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan FRIM telah menganjurkan satu bengkel perbincangan dengan semua pihak yang berkepentingan mengenai penubuhan Pusat Biodiversiti Kebangsaan. Soalan saya, apakah pencapaian-pencapaian Pusat Biodiversiti Kebangsaan ini dalam usaha-usaha memelihara biodiversiti negara dan juga cabaran-cabaran yang telah dikenal pasti dalam memastikan kepelbagaian biodiversiti yang sungguh-sungguh bernilai dapat dioptimumkan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Ketiga, saya jemput Yang Berhormat Dato' Jaspal. Sila.

#### 4.27 ptg.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya berbahas Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kerana telah mengadakan satu taklimat kelmarin dulu, memberi keterangan kepada semua Ahli Yang Berhormat tentang rang undang-undang ini. Perbahasan saya, saya hendak bahagikan kepada dua bahagian.

Satu sedikit *general* dan kemudian saya ada beberapa isu yang saya hendak minta keterangan daripada kementerian.

Bila saya pergi ke taklimat hari itu, masuk ke dewan sementara, bila saya lihat *backdrop* daripada FRIM itu dengan dia punya landskap hutan-hutan di Dewan ini, saya rasa begitu tenteram. Saya pun berasa begitu *motivated* sebab motivasi ini kelmarin dulu dengan pagi hari ini saya bangun pukul 6. Pukul 6.30 naik bukit, pergi hutan Bukit Gasing jalan, masuk hutan, menikmati betapa segarnya udara pagi-pagi. Selepas itu bila saya datang ke sini waktu pagi, saya pergi jumpa doktor. Saya kata saya masuk hutan hari ini jalan, ambil *pressure*. *Pressure* orang muda, 110/70. So saya hendak cakap ini, *I feel on top of the world* sebab sudah pergi masuk hutan. Walaupun kita tahu ini *relationship* ataupun simbolik *relation* antara hutan dan alam sekitar ini, tetapi kita lihat isu-isu yang kita hadapi sudah dua tahun ini.

#### ■1630

Isu-isu yang kita hadapi seperti banjir di Pahang, banjir di Kelantan, tidak pernah kita dengar banjir teruk di Kelantan itu. Lepas itu isu-isu di Cameron Highlands, banjir, *landslide*, macam-macam. Semua ini berkaitan dengan hutan. Walaupun rang undang-undang ini untuk *commercialization* bagi FRIM tetapi saya berpendapat FRIM ini selain daripada hendak *commercialize* dia punya produk, memainkan peranan yang begitu penting untuk memastikan fenomena *climate change*, dengan izin, ataupun *global warming* ini, kita mesti hendak berikan satu pandangan ataupun *we have to be very serious about it*. Hari itu saya tanya dengan Menteri MOSTI soalan yang dikemukakan pada hari pertama Dewan, mengenai kenaikan suhu sama ada ini El Nino atau benda lain dan jawapan dia kata, "*Ini is cyclical sebab El Nino*", tapi saya rasa mungkin ada kaitan dengan *climate change* ini, dengan izin.

Jadi, saya hendak minta keterangan sedikit daripada kementerian, adakah FRIM sebagai badan korporat ini akan membuat sebuah pelan mengenai kawasan perhutanan? Bagaimana kita dapat simpan pokok dengan spesies-spesies ini bukan untuk masyarakat sekarang tetapi untuk generasi akan datang, 100 tahun lagi? *We need to preserve the environment for them*, dengan izin. Jadi, selain hendak *to commercialize* daripada segi penyelidikan, apakah *road map*? Ada buat *road map* atau pun adakah FRIM mempunyai kuasa? Oleh sebab saya dengar walaupun *you* boleh gazet tempat ini, macam Bukit Kiara kita kata hendak buat sebagai satu *park* tetapi bolehkah kerajaan negeri selepas itu membuat keputusan lain?

Saya hendak *develope* tempat ini. Ini sebab baru-baru ini saya mendapat surat daripada MPPJ menyatakan kawasan yang saya duduk itu, yang ada sembilan buah rumah, penuh dengan fauna, dengan hutan begitu cantik akan dibangunkan lebih kurang 36 rumah hendak masuk atas Bukit Gasing. Saya pun tidak tahu macam mana dia akan bina, apa kesan eko sama ada pokok-pokok itu sudah tidak ada lagi, yang apa yang kita nikmati burung-burung dan binatang-binatang yang ada di sana itu semua, apakah akan terjadi? Jadi, saya tahu FRIM sebagai satu badan korporat, adakah peranan untuk menasihati dan memastikan sama ada kita bercadang untuk menggubal undang-undang supaya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mempunyai kuasa untuk menggazetkan tempat itu simpan lama-lama.

Daripada segi rang undang-undang ini, *commercialization*. Saya lihat pada muka surat 38 ini menyatakan bahawa dengan *commercialization*, lebih kurang 30 peratus bajet ataupun perbelanjaan dapat dikurangkan. Saya hendak tahu di sini, berapa banyakkah perbelanjaan FRIM dan daripada segi *projection of commercialization*? Tadi saya dengar Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit memberitahu tentang paten dengan IP. Jadi, daripada segi *projection*, berapa banyakkah projeksi hasil yang FRIM akan dapat tiap-tiap tahun daripada *commercialization*?

Satu lagi yang saya hendak minta keterangan ialah tentang fasa perenggan 4(g) ini. Di mana 4(g) ini menyatakan untuk menyediakan perkhidmatan teknikal, nasihat, pakar runding dan apa-apa perkhidmatan lain berhubung dengan hutan dan industri berasaskan hutan. Jadi, di sini FRIM ini sepatutnya mengutamakan *research*, penyelidikan. Bila ada kita *close* perkhidmatan, janganlah pula FRIM masuk membuat perkhidmatan, membuat landskap- FRIM pergi *compete* dengan orang-orang biasa dalam bidang landskap. Kita tidak mahulah benda-benda seperti itu, satu badan korporat yang memberi keutamaan kepada penyelidikan, masuk pula dalam bidang *business* dan *compete* dengan mereka lain yang telah memasuki bidang landskap ini.

Saya juga mencadangkan, saya tidak tahu macam mana tetapi bila saya lihat kita membelanjakan RM52 bilion ini, kita buat LRT memang bagus. Akan tetapi kita tidak fikir ini bagaimana orang itu yang duduk rumah satu kilometer ataupun dua kilometer daripada LRT itu. Dia hendak pergi LRT macam mana? Kalau boleh kita hendak *encourage* dia berjalan tapi suasana, suhu kita begitu tinggi. Kita tidak ada *shaded walkway*, tidak ada. Jadi, dia akan mengharapkan teksilah ataupun dia tidak mahu jalan, susah hendak jalan ini, panas sangat. Kita hendak jalan dari sini hendak pergi sampai Dewan sementara pun kadang-kadang pun naik *buggy*, panas sangat. Jadi, FRIM kena ambil peranan ini bila kita membuat rancangan seperti macam itu, membuat *research* bagaimana *shaded walkway* ini boleh kita naikkan. Kita sudah *spent* RM22 bilion, tidak akan lagi beberapa juta ini buat pokok yang bagus-bagus supaya ada *shaded walkway* dari tempat-tempat jiran pergi ke kawasan LRT ini.

Satu lagi hari itu Tuan Yang di-Pertua telah membawa satu soalan mengenai *clause 42*. Jadi, saya pun hendak minta keterangan di sini sebab *clause* ini bila saya baca, *it is about protection*. Akan tetapi, bila *you commercialize something*, jadi *you* sudah buat IP, *you* hendak jual untuk mengutip wang, kalau *you* hendak *commercialize* untuk seorang itu, kalau ada apa-apa, *researchers* tidak betul, ada *side effect* kah apa-apa, sudah tentu mereka yang bayar wang ini hendak cari remedi dia. Jadi, adakah *clause* ini hanya untuk daripada segi *research* ataupun benda-benda yang kita *commercialize*. Itu saya minta keteranganlah. Itu sahajalah, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh dan saya minta Yang Berhormat Dato' Khairudin bin ES Samad meneruskan, sila.

#### 4.38 ptg.

**Dato' Khairudin bin ES Samad:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 ataupun FRIM. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta izin sebelum saya membahaskan rang undang-undang ini. Untuk menyentuh sedikit apa yang disuarakan oleh sahabat saya semalam, Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah dan juga Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Boleh Tuan Yang di-Pertua ?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Khairudin bin ES Samad:** Saya melihat tadi Tuan Yang di-Pertua, apabila Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan kita hendak cari pembahas, kita lihat tidak ada orang yang bangun. Malahan, sekarang ini rang undang-undang penyelidikan ini pun juga dingin sambutannya.

#### ■1640

Jadi, saya merasa seolah-olah apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Dato' Suhaimi semalam akan menjadi kenyataan iaitu semua orang datang untuk dapat elaun, tidak mahu hendak berbahas sebab apabila kita bahas Tuan Yang di-Pertua, orang kurang mengambil perhatian terutama pegawai-pegawai. Saya masih ingat mantan Tuan Yang di-Pertua dahulu menegur kerana di dalam Dewan ini hanya tinggal Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sahaja tanpa ada pegawai dan pegawai memberikan alasan mereka ada di bilik-bilik lain sedang mencatat.

Apa yang berlaku apabila jawapan penggulungan daripada Yang Berhormat Menteri semalam dan kelmarin, banyak perkara-perkara yang disuarakan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat semua tidak disentuh, banyak perkara yang tidak disentuh yang kita menjadi tanda tanya sekarang ini, apakah yang kita suarakan ini akan diambil tindakan atau tidak?

Jadi, saya rasa Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua, tolonglah bantu kami untuk menyuarakan perkara-perkara ini ke peringkat atas supaya kita dapat menyelesaikan masalah ini, dengan izin, *once and for all* supaya kita tidak datang kerana elaun. Itu yang pertama.

Kedua, kalau boleh kita melihat, kita tahu kata kita duduk di dalam Dewan ini ada kadang-kadang kita kena keluar untuk menenangkan fikiran, bukan mudah dan bukan senang menjadi Ahli Yang Berhormat hendak duduk dalam Dewan, hendak dengar, hendak *concentrate*- konsentrasi kita. Jadi, kadang-kadang kita terpaksa keluar dan kalau kita melanjutkan masa sampai ke malam, kita jadi lebih bingung duduk di dalam ini. Kalau boleh kita tambah hari, jangan tambah masa. Bila tambah masa, kita bukan ada elaun tambahan masa, dikira sehari juga. Jadi saya mencadangkan supaya kita melengkapkan setiap hari 5.30 petang tetapi kita tambahkan hari. Pegawai pun tidaklah menjadi masalah kepada mereka kerana mereka tidak perlu menunggu sampai larut malam, jadi pegawai-pegawai cukup 5.30 petang boleh balik bersama-sama dengan kita. Ini satu pandangan Tuan Yang di-Pertua. Itu mukadimah saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh, mukadimah, okey.

**Dato' Sri Khairudin bin ES Samad:** Mukadimah. Ini baru hendak *start gear* satu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tadi cadangan ya.

**Dato' Sri Khairudin bin ES Samad:** Sebelum saya bercerita, saya terima jawapan bertulis daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berkenaan dengan soalan saya kerana tidak naik, maka soalan saya dijawab secara bertulis. Saya melihat bahawa yang saya tanya ini bukan binatang yang hendak pupus tetapi saya lihat di sini ia berkaitan dengan hutan tadahan dan sebagainya. Ini bererti walaupun kita hendak bercakap soal binatang tetapi kita juga kena lihat perhutanan. Kalau semua hutan ditebang, maka binatang pun habis.

Saya pernah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri pada sidang yang lepas, apakah langkah-langkah yang dibenarkan dan boleh diambil? Minta cadangan supaya kita dapat melepaskan mereka ini daripada dia pupus. Kerana binatang ini pupus- ini binatang belum masuk FRIM lagi. Binatang ini kalau ia pupus, kenapakah ia pupus? Saya difahamkan pemburuan satu hal. Pemburuan binatang yang boleh dimakan akan disembelih dan dimakan tetapi dalam masa yang sama, oleh sebab kita tidak dibenarkan memelihara sekian jenis binatang, maka binatang-binatang itu dieksport keluar Tuan Yang di-Pertua. Banyak ada di Thailand dan kemudian dibawa ke Amerika, contohnya ular yang kuning itu, saya pun tidak tahu apa nama ular itu. Dia tidak keluar, ular yang kuning itu.

Datuk Seri Boon, saya minta maaf saya sebut di talian ini. Negara bukan bangsa ya, negara. Di Amerika, ular yang kuning ini- "nino", "nino" jugalah.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Sri Khairudin bin ES Samad:** Albino! Hah betul Datuk Hajah Noriah. Ular albino pasal zaman musim panas ini bunyi "El Nino" juga. Ular ini dibawa ke Amerika, dia di sana, dia yang pelihara, dia yang biakkan, kemudian dia hantar balik kepada kita, dijual termasuklah kucing hutan, mana Amerika ada kucing hutan. Hutan pun tidak ada. Kalau ada hutan pun bila waktu musim sejuk mana ada, musim panas semua hutan terbakar, dia tidak ada. Akan tetapi diambil daripada negara kita, dia kacukkan dan ada yang menjadi *toyger*. *Toyger* ini kucing biasa kepada kucing hutan, dicampur. Kacukan itu menjadi *toyger*, muka macam *tiger* lah pasal dia punya *toyger*.

Saya *Google* ini, saya lihat ini. Jadi saya hendak tegur sebab saya sebelum ini tidak tahu bahawa pokok juga pupus, bukan binatang sahaja pupus. Saya terperanjat semalam apabila Yang Berhormat Menteri memanggil kepada KP kita, "*joker*". Dato' KP, saya hendak maklumkan bahawa "*joker*" ini bukan *joker* yang daun terup ataupun *joker* dalam filem *Batman*, saya rasa apa Yang Berhormat Menteri hendak kata semalam *joker* itu sebab mungkin Dato' KP ini pelawak, bercakap suka melawak, jadi gelaran *joker* ya. tidak begitu Yang Berhormat Menteri? Jadi semalam dia terperanjat kerana dia dipanggil *joker*.

Akan tetapi saya terperanjat, begitu *kaget*, dengan izin...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu bahasa Indonesia ya.

**Dato' Sri Khairudin bin ES Samad:** Bahasa Indonesia kerana saya juga darah keturunan Indonesia. Tuan Yang di-Pertua, bila beliau mengeluarkan sekeping papan, kayu meranti. Saya difahamkan tidak ada lagi di dalam hutan kita ini, meranti ini. Jadi kita *dok* pergi beli- yang saya kaitkan dengan *kaget* itu Tuan Yang di-Pertua, bila kita pergi ke kedai perabot sekarang, kayu jati, kayu meranti semua ada yang diukir perabot-perabot yang kita hendak beli bawa balik ke rumah, rupa-rupanya perabot-perabot itu yang kayu jati, kayu meranti rupa-rupanya datang dari Indonesia. Jadi bererti kayu-kayu ini pun sudah pupus di dalam negara kita. Jadi saya tidak mahu mengambil masa yang panjang.

Saya melihat perkara-perkara ini oleh sebab hendak *dicommercialize*kan FRIM ini, saya minta kalau boleh pihak kementerian memberikan pandangan kepada kita, saya minta, apa langkah-langkah yang boleh diambil oleh FRIM untuk memastikan kayu-kayu ini dapat dikembalikan, dapat ditanam semula? Mungkin salah satu cara ialah siapa sahaja yang mendapat lesen untuk menebang balak, yang pakai jam emas, rantai emas itu tauke balaklah itu. Itu dia punya pengenalan sebab bila saya beli jam emas, kawan saya tegur saya. Bukan jam emas pun, disalut dengan emas. Dia tegur saya, dia kata, "*Hai pakai jam macam tauke balak sahaja*"...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini emas sepuhan ya.

**Dato' Sri Khairudin bin ES Samad:** Dia kata saya tauke balak. Jadi saya tidak berani pakai jam emas, itulah jam pun gelap sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada kementerian, boleh atau tidak kalau pokok yang ditebang, tauke-tauke yang dapat konsesi ini kalau dia tebang pokok itu, dia mesti tanam balik pokok itu supaya kita dapat memelihara pokok-pokok ini tidak lagi pupus. Kalau tidak, esok kita tengok ada pula contoh kayu balau, macam-macam jenis kayulah akan hilang dalam negara kita.

Satu lagi yang saya ingin tahu ialah pokok-pokok ini membantu kita daripada segi cuaca, untuk tadahan, keadaan cuaca. Dengan menebang pokok-pokok ini untuk membangunkan perumahan, itu menjadi masalah, kita tahu tetapi saya hendak tahu pula kalau kita tebang pokok-pokok ini dan kemudian kita meneroka, kita jadi peneroka FELDA, kita tanam sawit. Adakah sawit ini membantu daripada segi iklim.

#### ■1650

Ada orang mengatakan kepada saya, sawit tidak membantu. Jadi saya hendak tahu daripada saintis kita daripada FRIM yang telah membuat kajian, saya hendak tahu, adakah sawit membantu kita? Kalau sawit tidak membantu, jadi tidak payahlah kita meneroka hutan-hutan belantara untuk kita hendak tanam sawit. Cukuplah setakat yang ada ini kita pelihara yang itu dahulu, kerana keadaan sekarang ini dan mungkin di masa akan datang akan bertambah lagi panas kalau kita biarkan penerokaan ini diteruskan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang dapat saya sampaikan dan sudah tentulah saya mengambil kesempatan di sini untuk menyokong Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016. Sekian. *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin. Yang terakhir kita minta Yang Berhormat Puan Shanim binti Mohamad Yusoff. Sila.

#### 4.51 ptg.

**Puan Shanim binti Mohamad Yusoff:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di atas inisiatif menggubal sebuah peruntukan baru bagi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016.

Besarliah harapan saya dengan adanya FRIM akan lebih sinergi untuk meneroka, menggiatkan usaha menghijaukan alam sekitar serta memastikan konservasi hutan negara ditingkatkan secara maksimum.

Tumpuan bagi pertumbuhan aktiviti dan industri kecil dan sederhana (SME) dalam pengeluaran serta pengkomersialan hasil hutan tidak sahaja ditumpukan kepada pemerolehan hasil balak bagi kegunaan sektor pembinaan dan industri perabot, malah penggunaan hasil hutan yang tidak berasaskan kayu perlu diperkayakan agar cetusan idea baru yang boleh dikomersialkan secara bioteknologi dapat menjana pendapatan FRIM.

Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan fasal 5 yang menggariskan kuasa-kuasa statutori yang diperuntukkan kepada FRIM serta penggubalan beberapa fasal seperti fasal 29, fasal 30, fasal 31, fasal 32, fasal 33, fasal 34, fasal 35 serta fasal 36, kuasa bagi membuat apa-apa peraturan, amat jelas dinyatakan dan dizahirkan dalam rang undang-undang ini. Akan tetapi, saya mempunyai kemusykilan berhubung dengan peruntukan fasal 42 yang telah menyatakan tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding mahkamah tidak boleh dilakukan ke atas institut dan mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen institut berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keaiban, keingkaran atau peninggalan yang dilakukan atau ditinggalkan dengan suci hati atas sifat sedemikian.

Perkataan 'suci hati atas sifat sedemikian' ini merupakan frasa yang menimbulkan kekeliruan kerana tidak ada pun tafsiran yang dijelaskan secara statutori mengenaiinya dalam fasal 2 akta ini. Kekeliruan ini dibimbangi akan mengakibatkan berlakunya pertikaian yang tidak akan dapat dimuktamadkan dan akan ada pihak yang menjadi mangsa kepada kekeliruan kerana prinsip 'suci hati atas sifat sedemikian' tidak dizahirkan dalam peruntukan draf akta ini. Kita mewakili orang awam amat bimbang, jika berlaku kecuaiian di pihak FRIM, maka tidak ada satu prosiding perundangan akan dapat diambil.

Kita perlu sedar *clause* menutup pintu ini menunjukkan apakah kementerian dan FRIM bersifat terbuka untuk memastikan mereka benar-benar bersedia untuk memasuki pasaran global bagi mengkomersialkan apa-apa hasil penyelidikan atau kontrak janji niaga. Peruntukan fasal 42 ini akan menyebabkan produk perhutanan kita tidak mendapat pengiktirafan antarabangsa dan daya maju usahawan yang bekerjasama dengan FRIM akan menjadi masalah.

Saya ingin memberi satu contoh. FRIM mengkomersialkan produk teknologi baru-buat *solid door resistance* api lima jam. FRIM membuat kajian dan mengkomersialkan dengan ejen pemasaran antarabangsa dan diedar melalui rangkaian *hardware* di negara TPPA, contohnya Singapura. Semasa ujian makmal dan akreditasi serta pensijilan *quality assurance*, ia melepasi tahap *resistance* kebakaran selama tujuh jam dan jangka hayat lima tahun dan tahan air. Belanja makmal dan kos *test* pintu ini habis RM10,000 tetapi apabila hendak dapat sijil kualiti *assurance*, contoh dari *Llyod's Register* sebagai pihak berkuasa pemeriksa ketiga, tidak akan mengeluarkan sijil akreditasi pada pintu-pintu FRIM kerana jelas dalam fasal 42, tidak ada prosiding mahkamah boleh dilakukan.

Pengguna akhir juga tidak boleh *claim* pada Tribunal Tuntutan Pengguna jika pintu FRIM ini rosak atau tidak tahan jangka hayat atau tahan air. Jadi macam mana kita hendak komersial jika tak mahu ada *accountability*? Kita ada banyak cara walaupun kita kena saman jika hasil produk dan hasil kajian diambil, *policy public indemnity* atau *warranty* pihak ketiga atau jaminan mutu pihak berkuasa pemeriksa ketiga seperti SIRIM atau Llyod's.

Tuan Yang di-Pertua, justeru saya memohon penjelasan lanjut daripada kementerian berhubung fasal 42 ini. Semakan perlu dibuat ke atas Jabatan Peguam Negara sama ada apakah akan terjejas apa-apa peraturan lain seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1970 atau Kanun Keseksaan tidak terpakai ke atas FRIM sekiranya fasal 42 ini digunakan.

Sekian, saya memohon pencerahan dan mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Shanim Mohamad Yusoff. Akhir sekali saya minta Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali Rustam. *Last* ya. Terima kasih.

**4.56 ptg.**

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016.

Semalam semasa taklimat, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai FRIM telah menyatakan bahawa ini adalah satu khazanah baru bagi negara kita yang boleh membawa kekayaan baru bagi Malaysia yang telah tidak kita gunakan. Sepatutnya FRIM ini telah pun dijadikan sebuah badan komersial berpuluh-puluh tahun dahulu. Akan tetapi kata orang Inggeris, *better late than never*.

Saya dimaklumkan bahawa dalam laporan antarabangsa, Malaysia adalah antara negara yang mempunyai biodiversiti yang terbesar di dunia, dan jika kita campurkan dengan Indonesia, maka rantau inilah merupakan rantau biodiversiti yang besar yang mana kekayaannya masih lagi belum diteroka. Saya yakin dengan menjadikan FRIM sebagai badan penyelidikan dan pembangunan serta komersialisasi, ia akan membawa sumber ekonomi yang baru bagi negara kita dan juga bagi rantau ASEAN.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapa banyakkah R&D yang telah kita buat oleh FRIM dahulu yang menyentuh bidang biodiversiti seperti pokok-pokok dan juga tumbuhan-tumbuhan? Misalnya, tadi disebut kayu meranti, kayu resak yang dah tinggal beberapa *percent*. Kayu-kayuan yang lain kita lihat dah sukar untuk kita mencari kawasan-kawasan balak baru. Kita ada program penanaman semula tapi penanaman semula ini nampak tak berapa menjadilah. Kita ada buat di beberapa buah negeri, bila tanam, nak tunggu berpuluh-puluh tahun.

Saya harap dengan adanya FRIM sebagai komersialisasi, FRIM juga patut tanam balik pokok-pokok hutan ini dalam hutan simpan kerajaan dan dipastikan pokok itu boleh mendatangkan semula hasil daripada kita hanya tanam lepas itu kita biarkan sahaja.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita ada banyak pokok pelbagai jenis. Saya pun nak tanya juga, berapa jenis pokokkah yang ada di Malaysia yang boleh dikomersialkan di samping jenis-jenis tumbuhan seperti tongkat ali? Tongkat ali ini dah terkenal satu dunia. Ataupun kacip fatimah. Ataupun *rafflesia* ya. Cendawan-cendawan yang tumbuh dalam hutan banyak di Sabah dan Sarawak. Ini juga merupakan produk kesihatan yang patut kita dah paten dan kalau orang pakai, dia mesti guna paten kita dan kita dapat duit.

**■1700**

Macam dibuat di Amerika, hari ini semua bahan *nutritional* ataupun makan kesihatan yang kita makan hari-hari ini semuanya datang daripada Amerika sedangkan biodiversiti kita ini besar. Jadi dengan adanya FRIM ini dikomersialkan, saya percaya ini akan mendatangkan hasil yang cukup lumayan. Kita juga kekurangan pokok-pokok yang boleh menarik unggas. Misal kata hendak cari madu lebah sekarang susah. Ada syarikat lebah, cantik tetapi dekat belakang itu ada gula. Pada kotak dia tetapi ada gula di dalam itu kita hendak makan pun takut. Hendak cari lebah sudah tidak macam dulu. Dahulu kampung saya Tuan Yang di-Pertua, lebah berbuai. Macam di Sabah dan Sarawak, sekarang tidak ada lagi.

Jadi boleh tidak FRIM keluarkan jenis pokok yang boleh menarik lebah untuk datang hinggap. Ini juga boleh mendatangkan hasil kepada negara kita. Begitu juga sekarang orang banyak pelihara lebah kelulut dan sebagainya. Di samping itu, hendak mencari juga pokok-pokok yang cantik. Kalau kita pergi di *Holland*, satu tahun Tuan Yang di-Pertua ada tiga bulan kita tengok semua pokok tulip. Dia mengeksport bunga satu dunia dan tidak ada negara boleh lawan, sedangkan besar *Holland* ini cuma sebesar negeri Pahang.

Kita ada pokok-pokok yang cantik dan boleh tumbuh sepanjang tahun. Misal kata bunga kertas, bunganya macam-macam warna. Satu lagi bunga tecoma. Cuma bezanya tecoma ini, pada musim panas ini dia cantik tetapi dia punya daun bunga itu jatuh banyak sangat. Ini hendak kutip pun satu hal juga.

Akan tetapi, ini kalau kita guna teknologi *biomass* di Australia, diambil semula bunga itu dia proses jadi baja, kita boleh gunakan. Akan tetapi saya hendak sebut tadi kalau kita ada bunga yang cantik macam bunga kertas kita komersialkan. Johor tanam bunga kertas merata-rata. Jadi kalau hendak tengok bunga kertas cantik, pergi Johor. Kalau dekat Melaka bunga *heliconia*. Jadi hendak tengok bunga cantik ada di Melaka. Negeri Sembilan bunga apa. Jadi, FRIM boleh cari jenis-jenis bunga yang lawa-lawa ini dan negara kita ini khatulistiwa. Sepanjang tahun kita boleh tengok Malaysia ini cantik. Lepas itu kita pun boleh tukar bunga-bunga ini.

Macam di *Holland* memang menariklah. Akan tetapi, kita tidak gunakan. Apabila kita sudah dapat ini Tuan Yang di-Pertua, kita kena paten supaya bunga ini kita boleh jual. Kalau tidak nanti Singapura akan kata bunga ini bunga *Singapore*. Singapura ini dia pandai ya. Dia macam-macam. Rambutan Singapura pun ada, longan Singapura pun ada. Pada hal dia tidak ada apa-apa tetapi cara dia komersialkan itu. Jadi, kerana itu, saya melihat memang sudah tiba masanya kita gunakan semua kebolehan kita ini. Kita kalau pergi ke New Zealand, dia ada jual bunga Tuan Yang di-Pertua. Bunga dalam paket ya. Lepas itu dia belajar kita tanam ini baja ini. Lepas itu bunga yang mempunyai benih pula kalau kita sudah semai, dia boleh keluar benih baru. Ditanam cantik, dua tiga bulan lepas itu matinya...

**Dato' Sri Khairudin bin ES Samad:** Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, mohon laluan.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya.

**Dato' Sri Khairudin bin ES Samad:** Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam sebagai mantan Ketua Menteri. Kalau tidak saya dahulu kita pernah minta supaya PBT-PBT ini namakan bunga untuk mereka tanam macam cadangan Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam tadi. Apa kalau benda itu hilang begitu sahaja yang soal tanam-tanam bunga di seluruh negara ini. Dahulu PBT-PBT diminta untuk menanam pokok-pokok bunga ini supaya tempat itu menjadi cantik. Kalau Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam masih ingat. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Betul Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin ya. Memang saya fikir banyak PBT sudah ada bunga masing-masing. Macam yang di Melaka, negeri Melaka bunga kesidang yang bau wangi itu. Kalau dahulu itu biasa dipakai oleh orang yang sudah- orang mudalah anak dara. Kalau dia wangi itu makna dia belum kahwin lagi. Itu bunga- Melaka pakai bunga kesidang. Kalau Bandaraya Melaka dia pakai bunga kertas.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Mohon mencelah. Saya hendak tanya pendapat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, hendak menanya pendapat Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, seingat saya tujuh tahun lepas saya ada ke Guangzhou. So, daripada *airport* ke Guangzhou ke Bandar Guangzhou, *highway* dia itu sepanjang *divider* yang tengah itu ditanamnya pokok-pokok pelam dan difahamkan adik angkat saya belajar di situ, dia mengatakan benih pokok pelam ini dari Malaysia.

Akan tetapi, sepanjang saya lalu dengan teksi itu pokok-pokok pelam ini sedang berbuah dan buah dia tidak besar sangat sebab tanah itu kurang bersesuaian. Akan tetapi nampak buahnya sedang masak dan bayangkan Tuan Yang di-Pertua, sepanjang *divider* di lebuh raya itu penuh dengan pokok pelam yang cantik dan sudah masak. Apakah pendapat Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam kalau kita hendak tanam bunga lebih elokkah atau tanam pokok pelam atau pokok manggis di universiti-universiti kah, tanah-tanah terbuang kah atau terbiar kah ataupun di *highway* kita. Kita tukar pokok-pokok kita tanam pokok manggis ataupun pokok dokong sahaja. Itu sahaja hendak tanya pendapat Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Sebelum itu, saya pilih dua-dua sekalilah. Pasal bunga itu cantikkan. Jadi kalau makan buah sahaja tidak ada bunga pun tidak boleh juga. Jadi, saya sokong ini supaya kita tanam buah mempelam. Kita hari-hari hendak makan mangga, jus di hotel kita akan minta dari mangga manis ya, dari Perlis tetapi dia keluar pun tidak banyak.

Kedua, kita minta mangga dari India, memang sedap. Padahal kita boleh keluarkan. Jadi, dengan adanya FRIM ini saya harap dia akan keluarkan mangga Malaysia yang sedap rasanya lawan mangga India ataupun mangga dari luar negara yang hari ini memang banyak dalam pasaran. Bahkan satu dunia, saya melihat mangga minuman antara yang diminta di hotel-hotel.

Berkaitan dengan bunga tadi, saya sokonglah supaya bunga ini untuk mencantikan jalan raya tetapi ada jalan di negara kita ini tidak sesuai ia ditanam pokok mangga sebab kita punya ekzos banyak karbonlah. Saya dahulu cuba tanam pokok kelapa sepanjang jalan di Melaka dia tidak boleh naik buah kelapa itu, sebab lori lalu dia tekannya minyak dia punya karbon kena, jadi buah kelapa pun tidak berbuah. Jadi tempat-tempat yang sesuai macam di Kedah mungkin sesuai agaknya, bolehlah ditanam buah-buahan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kementerian dalam kajian ini berapa ratus juta boleh dapat tahun pertama, tahun kedua, tahun ketiga dan tahun keempat. Semalam masa taklimat dahulu banyak betullah boleh dapat banyak duit. Kalau tidak tahun pertama kedua, tahun kelima atau tahun ke-10. Berapakah hasil yang boleh diperolehi menerusi komersialisasi yang akan dibuat dan apakah rancangan-rancangan telah pun tersedia?

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya tengok bab muka surat 13, Keanggotaan Institut. Saya lihat bagus ini, cuma Semenanjung ini dia kelohongkan (f) seorang wakil Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Kemudian ada wakil Sabah dan wakil Sarawak. Saya fikir Semenanjung ini tidak cukup seorang. Kita kena masukkan negeri-negeri yang besar macam Johor, Pahang banyak masalahkan, hutan besar. Kemudian itu Terengganu, Kelantan dan juga negeri Perak dan Kedah. Ini supaya kita benar-benar dapat berkongsilah bagaimana setiap negeri boleh menyumbang kepada pembangunan penyelidikan hutan yang boleh membawa pendapatan baru bagi negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat yang sudah bercakap tujuh, lapan oranglah dan saya ingat paling cergas banyak fikiran dikeluarkan. Jadi, pasal bunga buah tadi.

*Ada bunga ada buah,  
Pandai jaga bunga nasib kita akan bertuah... [Tepuk]*

Bunga ini lambang siapa. Baik saya sudah hendak habis bercakap, saya sudah dengar tadi kita punya wakil hendak cakap tadi, bolehlah kita Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi kalau hendak bercakap, di celah-celah nanti saya beri masa. Saya hendak pergi kepada seterusnya- minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

**5.09 ptg.**

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri dan Kementerian cuba menjawab seberapa yang bolehlah. Ini kerana dalam tempoh yang singkat ini mungkin ada beberapa jawapan yang tidak dapat dipenuhi sementara saya menunggu jawapan-jawapan lain ini.

■1710

Akan tetapi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada enam Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian, juga kepada yang lain-lain yang telah pun fokus kepada perbincangan tadi. Saya ingin rumuskan daripada pemerhatian saya bahawa pertamanya, kesemua Ahli Yang Berhormat amat peka, dengan izin, *sustainable* hutan atau pun berkaitannya atau pun lebih tepat kepelbagaian bio ataupun biodiversiti.

Maknanya masing-masing menzahirkan rasa kebimbangan. Saya hendak nyatakan di sini iaitu fungsi FRIM tidak berubah, fungsi asal FRIM tidak berubah. Rang undang-undang ini lebih kepada satu penambahbaikan dalam bentuk satu anjakan yang besar supaya selaras dengan keperluan semasa dan akan datang, lebih-lebih lagi tadi disebut untuk kita bukan sahaja komersial tetapi seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, untuk kita buat kajian selanjutnya yang terpaksa menggunakan kos yang mahal. Oleh sebab itu kita perlu jana pendapatan dalam usaha untuk menanam semula spesies hutan yang telah pun pupus. Saya meneliti ucapan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin bin ES Samad tadi, beliau nampak berseloroh dan saya cuba hendak memerhatikan, mendengar dan saya hendak tengok apakah tujuan ucapan beliau.

Rupa-rupanya beliau ada satu misi iaitu misi beliau adalah sama ada Malaysia ini perlu diteroka lagi atau tidak, kerana baki hutan di Malaysia tinggal lebih kurang 55 peratus, maknanya maksud saya muka bumi di Malaysia 55 peratus di selaputi atau diliputi oleh hutan. Dahulu sebelum diteroka, boleh katakan semua permukaan bumi Malaysia berhutan. Maknanya semua hidupan yang ada di dalam bumi Malaysia ini hutan, yang kita makan sekarang pun umumnya adalah berasal dari hutan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah antara fungsi FRIM untuk bukan sahaja mengembalikan, malahan untuk mengkaji semua spesies hutan Malaysia yang masih ada dan juga hutan di Malaysia suatu ketika dahulu selain daripada beberapa jenis spesies yang dibawa masuk ke dalam Malaysia. Maknanya, fungsi FRIM itu sangat luas. Saya hendak sebutkan juga di sini iaitu kementerian sedang merangka satu rang undang-undang yang berkaitan dengan biodiversiti iaitu ABS atau *Access to Biological Resources and Benefit Sharing*. Tadi ada beberapa Ahli Yang Berhormat menyebut tentang kita bimbang, kita risau mungkin ada spesies kita yang dibawa keluar Malaysia dan kita rugi dengan nilai yang tinggi.

Sebenarnya buat masa ini, tidak ada satu rang undang-undang yang kita boleh memelihara ataupun kita boleh berkongsi manfaat dan faedah kepelbagaian bio di dalam Malaysia sekiranya dibawa keluar untuk dikomersialkan. Maknanya dalam undang-undang ini nanti yang sedang dirangka adalah lebih tertumpu kepada *benefit sharing*, dengan izin, yang kita boleh peroleh, sekiranya sesuatu spesies dari Malaysia, *herbs* dan sebagainya ditransform, dengan izin, dalam bentuk lain bagi tujuan komersial. Ini saya hendak jawab dahulu secara umum, jadi saya hendak ucapkan tahniah di atas segala hujah ataupun perbincangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya cuba jawab satu persatu, mungkin saya tidak mengikut susunan. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin bin ES Samad tadi menyebut tentang bukan sahaja haiwan liar pupus tetapi juga tumbuh-tumbuhan juga pupus. Memang benar, sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, negara kita boleh dikatakan amat ke hadapan dalam bidang dan dalam perkara ini. Kita juga adalah di antara yang telah pun turut serta di dalam *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora*, ataupun CITES. Maknanya, kita ke hadapan dan kita sangat komited untuk memastikan bahawa pada masa-masa akan datang kita bersama-sama dengan pihak antarabangsa, supaya kita turut serta di dalam mengawal atau memastikan bahawa *wild fauna* dan flora ini dapat disekat daripada diperdagangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab dahulu dari bawah Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam iaitu tentang beberapa jenis pokok yang boleh dikomersial dan juga herba *rafflesia* dan cendawan, Malaysia sekarang mempunyai lebih kurang 15,000 jenis pokok, dan lebih 600 bernilai komersial, lebih 2,000 jenis herba juga berpotensi untuk dikomersialkan. Maknanya ini satu nilai yang sangat besar. Ada beberapa lagi yang akan datang kemudian, nanti saya tengok kemudian.

Kemudian Yang Berhormat Tan Sri juga menyebut tentang mencadangkan supaya Ahli Lembaga atau ahli anggota Institut FRIM ini diwakili oleh wakil negeri. Kalau kita tengok fasal 7 telah terdapat keanggotaan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, perwakilan ini dikira telah cukup untuk mewakili negeri-negeri di Semenanjung. Kalau ada keperluan mungkin kita boleh lihat pada masa akan datang.

Yang Berhormat juga bertanya tentang bolehkah FRIM bekerjasama dengan bekerjasama dan menasihati pihak berkuasa tempatan untuk menjadikan Malaysia berwarna-warni, ini satu cadangan yang sangat-sangat di alu-alukan.

Saya ucapkan tahniah Yang Berhormat sebagai seseorang yang banyak berjasa dan bervisi jauh semasa menjadi Ketua Menteri Melaka dahulu, saya lihat banyak perubahan. Mungkin pada masa itu saya tidak pasti, mungkin pada masa itu Yang Berhormat *misses* khidmat teknikal daripada FRIM, kalau tidak salah saya.

Oleh sebab FRIM memang banyak terlibat sebagai perunding dengan pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Majlis Daerah Taiping untuk menanam pelbagai pokok daun dan bunga yang punyai warna yang menarik dan macam-macam lagi. Malah sekarang ini saya juga sedang bekerja sama dengan FRIM untuk membangunkan Laman Mini *Medical Garden* di Tangkak dan juga landskap berasaskan spesies hutan Gunung Ledang di kawasan Tol Tangkak dan juga spesies hutan Johor di Tol Bukit Gambir, itu di antaranya lah dan ada beberapa lagi.

Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin bin ES Samad bertanya tentang apakah langkah yang boleh FRIM ambil untuk memelihara spesies-spesies pokok tertentu yang diancam kepupusan. Sebenarnya pemeliharaan secara *in situ*, dia banyak cara ya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. FRIM bekerjasama dengan JPSM atau Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di dalam memelihara secara *in situ* iaitu penanaman spesies pokok di sebuah kawasan khas yang sesuai dengan habitat asal spesies tersebut. Kemudian juga pemeliharaan secara *ex situ* iaitu penanaman spesies pokok di luar kawasan habitat asal, penanaman spesies terpilih melalui projek restorasi yang di laksanakan dengan kerjasama JPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri dan bagaimana komitmen itu ada.

Kemudian tentang kelapa sawit Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin bin ES Samad, saya tidak mahu hendak menjawab secara tepat takut jadi *trigger* tetapi saya hendak sebut fungsi kelapa sawit dan fungsi hutan amat berbeza.

#### ■1720

Fungsi hutan kepelbagaian bio. Makna dalam hutan itu kalau kita bercakap tentang kepelbagaian bio flora dan fauna saling, dengan izin, *compliment*. Saling melengkapi, saling membantu antara satu sama lain. Sedangkan pokok kelapa sawit itu pokok yang kita tanam. Maknanya fungsi kelapa sawit sebagai- kalau kita bandingkan fungsi kelapa sawit ataupun pokok kelapa sawit sebagai fungsi pokok hutan, jauh bezanya. Malahan daripada kajian telah pun dibuat kelapa sawit adalah antara tumbuhan-tumbuhan yang paling banyak menyerap air. Sawit salah satu tumbuhan yang...

**Dato' Sri Khairudin bin ES Samad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, saya minta laluan.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Ya.

**Dato' Sri Khairudin bin ES Samad:** Saya hendak tahu ini sebab saya tahulah sensitif sikit Tuan Yang di-Pertua, sensitif sebab nanti peneroka kelapa sawit marah kita. Akan tetapi saya hendak tahu daripada segi membantu kita daripada segi cuaca. Kalau hijau, memang hijau lah sawit ini, hijau. Hijau kita pun suka sebab hijau. Akan tetapi adakah ia membantu kita daripada segi iklim, itu yang saya tanya tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kalau daripada segi kehijauan memanglah semua jenis pokok menyerap karbon dioksida tetapi kalau daripada segi iklim, kalau kita bercakap dalam soal iklim sebenarnya sangat luas. Fungsi hutan bukan sahaja sebagai menstabilkan sesuatu habitat ataupun biodiversiti tetapi juga selain daripada menyerap karbon dioksida, hutan ataupun perhutanan juga ataupun hutan-hutan juga perangkap ataupun perangkap hujan, dengan izin, *water catchment* yang paling berkesan.

Kalau saya hendak bercakap tentang air daripada kajian Tuan Yang di-Pertua, kajian yang telah pun dibuat oleh Institut Hidrologi dan Hidraulik Malaysia (NAHRIM) iaitu air hujan yang turun di muka bumi Malaysia ini saya tidak cerita di muka bumi lain, di muka bumi Malaysia ini 40 peratus berlaku kesejatan ke atas- hanya enam peratus yang masuk ke bumi, yang hanya enam peratus masuk ke bumi dan 50 peratus lebih sama ada masuk ke sungai terus ke laut ataupun lebih kurang 20 peratus daripada 50 peratus itu terperangkap di kolam-kolam yang sama ada yang asli ataupun yang kita bina. Dalam erti kata lain kenapa jadi begini? Kenapakah enam peratus itu terlalu sedikit? Ini kerana fungsi hutan itu telah pun berkurangan, ini maksud saya tadi. Ia tidak sama dengan kelapa sawit. Kelapa sawit walaupun dia menyerap oksigen tetapi saya hendak sebut sini kelapa sawit adalah di antara yang menyerap air yang boleh dikatakan besar di muka bumi.

Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin juga bertanya tentang sumbangan FRIM terhadap pemeliharaan flora dan fauna. Saya pergi tadi saya telah jelaskan secara ringkas. Kemudian saya terus kepada Yang Berhormat Senator Puan Shanim fasal 42, Rang Undang-undang FRIM yang tidak memberi imuniti kepada FRIM terhadap segala tindakan guaman dan prosiding yang dikenakan terhadapnya. Sebenarnya fasal ini fasal standard ya, ataupun boleh dikatakan piawai yang terdapat dalam akta-akta lain seperti seksyen 24C, Akta Universiti dan Kolej Universiti, Akta 30 dan juga seksyen 26, Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia.

Dalam erti kata lain kalau boleh saya terangkan sedikit iaitu menentukan sama ada suci hati atau suci hati bukan hanya FRIM, sebenarnya mahkamah. Maknanya pihak yang mendakwa boleh bawa kes ke mahkamah sama ada FRIM suci hati ataupun tidak suci hati. Kalau mahkamah mendapati bahawa FRIM tidak suci hati bolehlah teruskan tindakan ke atas FRIM, itu maksud dia. Maksud suci hati. Walaupun FRIM sentiasa- *insya-Allah* sentiasa bersuci hati tetapi kemungkinan pada masa akan datang ada sesuatu perkara yang di luar kawalan, mahkamah akan tentukan bahawa adakah sesuatu tuduhan itu hasil daripada tindakan tidak suci hati, maksud saya.

Suci hati berdasarkan undang-undang dimaksudkan dengan kejujuran, ikhlas dan bersih yang merujuk kepada suatu perbuatan yang dilaksanakan dengan jujur tanpa mempunyai niat yang buruk dan sebaliknya. Walau bagaimanapun, dalam menentukan sekiranya FRIM bertindak dengan suci hati atau tidak, perkara tersebut hanya boleh ditentukan oleh mahkamah seperti yang saya sebutkan tadi di mana peruntuk kes perlu membuktikan FRIM dan ataupun tidak suci hati dan sebaliknya.

**Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan:** Minta pencelahan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat, sila.

**Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak- hanya dua poin sahaja saya hendak bercakap dengan Yang Berhormat Menteri. Pada masa sekarang dunia mengalami ancaman besar. Ada beberapa ancaman yang besar antaranya ialah perubahan iklim dan kajian menunjukkan bahawa hutan adalah sangat penting dalam mengimbangkan perubahan iklim ini. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi hutan menyerap karbon dioksida daripada udara dan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 25 peratus karbon dioksida diserap oleh hutan. Pakar ekologi dan pakar-pakar iklim juga mengiktiraf bahawa pengurangan *carbon emission* melalui sektor perhutanan adalah jauh lebih kos efektif berbanding dengan cara-cara lain.

Jadi saya ada satu persoalan kepada Yang Berhormat Menteri, antara aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh FRIM di bawah akta baru yang rang undang-undang ini kalau diluluskan, ada disebutkan budaya aktiviti komersial dan juga aktiviti pemuliharaan, *consolation*. Jadi, berapa peratuskah tumpuan akan diberi sebab semua aktiviti memerlukan perbelanjaan, bajet ya? Jadi berapa peratuskah tumpuan akan diberi kepada komersial, dan berapa peratuskah tumpuan akan diberi kepada pemuliharaan hutan?

Satu lagi poin saya hendak kongsi ialah FRIM telah membina satu *walk* ya, satu laluan yang dipanggil *Razak Walk* di *Kepong Botanical Garden*. Ia dinamakan *Razak Walk* untuk- sebagai penghargaan kepada Mantan Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr. Haji Abdul Razak. Apa yang menarik mengenai *Razak Walk* ini ialah ia mesra OKU dan ia memberi peluang kepada OKU untuk turut bersama menikmati ekologi dan biodiversiti yang terdapat di taman tersebut. Pertanyaan saya ialah, adakah cadangan FRIM ataupun kementerian untuk mengadakan laluan-laluan seperti ini di tempat perhutanan yang lain? Itu sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri sambung.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Sebahagian saya hendak sebut dulu memang benar kerajaan menunjukkan bahawa hutan mampu menyerap lebih daripada 200 tan karbon per hektar berbanding dengan misalnya kelapa sawit yang hanya mampu menyerap dan menyimpan kurang dari 100 tan karbon dioksida per hektar. Ini saya hendak betulkan dahulu mungkin saya masih kurang tepat tadi, bandingan antara kelapa sawit dan hutan.

Yang Berhormat Senator tadi bertanya dalam celahan-celahan tadi. Saya mungkin menunggu jawapan daripada pegawai-pegawai. Sebelum- tadi elok saya lanjutkan pada Ahli Yang Berhormat yang lain. iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany. Apakah jaminan aspek R&D hutan tidak diketepikan? Tadi ada persoalan mana lebih penting antara penyelidikan dan juga pengkomersilan.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Dewan tidak keliru antara penyelidikan dan pengkomersialan seolah-olah kita hendak lebih ke arah pengkomersialan. Awal tadi saya telah pun tegaskan iaitu fungsi asal FRIM tidak berubah. Cuma selama ini kita rasa kita rugi dan ada peluang untuk kita tingkatkan pendapatan FRIM dan *insya-Allah* seperti yang saya bentangkan dalam pembentangan tadi iaitu FRIM sebenarnya boleh berdikari daripada pendapatan sendiri.

Pada masa yang sama juga, di FRIM ini ada lebih kurang 700 orang staf Tuan Yang di-Pertua dan daripada 700 orang staf Tuan Yang di-Pertua, 70 peratus orang saintis yang berkelulusan PhD. Gaji mungkin antara RM5,000 ke RM10,000. Kalau di Malaysia, walaupun saintis, pendapatan katakanlah RM10,000 masih sedikit dibandingkan dengan saintis di luar negara. Di luar negara, pendapatan saintis mereka tak kurang daripada RM500 juta Tuan Yang di-Pertua. Maknanya di antara satu *transform* yang kita hendak buat selari dengan *National Transformation Program* supaya selari.

Jadi kita tidak boleh membuat satu pendirian bahawa yang kita hendak buat ini lebih daripada komersial kita tinggalkan penyelidikan dan sebagainya, tidak. Sebenarnya, apa yang kita buat ini di dalam Malaysia sama ada untuk mengekalkan, sama ada kita hendak memelihara atau memulihara hutan misalnya, kita juga boleh berkongsi kepakaran...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Sikit lagi. Kita juga boleh berkongsi pengalaman dengan negara luar. Apabila kita berkongsi pengalaman dengan negara luar atau kita berkongsi ilmu dengan negara luar, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan satu pendapatan yang boleh juga kita raih daripada persijilan dan sebagainya. Itu maksud saya.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany juga bertanya tentang apakah mekanisme untuk menggalakkan komersialisasi dan tingkatkan R&D agar tidak bergantung dengan dana kerajaan. Untuk mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan, FRIM perlu mencari rakan kongsi daripada operasi luar termasuk swasta dalam membangunkan produk dan teknologi yang boleh dikomersialkan.

Penekanan boleh diberikan kepada produk yang berasaskan sumber semula jadi dan mesra alam dan juga yang mempunyai nilai perubatan yang mempunyai permintaan tinggi. Kajian seperti ini akan menarik minat syarikat besar dari luar negara untuk melabur dan menjadi rakan kongsi justeru mengurangkan kebergantungan dana R&D. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini perkara menarik. Kalau kita bercakap tentang pokok gaharu, kayu gaharu daripada pokok karas. Apa yang kita tahu mungkin ataupun kebanyakan yang kita faham mungkin itu adalah hanya sumber pewangi, *perfume* tetapi sebenarnya fungsi gaharu itu lebih daripada itu.

Kalau kita merujuk kepada hadis, saya diberitahu oleh Ketua Pengarah FRIM, iaitu kalau merujuk kepada hadis, asal usul gaharu adalah dari India. Sebenarnya, ada kajian yang telah pun dibuat iaitu selain dari India, sebenarnya Malaysia asal usul gaharu yang asli di mana gaharu asli ini bukan sahaja berfungsi sebagai *perfume*, ataupun pewangi malahan juga sebagai ubat kepada penyakit kanser dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi bertanyakan sama ada banyak lagi ataupun tidak, saya akan jawab sekurang-kurangnya satu daripada setiap Ahli Yang Berhormat. Mungkin yang lain-lain saya jawab secara bertulis. Sekurang-kurangnya satu daripada Ahli Yang Berhormatlah.

Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun, kita ambil yang penting sahaja daripada Yang Berhormat. Mungkin saya jawab, apa perancangan awal FRIM setelah rang undang-undang ini diluluskan. Antara visi FRIM di bawah rang undang-undang yang bakal digubal ini menjadi peneraju utama dalam penyelidikan perhutanan tropika di dunia. Maknanya, kita menjadi peneraju utama.

Kedua, menjadi sebuah badan berkanun persekutuan yang berupaya menjana pendapatan melalui pelbagai perkhidmatan khususnya aktiviti komersialisasi yang boleh menampung sekurang-kurangnya 30 peratus kos operasi dan mengembangkan fungsi-fungsi baru. Di samping itu, FRIM berupaya mewujudkan kerjasama dengan pihak kritikal dalam usaha untuk bersama-sama mendapat manfaat melalui pemindahan teknologi dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany, tadi bertanya tentang berapa peratuskah hutan untuk pemuliharaan, dan berapa peratuskah hutan untuk pengeluaran? Saya hendak sebut di sini iaitu buat masa ini sejumlah 40 peratus daripada 18 juta hektar hutan yang kita ada dikhaskan untuk tujuan perlindungan, manakala baki 60 peratus lagi adalah untuk tujuan hutan pengeluaran. Ini adalah *figure* yang kita dapat dari Jabatan Perhutanan. Kerajaan juga telah komited iaitu mengekalkan tidak kurang 50 peratus. Maknanya kerajaan telah komited untuk mengekalkan tidak kurang daripada 50 peratus luas kawasan negara yang mana keseluruhan diliputi dengan hutan.

Berapa peratus tumpuan FRIM kepada aktiviti komersialisasi dan perhutanan R&D? FRIM akan menumpukan 70 peratus daripada aktiviti kepada bidang perhutanan yang meliputi aktiviti R&D dan pemuliharaan manakala 30 peratus tumpuan akan diberikan kepada usaha komersialisasi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kalau saya kira ini, terlalu tebal Tuan Yang di-Pertua, terlalu tebal.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Jadi, sekurang-kurangnya saya telah jawab satu atau dua soalan, persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mungkin, bukan mungkinlah, saya akan jawab yang lain secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat, telah menjawab panjang lebar dan tepat. Sebenarnya ramai Ahli Yang Berhormat ini berminat sangat tentang hutan dan isinya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 56** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman bahawa kayu dalam hutan ini sangat mulia. Banyak kayu-kayu dalam hutan ini dibawa ke dalam masjid jadi mimbar, tempat Imam baca khutbah. Bayangkan betapa mulianya hutan kita ini, jagalah. Bak kata orang kedua tadi Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin.

*Batang serai bunga selasih,*

*Tanggungjawab kami selesai dan terima kasih [Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, Khamis, 28 April 2016. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.41 petang.]***